

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 16 Februari 2000****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah penjual akhbar yang menjual akhbar *Harakah* kepada orang ramai (bukan ahli PAS) telah diambil tindakan dan tidakkah kementerian mempunyai cadangan untuk mengharamkan pencetakan akhbar tersebut kerana telah berlarutan melanggar syarat-syarat kelulusannya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Dalam Negeri masih belum mengambil tindakan terhadap mana-mana penjual akhbar *Harakah* yang telah menjual akhbar tersebut kepada orang ramai yang bukan ahli PAS. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penguatkuasaan secara teratur telah pun dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap akhbar *Harakah* dengan merampas akhbar berkenaan jika didapati ianya dijual kepada orang awam yang bukan ahli PAS ataupun jika ianya dijual di tempat-tempat selain daripada pejabat ataupun markas PAS.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semua perkara yang berkait dengan penguatkuasaan, kerajaan sentiasa bertindak secara adil dan mengikut peruntukan undang-undang. Mengenai isu akhbar *Harakah* ini pula kerajaan perlu menangani masalah ini secara bijaksana dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk reaksi masyarakat dan juga parti pembangkang. Jika tindakan diambil secara tergesa-gesa parti pembangkang akan menuduh

kerajaan tidak demokratik ataupun berniat jahat. Maka oleh yang demikian, kerajaan perlu mengambil masa bagi mengkaji perkara ini dengan lebih teliti.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa tindakan itu berasaskan kepada keadilan undang-undang dan sebagainya. Bukankah tindakan itu lebih merupakan tindakan politik. Ini berdasarkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengambil apa-apa tindakan ataupun mendiamkan diri terhadap sebarang bentuk penerbitan majalah-majalah hiburan yang tidak mengikut syarat-syarat yang diperuntukkan oleh Kementerian Dalam Negeri, dan saya sendiri pernah melambakkan berpuluh-puluh majalah tersebut ke pejabat bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid satu ketika dahulu.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Dakwaan dari Yang Berhormat memang tidak benar sama sekali, sebab kerajaan memang memantau semua penerbitan yang telah pun diberikan permit untuk menerbitkan sama ada majalah-majalah ataupun akhbar-akhbar di negara kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang terdapat begitu banyak akhbar lidah ramsi parti politik dan kerajaan memang sentiasa memantau. Sebab kita ingin memastikan bahawa semua penerbitan yang dikeluarkan dalam negara kita memang mengikut syarat-syarat yang terikat dalam permit yang dikeluarkan.

Memang kita tahu juga pada dewasa ini adalah pengetahuan umum iaitu akhbar *Harakah* ini sentiasa mempunyai kandungan-kandungan dalam akhbarannya fitnah dan perkara-perkara yang berunsur politik yang tidak benar dan kerajaan memantau semua jenis majalah dan penerbitan termasuk *Harakah* juga. Sekarang kerajaan memang bertindak secara adil sama ada apakah hukuman jika perlu diambil terhadap *Harakah*. Soal sekarang ini adakah kerajaan akan bertindak, mempunyai sikap bertolak ansur atau berlembut walaupun *Harakah* telah pun melanggar syarat-syarat yang terikat dalam permit yang dikeluarkan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam dalam perbahasan Usul Titah Ucapan Diraja, Yang

Berhormat bagi Pendang ada membayangkan seolah-olah kerajaan kita tidak demokratik kalau kerajaan kita mengharamkan *Harakah* kerana kononnya ini menghalang hak kebebasan mereka bersuara. Kita tidak boleh menafikan bahawa hak kebebasan bersuara itu memang terjamin dalam Perlembagaan Malaysia kita tetapi ada batasannya seperti termaktub dalam Artikel 10 itu di mana seperti fitnah, hasutan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Itu mukadimah, Tuan Yang di-Pertua. Umum mengetahui bahawa *Harakah* ini ada mengandungi berita-berita berunsur fitnah dan hasutan. Jadi, soalnya Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan masih lagi mempunyai sikap bertolak ansur ataupun berlembut terhadap mereka ini, tidak mengambil tindakan yang lebih tegas lagi seperti mengharamkan *Harakah* ini.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi memang buat masa ini kerajaan sedang memantau keadaan keseluruhannya apakah tindakan yang paling sesuai. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin mengatakan di sini bahawa jika mengikut Yang Berhormat bagi Pendang, Ketua Pembangkang iaitu negara kita tidak mempunyai hak kebebasan untuk menyuarakan ataupun lain-lain, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, pada hari ini terdapat melebihi 1,851 jenis penerbitan yang merangkumi majalah-majalah dan juga akhbar-akhbar tempatan. Jika kerajaan tidak demokratik, seolah-olah tidak demokratik atau menghalang hak kebebasan untuk bersuara, macam mana kita dapat begitu banyak ataupun melebihi 1,800 jenis majalah dan penerbitan di negara kita. Ini memang menunjukkan bahawa kerajaan kita sentiasa mempunyai sikap terbuka. Tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Alor Gajah memang ada batasan. Kita mempunyai seperti yang termaktub dalam Perlembagaan hak kebebasan untuk menyuarakan kebebasan untuk bersuara, bercampur gaul dengan semua ini tetapi memang ada batasan seperti yang termaktub dalam Artikel 10. Jika terdapat pelanggaran syarat-syarat ataupun pelanggaran lebih pada batasan memang kerajaan harus bertindak.

2 **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

- (a) jumlah koperasi dan jumlah keahlian yang berdaftar di negara kita serta senaraikan lima buah koperasi yang paling berjaya; dan
- (b) berapa buah koperasi yang telah dibatalkan pendaftarannya sejak tiga tahun kebelakangan ini dan apakah program terbaru kementerian untuk membantu koperasi di negara kita.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan,

- (a) Jumlah koperasi yang berdaftar di seluruh negara di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi ialah 4,045 buah. Jumlah keanggotaan ialah 4.61 juta orang. Senarai lima buah koperasi yang paling berjaya adalah seperti berikut:
 - (i) Koperasi Insurans Malaysia Berhad atau MCIS;
 - (ii) Koperasi Permodalan FELDA Berhad;
 - (iii) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;
 - (iv) Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad; dan
 - (v) Koperasi Pemodalan Tanah Kebangsaan Berhad (NLFCS).
- (b) Jumlah koperasi yang dibatalkan pendaftaran sejak tiga tahun kebelakangan ialah 111 koperasi seperti di bawah:
 - (i) 1997 - 48
 - (ii) 1998 - 33
 - (iii) 1999 - 30

Jumlah: 111

Program-program terbaru kementerian yang sedang berjalan sekarang untuk membantu koperasi negara ini ialah

- meningkatkan rangkaian kerjasama di antara koperasi dengan koperasi dan pihak-pihak yang lain;

- untuk menjadikannya lebih berdaya maju dan efektif;
- menerapkan pengurusan moden di dalam koperasi;
- meneruskan program latihan dan didikan;
- meningkatkan kemampuan koperasi untuk bergerak lebih aktif dalam bidang pendidikan, perumahan, kesihatan dan keperluan asas anggota;
- menggalakkan penglibatan wanita dalam memimpin dan menerajui koperasi; dan
- menyediakan dasar koperasi negara bagi menentukan arah tuju gerakan koperasi Malaysia dalam usaha meningkatkan lagi sumbangan dan peranannya kepada perkembangan sosio-ekonomi negara.

Tuan Chow Kon Yeow: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah kriteria yang dipakai oleh kementerian untuk memastikan mana-mana koperasi yang paling berjaya seperti disebutkan tadi.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan lima buah koperasi di atas adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- keanggotaan koperasi yang besar yang boleh menjanakan modal yang besar melalui caruman atau pelaburan anggota koperasi untuk memperluaskan perniagaan dan aktiviti koperasi;
- kemampuan kakitangan profesional koperasi yang berpengalaman dan cekap dalam meneruskan hal ehwal dan pentadbiran perniagaan atau aktiviti koperasi;
- pasaran perniagaan koperasi adalah kukuh iaitu meliputi seluruh negara serta mempunyai rangkaian-rangkaian perniagaan dan cawangan-cawangan di peringkat nasional dan negeri;
- gabungan lembaga kopreasi dan pihak pengurusan koperasi yang mantap yang mampu membangunkan koperasi; dan

- projek yang sentiasa ada untuk dilaksanakan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara 4,045 koperasi yang didaftar ini, saya ingin tahu berapakah koperasi yang menyertai Angkasa. Pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana peranan yang dimainkan oleh Angkasa dan prestasinya.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat. Angkasa ialah umbrella body untuk koperasi dan ianya satu pertubuhan koperasi, yang paling berjaya ialah pendidikan. Selepas taklimat yang diberikan oleh Angkasa, jumlah orang yang ada latihan di Angkasa di seluruh negara pada tahun lepas ialah lebih 70,000. Di antara 70,000 ini 55% ialah dari wanita.

3. **Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan rancangan kementerian untuk memperbaiki jalan raya yang sedia ada dan membina jalan raya-jalan raya yang baru khususnya bagi daerah luar bandar seperti kawasan Parlimen P. 162 Kinabatangan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mementingkan pembangunan infrastruktur khususnya membina jalan raya secara menyeluruh di setiap negeri. Kerajaan juga sentiasa prihatin untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri-negeri seperti Sabah termasuk kawasan Parlimen Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1996-1997 Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan projek membaik pulih jalan dari Batu 32 Jalan Sandakan, Lahad Datu ke Jambatan Kinabatangan. Projek ini adalah merupakan projek yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dengan kos RM6.928 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan adalah difahamkan bahawa JKR Sabah akan memohon untuk menaik taraf jalan Sukau sepanjang 42 kilometer ke taraf turap. Kerajaan Persekutuan sedia mempertimbangkan cadangan ini apabila semua faktor kajian mengenai jalan tersebut telah diambil kira.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kesungguhan kementerian ini dan berazam bukan sahaja memantau ataupun mengenal pasti, bahkan mengimplementasi hasrat rakyat khususnya di

kawasan luar bandar, terutama sekali di kawasan Parlimen Kinabatangan dan negeri-negeri lain di Malaysia tidak termasuk Kelantan dan Terangganu kerana mereka telah memilih kemunduran dan menolak kemajuan, untuk memberi kemudahan asas ini kepada rakyat yang telah memberi sokongan yang padu kepada kerajaan di dalam beberapa siri pilihan raya yang telah diadakan terutama sekali Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ada lagi belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, cukuplah Yang Berhormat. Saya mintalah, cukuplah itu.

1020

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. seperti yang telah dikatakan, Kerajaan Barisan Nasional sememangnya prihatin mengenai tuntutan dan kehendak penduduk rakyat Malaysia khususnya yang di luar bandar mengenai kemahuan mereka supaya infrastruktur di kawasan masing-masing dapat dilaksanakan. Misalnya, semenjak tahun 1996 Kerajaan Persekutuan mengeluarkan peruntukan yang besar untuk membina jalan dan juga jambatan di seluruh negara. Tahun 1996 peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk Kementerian Kerja Raya bagi membina jalan dan jambatan adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Peruntukan</u>
1996	1.7 bilion
1997	2.7 bilion
1998	2.8 bilion (walaupun gawat)
1999	2.6 bilion
2000	2.7 bilion (dijangkakan)

Bagi penyelenggaraan peruntukan tahun lepas ialah RM176 juta, Tuan Yang di-Pertua, manakala pada tahun ini dijangka peruntukan untuk menyelenggara adalah RM196 juta dan insya-Allah sebahagian daripada peruntukan itu dijangkakan akan disalurkan juga ke kawasan luar bandar seperti Sabah dan juga Sarawak

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita sedar bahawa kerajaan memang sentiasa membuat peruntukan bagi membina dan menyelenggarakan jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara. Baru-baru ini kita pernah mendengar melalui surat khabar bahawa runtuh tanah dan jalan dan seperti di Cameron Highlands, Sandakan, Genting Highlands telah berlaku yang memberi kesan buruk dan kerugian kepada kerajaan.

Saya ingin tahu apakah sistem atau pendekatan yang dipraktikkan oleh kementerian bagi memastikan bahawa jalan-jalan Persekutuan yang sedia ada adalah sentiasa dimantau dan diselenggarakan dengan efektif lebih-lebih lagi pada musim hujan dan landas yang baru-baru ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pengalaman, pihak kerajaan sentiasa memantau jalan-jalan yang biasanya cenderung menghadapi masalah dan kemalangan seperti jalan-jalan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Dalam pada itu kita juga harus sedar bahawa tidak semua jalan yang terdapat dalam negara kita adalah di bawah selenggaraan Kementerian Kerja Raya ataupun Kerajaan Pusat kerana kita tahu bahawa ada jalan yang ditakrifkan sebagai jalan Persekutuan dan ada juga jalan yang ditakrifkan sebagai jalan negeri dan jalan luar bandar dan kementerian bertanggungjawab mengenai jalan-jalan Persekutuan yang mana takrifannya pada lazimnya ialah jalan-jalan yang menghubungkan dua ibu negeri, dua bandar yang besar ataupun di antara ibu negeri dengan pelabuhan ataupun lapangan terbang. Manakala jalan-jalan yang lain adalah dikategorikan sebagai jalan luar bandar dan sebahagian daripada jalan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau agensi-agensi lain seperti MADA, KEDA dan lain-lainnya. Jadi, ada jalan yang kalau di bawah Kementerian Kerja Raya, insya-Allah kalau berlaku dan kerap berlaku keadaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat kita memang ada pemantauan yang dibuat dan kita memang akan bertindak secara segera seperti apa yang berlaku di Cameron Highlands tempoh hari.

4. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan susulan dari Ops Statik ke-4 diadakan pada 23 Disember 1999 hingga 17 Januari 2000, di mana menyaksikan 16,494 kes kemalangan yang mencederakan 1960 orang dan meragut nyawa 341 orang. Jumlah saman yang dikeluarkan sebanyak 79,689 saman juga memberi gambaran bahawa pemandu yang melanggar peraturan adalah tinggi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, Ops Statik memberikan tumpuan ke atas membendung kes-kes kecelakaan maut yang melibatkan perjalanan balik ataupun dari kampung pada setiap musim perayaan sejak tahun 1997. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes-kes kemalangan yang tinggi yang berlaku di sepanjang Ops Statik yang dijalankan adalah melibatkan pengguna jalan raya setempat yang menjalankan urusan harian dan berlaku di kawasan liputan Ops Statik.

Pada Ops Statik yang lalu hanya 6.7% sahaja dari keseluruhan kes kecelakaan maut melibatkan pengguna jalan raya yang dalam perjalanan pulang ataupun dari kampung sementara baki itu iaitu 93.3% adalah melibatkan pengguna jalan raya setempat. Maka susulan daripada itu Ops Statik akan memberikan tumpuan kepada laluan bermasalah yang telah dikenal pasti iaitu kebanyakannya di laluan jalan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah saman Ops Statik yang lalu iaitu sebanyak 79,689 atau pada puratanya 3,065 saman sehari adalah lebih rendah daripada purata saman sehari pada musim perayaan yang lepas iaitu 6,782 sehari. Ini memang menunjukkan bahawa jumlah pemandu yang tidak mematuhi peraturan pada Ops Statik yang lalu telah berkurangan dengan banyaknya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencegah nahas jalan raya ialah 3E iaitu *enforcement*, *education* dan *engineering* dan nampaknya kini keutamaan diberikan ke atas enforcement tetapi hasil masih 3A – *accidents, accidents, accidents*. Jadi, saya ingin menanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru, sanggupkah kerajaan menimbangkan satu cadangan yang mungkin drastik tetapi mungkin perlu iaitu kita gantikan Menteri Pengangkutan yang telah menjawat jawatan ini selama 14 tahun tanpa idea yang baru. [Ketawa]

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, pandangan dari puak pembangkang memang aneh sekali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada keseluruhannya kajian yang diadakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia iaitu melalui Ops Statik yang dimulakan pada tahun 1997 hingga sekarang dan didapati, seperti yang saya katakan tadi dalam jawapan asal iaitu ia memang berkesan untuk menurunkan kemalangan-kemalangan khususnya kes-kes kematian di jalan raya. Jika kita dapat lihat kajian perbandingan pada tahun 1996 sebelum Ops Statik dilancarkan, maka terdapat 283 kes kecelakaan maut di negara kita dan daripada tahun 1997 ia telah pun dapat dikurangkan hingga 231, tahun 1998; 240 dan 1999; 185 dan 2000 pada Ops Statik yang baru lepas Tahun Baru Cina ini 177. Bagi jumlah kematian juga sebelum Ops Statik dilancarkan pada tahun 1996; 321 dan sekarang selepas Ops Statik dilancarkan maka sudah kian menurun sehingga 220 kali ini. Adakah ini menunjukkan bahawa Ops Statik berkesan atau tidak Yang Berhormat sendiri tahu.

Sekarang kerajaan memang menumpukan segala tenaga ke atas tempat-tempat atau laluan yang bermasalah iaitu jalan-jalan Persekutuan sebab mengikut kajian pula, semenjak lebu raya bertol berada di negara kita hanya 4% daripada jumlah kadar kematian adalah berlaku di lebu raya bertol dan 96% adalah di jalan Persekutuan. Ini adalah satu tumpuan yang sedang dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa dan mengenai strategi-strategi ataupun pendekatan-pendekatan yang diambil oleh kerajaan supaya menurun dan mengurangkan kadar kematian di jalan raya, masih kita pegang kepada konsep 3P iaitu 'penguatkuasaan', 'pendidikan' dan juga 'penjuruteraan'. Ini adalah satu pendekatan yang universal dan telah pun terbukti di negara lain.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh kerajaan tadi. Apa yang jelas kita lihat daripada jawapan tadi bahawa dengan adanya lebu raya telah pun mengelakkan kemalangan yang mungkin lebih besar berlaku sekiranya lebu raya tidak ada di negara kita. Satu ketika yang lalu kita dengar tohmahan-tohmahan dibuat oleh pembangkang apabila kerajaan berusaha untuk mengadakan lebu raya di negara kita.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan-tindakan dan juga usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memberikan panduan, pendekatan kepada pemandu-pemandu supaya mereka lebih berhati-hati dan lebih berhemah dalam mereka memandu kenderaan supaya kita mewujudkan pemandu-pemandu yang lebih bertimbang rasa. Apakah tindakan-tindakan dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kementerian.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Arau, pihak Polis Diraja Malaysia berkerjasama dengan Kementerian Pengangkutan sentiasa mempunyai program-program bersepadu khususnya dari segi kempen-kempen. Dalam perkataan lain, Kementerian Pengangkutan sentiasa menjalankan kempen-kempen supaya meningkatkan lagi kesedaran pemandu-pemandu di negara kita supaya lebih berhemat dan pihak Polis Diraja Malaysia juga memberi sumbangan terhadap langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan dan selain daripada penguatkuasaan Kementerian Pengangkutan, saya difahamkan, walaupun bukan kementerian saya lagi, saya difahamkan sentiasa mempunyai langkah-langkah dari segi kempen-kempen dengan organisasi-organisasi yang lain.

Kalau kita melihat setiap musim perayaan ataupun hari-hari kebesaran negara kita, kita dapat melihat kerajaan menjalankan kempen berkerjasama dengan semua NGO, organisasi-organisasi yang berada di negara kita, semua ini adalah ke arah menyumbang supaya kadar kematian dan kemalangan jalan raya di negara kita kian menurun dan ini adalah satu langkah yang baik dan kita juga harap Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh memainkan peranan dan supaya kita dapat menggalakkan lebih banyak individu ataupun organisasi untuk memberi bantuan ke arah ini.

5. Tuan Ramli bin Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa kos Satelit Mikro (tiungsat) yang diumumkan pada 1997. Kenapa pelancarannya yang dijangka pada 1998 ditangguhkan sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kota Bharu kos Satelit Mikro Tiungsat ialah berjumlah

RM25,335,470. Mengikut perjanjian yang telah dibuat dengan pihak Russian Space Agency (RSA) pada Mac 1999, pelancaran Tiungsat sepatutnya dijadualkan pada September 1999. Namun demikian, tarikh pelancaran telah ditunda oleh sebab-sebab masalah teknikal. Yang pertama kerosakan pada satelit utama milik Russia iaitu Metior 3M dan yang kedua penutupan lapangan angkasa di Kazakhstan oleh sebab kegagalan pelancaran sebuah roket Proton milik Russia pada Julai 1999, oleh itu pihak Kazakhstan terpaksa menutup lapangan ini untuk beberapa waktu untuk tujuan pembersihan. Pelancaran Tiungsat telah dijadualkan semula untuk dilancarkan pada bulan April ataupun Jun 2000 ini. Walau bagaimanapun, tarikh yang sebenar pelancaran akan diketahui enam minggu daripada tarikh tersebut.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada kementerian berkenaan, kos ini adakah termasuk kos pelancaran atau kos-kos lain seperti kos insurans dan sebagainya. Yang kedua, saya ingin tahu juga adakah ada bantahan-bantahan dari negara-negara lain berhubung dengan posisi orbit di mana satelit ini hendak ditempatkan. Kalau ada bagaimana rundingan dibuat dan keputusan dibuat oleh kementerian berkenaan sebelum pembelian satelit ini yang pada anggapan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan kos yang banyak yang terpaksa dibayar oleh kerajaan kepada syarikat berkenaan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa kos ini tidak termasuk kos-kos yang lain. Ini hanyalah kos untuk pembinaan Satelit Mikro Tiungsat.

Perkara yang kedua setakat ini kementerian tidak dapat maklumat mengenai bantahan daripada negara-negara lain.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberikan menampakkan satu kejanggalan di mana kerajaan telah membuat satu keputusan untuk membeli, untuk menandatangani kontrak dengan satu syarikat yang nampak tidak ada ketrampilannya di dalam bidang yang dimaksudkan ini. Apakah kerajaan sedar tentang kelemahan-kelemahan pada syarikat yang ditandatangani kontrak tersebut.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perjanjian dengan pihak Russian Space Agency hanyalah untuk pelancaran. Satelit Mikro Tiungsat adalah satelit yang telah dibuat sendiri ataupun telah dicipta oleh kumpulan pakar-pakar 8 jurutera saintis dari Malaysia di Surrey Satellite Technology Limited, United Kingdom. Jadi, soal yang dibangkitkan dari segi competency pihak Russia saya rasa tidak berbangkit.

6. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz minta Menteri Pendidikan menyatakan kesan-kesan ekoran langkah kerajaan memansuhkan sebutan baku Bahasa Melayu. Apakah rasional sebenar di sebalik langkah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang Di Pertua, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Februari 2000, penggunaan sebutan bahasa baku dalam bidang pendidikan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dikekalkan. Penggunaan Bahasa Melayu baku keseluruhannya yang meliputi aspek sistem ejaan, tatabahasa, kosa kata dan laras bahasa akan diteruskan sebagaimana yang sedia terlaksana selama ini dalam sistem pentadbiran negara.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak sebutan bahasa baku diperkenalkan pada 1986, selain daripada TV3, pihak manakah yang turut serta menggunakan sebutan baku yang ada disifatkan oleh kebanyakan orang sebagai satu langkah yang menghasilkan dua pola sebutan dalam bahasa Melayu di negara ini.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, setakat maklumat yang diperolehi hanya digunakan di TV3 dan juga di sekolah mengikut pendidikan dalam bahasa Melayu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengemukakan soalan tambahan. Tidakkah Yang Berhormat dan kementerian serta kerajaan sedar bahawa tindakan yang diambil ini mengajar rakyat seolah-olah supaya rakyat berfikiran remeh. Kita mengakhiri alaf yang lalu, kita mendatangkan alaf yang baru ini mengajar rakyat berfikiran remeh, mengajar rakyat hilang fokus dalam penghidupan, mengajar rakyat memerangkap diri mereka kepada berfikir benda-benda yang kecil dan

melupakan yang besar. Selain daripada itu mengajar rakyat tidak konsisten. Perdana Menteri yang sama meluluskan bahasa baku ini pada tahun 1992 dan Perdana Menteri yang sama juga dengan kabinetnya sebahagian besarnya meluluskan pada tahun 2000 ini. Jadi, tidakkah ini merupakan perkara yang perlu difikirkan oleh kementerian Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah perkara ini sedang difikirkan oleh pihak kerajaan? [*Ketawa*]

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih banyak kerana menolong Yang Berhormat itu. Sebenarnya yang remeh di fikiran Yang Berhormat sendiri kerana Yang Berhormat juga tidak menggunakan bahasa baku seperti yang kita dengar di TV3, kemudian cakap orang lain remeh, apa fasal? Jadi, Yang Berhormat sebenarnya bahasa ini dinamik dan ia berubah dan bagi Kementerian Pendidikan ini sentiasa terbuka, konsisten dengan kehendak kabinet, kita mengikut kerana kepentingan rakyat. Oleh sebab itulah keterangan saya pada awal tadi membuktikan apa dia yang sedang kita jalankan.

[**Soalan No. 7** - *Tuan Joseph Salang ak Gandum [Julau] tidak hadir*]

1040

8. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar ada kelewatan dalam laporan bedah siasat *chemist* termasuk laporan DNA dalam perbicaraan jenayah di mahkamah dan apakah program kerajaan untuk mengatasi masalah ini di masa akan datang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar memang ada terdapat kadang-kadang kelewatan dalam menyediakan laporan bedah siasat *chemist* termasuk laporan DNA untuk perbicaraan jenayah di mahkamah dan sebagainya. Namun dari segi keseluruhannya hanya sebahagian kecil sahaja kelewatan yang berlaku. Oleh kerana untuk makluman Yang Berhormat bahawa pemeriksaan dan *analysis forensic* adalah berbagai-bagai dan memerlukan masa yang banyak. Memandangkan semua kaedah analisis yang digunakan adalah mengikut piawai antarabangsa dengan garis panduan yang

ketat di samping untuk kepentingan keadilan, kualiti dan ketepatan keputusan. Maka tempoh bagi menyediakan laporan tidak boleh ditolak ansur. Kementerian ini dari Jabatan Kimia Malaysia mempunyai sistem pengurusan kes dengan mana ia sentiasa berusaha untuk mengeluarkan laporan dalam tempoh masa yang sesuai.

Jabatan Kimia telah menetapkan tempoh siap ataupun *turn round time*, dengan izin, bagi kes-kes yang melibatkan analisis DNA antara satu minggu untuk kes-kes yang perlu kepada tindakan segera atau menarik perhatian awam sehingga dua bulan untuk kes-kes biasa ataupun rutin. Suka saya menyatakan bahawa diantara faktor yang menyebabkan kelewatan:

- i. keutamaan diberi kepada kes-kes yang perlu tindakan segera;
- ii. kelewatan dalam menghantarkan *exhibit-exhibit* ke makmal oleh agensi pelanggan; dan
- iii. makmal tidak dimaklumkan mengenai keutamaan yang diperlukan oleh agensi pelanggan.

Untuk makluman Yang Berhormat di antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini pada masa akan datang ialah:

- i. menubuhkan satu lagi makmal DNA di Jabatan Kimia, Kuching, Sarawak;
- ii. mengadakan perbincangan secara lebih kerap bersama dengan agensi pelanggan; dan
- iii. pelaksanaan teknologi baru selaras dengan perkembangan bidang sains forensik.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun kemungkinan kes itu tidak banyak, sebahagian kecil sahaja tetapi masa yang digunakan itu begitu lama sehingga ada kes pembunuhan seorang pakar doktor dan jururawatnya di klinik. Sehingga hari ini kes pembunuhannya itu tahun lalu, saya rasa 8 bulan lalu, tetapi sehingga hari ini tidak dapat dijalankan perbicaraan disebabkan mengikut pendakwa sehingga bulan Disember lalu

keputusan DNA itu belum didapati. Soalan tambahan, walaupun kes kemungkinan sebahagian kecil tetapi masa yang ditunggu itu begitu lama. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin satu kes yang tertentu. Bagaimanapun, purata tempoh siap dari tarikh penerimaan kes sehingga tarikh kes dilapor di makmal DNA telah bertambah baik dengan ketara dalam masa dua tahun kebelakangan ini dari tiga bulan atau lebih dahulu kepada dua bulan atau kurang sekarang. Ini disebabkan oleh pelaksanaan kaedah baru dan juga teknologi analisis terkini. Untuk makluman, pegawai-pegawai kita di Jabatan Kimia sentiasa melaksanakan tugas-tugas mereka mengikut keutamaan dan cuba menyelesaikan siasatan dan juga kes-kes seperti ini seberapa segera yang boleh.

Kita juga pernah menjalankan kes-kes sehingga siang dan malam apabila keadaan memerlukan. Misalnya dalam pengenalan 13 kes mayat yang terbakar akibat nahas jalan raya yang melibatkan sebuah bas pelancong Singapura dan sebuah lori baru-baru ini dan kesemua mayat telah dikenalpasti melalui analisa DNA dalam tempoh dua minggu. Jabatan ini selanjutnya telah menerima surat kepujian dari kerajaan Singapura. Bagaimana pun kes Yang Berhormat sebutkan itu akan kita ambil perhatian.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Adakah kelewatan dan kelambatan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang membuat soalan yang meminta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalan tambahan, terima kasih. Adakah kementerian sedar kelewatan laporan DNA ini berpunca dari alat yang *out of date*, dengan izin, ataupun dengan sebab kekurangan kakitangan. Mohon penjelasan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Menyebutkan soal-soal kelewatan tadi, masalah penggunaan alat yang *out of date*, saya rasa tidak timbul lagi, kita sekarang menggunakan alat yang baru dan mungkin ada sebab-sebab lain kelewatan ini. Mungkin kelewatan dari segi menghantarkan *exhibit* dan sebagainya.

9. Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad [Jeli] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan nama syarikat-syarikat yang telah mendapat AP (kereta import) dan berapakah jumlah AP tiap-tiap tahun dan tiap-tiap syarat itu perolehi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 130 buah syarikat telah diberi peruntukan lesen import atau AP, dengan izin, untuk mengimport pelbagai jenis kereta penumpang. Dasar kerajaan sekarang ialah jumlah AP diluluskan tiap-tiap tahun tidak melebihi 5% dari jumlah pengeluaran kereta tempatan. Dalam tahun 1999 jumlah AP yang diluluskan ialah 28,586 unit terdiri daripada berikut:

Kereta – dua guna- Baru	-	5,697
Kereta –dua guna- Terpakai	-	600 +
Kereta Penumpang Baru	-	7,490
Kereta Penumpang Terpakai	-	6,600
Motosikal Baru	-	6,843
Motosikal Terpakai	-	194
Perdagangan Terpakai	-	241
Syarikat Pemasangan Tempatan	-	910

Kementerian telah menyediakan senarai yang mengandungi nama-nama syarikat yang telah mendapat AP dan jumlah AP yang diperolehi bagi tiap-tiap syarikat untuk tahun 1999 dan saya akan kemukakan kepada Dewan ini secara bertulis.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah ada syarikat-syarikat koperasi yang mendapat manfaat daripada AP ini dan apakah faktor bilangan tiap syarikat perolehi AP-AP tersebut pada tiap-tiap tahun dan apakah ia melibatkan syarikat-syarikat di seluruh negeri di Malaysia atau mengecualikan syarikat-syarikat yang kelihatan tidak sebulu dengan parti pemerintah. Sekian, terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang saya ada di sini, tidak ada koperasi yang mendapat AP dalam rekod saya

dan kriteria-kriteria untuk mendapat AP ialah lesen import dibagi kepada pemegang *franchise* yang dapat *franchise* dari syarikat prinsipal di luar negeri bagi model yang belum lagi terdapat di Malaysia, itu sahaja. Berdasarkan dasar itu, kerajaan telah meluluskan pruntukan kuota AP kepada 15 syarikat bumiputera yang mendapatkan *franchise* bagi pengimportan 20 jenis kereta penumpang baru dan 17 syarikat bumiputera bagi pengimportan 17 jenis kenderaan dua guna baru sahaja.

Tuan Fu Ah Kiow: Soalan tambahan. Negeri kita sedang menghadapi desakan daripada negara Thailand untuk membuka pasaran industri outomobil untuk membolehkan kereta Thailand diimport oleh Malaysia. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing industri outomobil menjelang ke era WTO dan AFTA. Sama ada langkah tersebut akan juga termasuk kemungkinan mengurangkan cukai import kereta dan juga kemungkinan kita menghapuskan keperluan AP. Sekian, terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan AFTA, lebih kurang 10 ribu tarif bagi barangan Malaysia atau barangan-barangan itu sudah dikurangkan sampai ke 0% hingga ke 5%, tetapi bagi kenderaan atau bagi kereta, negara Malaysia ini sedang menimbang dan mengambil kira kepentingan-kepentingan pemasangan atau pembuat kereta tempatan ini sama ada ini boleh dibuka atau tidak dibuka kepada negara-negara yang lain. Perkara ini masih dalam pertimbangan dan masih dalam perundingan.

10. Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan Pusat bercadang menubuhkan sekolah-sekolah rendah agama di seluruh negara berdasarkan sistem sekolah agama Kerajaan Negeri Johor; dan
- (b) bilakah jangkamasa sebenarnya pelaksanaan sekolah-sekolah bestari peringkat rendah dan menengah di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menubuhkan sekolah-sekolah rendah di seluruh negara berdasarkan sistem sekolah agama Kerajaan Negeri Johor. Namun demikian, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah semenjak 1998. Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk memperluaskan pelaksanaan sekolah bestari ke seluruh negara menjelang tahun 2001 ke 2005 iaitu dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Keluasan projek perkomputeran akan dilaksanakan di 6,400 buah sekolah rendah dan menengah mulai tahun 2000 ini hingga 2001 secara berperingkat. Melalui projek ini, insya-Allah, setiap sekolah yang terlibat akan dibekalkan dengan komputer.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam masa kerajaan hendak menerapkan dasar dan ciri-ciri Islam dalam pentadbiran dan masyarakat Malaysia terutama masyarakat Melayu, tidakkah memperbanyakkan ilmu terutama sekali dalam bidang ilmu keislaman itu adalah satu ciri untuk memasuki ciri-ciri, nilai-nilai Islam ke masyarakat Malaysia. Jadi, dalam perkara ini, adakah kerajaan sudah mendapati tindakan yang sekarang ini mencukupi untuk mewujudkan masyarakat Islam yang berilmu keislaman dalam masyarakat Malaysia dan apakah tindakan susulan supaya di seluruh Malaysia kita mendapat orang ulama, orang alim, orang yang betul-betul terdidik daripada segi Islam yang mempunyai akhlak, berbudi mulia sebagaimana yang telah diajarkan oleh Islam supaya tidak diselewengkan, didapati secara formal mengikut keadaan semasa yang boleh maju dan menekan kepada ekonomi dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat terima kasih. Sepanjang pengetahuan saya, sekolah kerajaan sejak merdeka tahun 1957, anak-anak orang Islam hanya belajar di sekolah-sekolah pondok atau madrasah. Mulai tahun 1962, sekolah-sekolah kerajaan sudah mula memanggil ustaz dan memperkenalkan pelajaran agama di sekolah

rendah dan beralih ke sekolah menengah dan hari ini terbukti di semua pusat pengajian tinggi pendidikan Islam itu diajar. Sama ada kita akan mendapat manusia yang baik atau tidak, bukanlah bergantung kepada pelajaran itu tetapi kepada manusia itu sendiri. Manusia itulah yang menentukan apakah cara penggunaan daripada pelajaran dan ilmu yang diperolehi. Alhamdulillah, di negara kita yang ada orang Islam, yang ada orang Kristian, yang ada orang Buddha, semenjak kita merdeka ini negara masih aman. Ini membuktikan bahawa sistem pelajaran Islam dan apa-apa juga *morale teaching*, dengan izin, yang diadakan di negara kita, bermanfaat kepada negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sekali lagi. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bertanyakan soalan mengenai sama ada kerajaan bercadang menubuhkan sekolah-sekolah rendah agama di seluruh negara yang selaras dan tersusun di bawah satu kementerian yang pusat. Oleh kerana kebimbangan kawujudan, kemungkinan sekolah-sekolah agama rakyat akan dieksploitasikan oleh pihak pembangkang dan kemungkinan ini kelihatannya telah pun membuahkan hasil-hasil yang menimbulkan kekhawatiran yang lebih mendalam di masa akan datang.

Walaupun kita berterima kasih dengan sistem dan cara Kerajaan Pusat menangani soal-soal pendidikan agama sehingga kewujudan sekolah-sekolah menengah dan juga sistem pendidikan tinggi aliran agama, tidakkah kerajaan memikirkan bahawa sudah sampai waktunya bahawa sekolah-sekolah rendah agama mesti diselaraskan dan dipusatkan dengan segera. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat, terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat sendiri, di sekolah menengah memang sudah ada satu sistem, di sekolah rendah, insya-Allah, perkara ini juga akan diusahakan. Dan Kementerian Pendidikan sentiasa peka atas keperluan bagi menubuhkan negara di mana rakyatnya sentiasa patuh kepada ajaran agama dan juga kepada Perlembagaan kita. Insya Allah, terima kasih.

11. **Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]** minta menteri Kewangan menyatakan peranan Jawatankuasa Pemulihan Hutang Korporat dalam kejayaan memulihkan BSKL sejak beberapa bulan yang lepas.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat atau CDRC, dengan izin, telah ditubuhkan pada 17 Ogos 1998 untuk menyediakan satu forum untuk pinjaman dan institusi perbankan menyelesaikan secara perbincangan masalah-masalah pinjaman bagi faedah kedua-dua pihak. Objektif CDRC adalah seperti berikut:

- i. untuk meminumkan kerugian terhadap pemiutang dan pemegang saham melalui perbincangan secara sukarela dan bekerjasama mencari jalan penyelesaian;
- ii. mengekalkan perniagaan yang berdaya maju yang dihipit oleh keadaan ekonomi semasa dan mengekalkan sektor kerajaan;
- iii. untuk memperkenalkan dan melaksanakan rangka kerja penyusunan semula pinjaman yang menyeluruh; dan
- iv. untuk memperkenalkan langkah terbaik penyusunan semula pinjaman korporat.

Sehingga 10 Februari 2000, CDRC telah menerima sebanyak 67 permohonan penyusunan semula pinjaman berjumlah RM36.3 bilion. Dari jumlah ini CDRC telah berjaya menyelesaikan sebanyak 19 permohonan berjumlah RM14 bilion. Sementara sebanyak 13 permohonan berjumlah RM2.7 bilion adalah sama ada ditarik balik oleh pemohon atau ditolak oleh CDRC disebabkan tidak berdaya maju. Manakala baki kes-kes yang masih dikaji oleh pihak CDRC adalah dalam beberapa peringkat penyelesaian. Kebanyakan syarikat-syarikat yang memohon bantuan CDRC adalah syarikat-syarikat yang berdaya maju yang telah mengalami kerugian akibat dari kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997.

Daripada 19 kes yang telah diselesaikan, 16 kes adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dengan

kejayaan penyusunan semula pinjaman mereka. Syarikat-syarikat tersebut akan dapat merangka semula rancangan operasi mereka dengan lebih efektif dan seterusnya membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

1100

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak Kementerian Kewangan telah menjelaskan segala dasar dan tindakan yang diambil untuk memulihkan BSKL termasuk *economic growth* melalui Jawatankuasa Pemulihan Hutang Korporat. Hasil daripada ini pada masa ini tidak boleh dinafikan semuanya dapat mencapai satu tahap yang amat mengalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada beberapa pihak yang masih mengkritik semua langkah tersebut dengan sengaja walaupun sikap negatif daripada pihak tersebut boleh menjejaskan keyakinan terhadap BSKL.

Soalan tambahan saya adakah pihak Kementerian Kewangan bertindak untuk mendidik golongan negatif ini supaya mereka memahami bahawa keyakinan adalah satu dengan izin, *important tool of growth* yang harus dipelihara. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi pada masa sekarang yang ditunjukkan oleh indeks-indeks yang berkenaan jelas menunjukkan ekonomi negara telah pulih dan ini adalah hasil daripada langkah-langkah positif yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan keyakinan telah pun ditunjukkan bukan sahaja dari sektor korporat tetapi daripada keseluruhan rakyat Malaysia, maka kita akan teruskan dengan apa jua langkah-langkah yang telah pun dirancang oleh pihak kerajaan dan kita akan ketepikan kritik-kritik yang mempunyai niat jahat ini.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang tugas jawatankuasa ini adalah memang memulihkan hutang dan menyelesaikan masalah khususnya dari segi kedua-dua belah pihak yang disentuh. Memandangkan bahawa sepertimana yang diakui oleh kerajaan ekonomi pun telah pulih, indeks BSKL telah melebihi 1,0000, apakah sebenarnya kedudukan masalah hutang piutang di peringkat syarikat, adakah masih dalam

keadaan serius ataupun sudah pulih di mana jawatankuasa ini tidak payah lagi untuk diteruskan? Saya minta penjelasan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak CDRC untuk memproses sesuatu permohonan yang diterima daripada syarikat yang berkenaan, syarikat yang berkenaan mestilah memenuhi beberapa syarat terutama sekali syarikat ini mesti dikenalpasti oleh seorang ataupun satu independent consultant bahawa syarikat ini adalah dianggap sebagai berdaya maju ataupun viable.

Keduanya, syarikat yang berkenaan tidak boleh di dalam keadaan *receivership* ataupun *liquidation*, dengan izin, dan beberapa syarat yang lain telah dikenakan juga untuk memastikan bahawa semua permohonan yang dilakukan oleh pihak CDRC untuk memastikan ia adalah berdaya maju ataupun *viable* dan dalam kes-kes yang tidak dianggap *viable* ini akan ditolak oleh pihak CDRC sama ada ia akan diambil oleh pihak Danaharta dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

12. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana soal siasat oleh seorang pegawai polis (ASP Rodwan) dalam penyiasatannya terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dirakamkan ke dalam pita video dan diedarkan secara meluas semasa pilihanraya ke-10 baru-baru ini bertajuk "Skandal Seks Anwar". Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pasukan penyiasat polis dan penerbitnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam penyiasatan kes terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim memang terdapat rakaman pita video dibuat. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan segala rakaman pita video yang dibuat tersebut disimpan selamat oleh pihak polis, maka oleh yang demikian tidak timbul sama sekali isu bahawa pita video berkaitan siasatan tersebut diedarkan kepada umum semasa pilihan raya ke-10 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 13 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING
(PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh”.*[15 Februari 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pendang, sila sambung.
11.07 pagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyambung ucapan perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan ini melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang telah memberikan segala pemeliharaanNya yang dengan riayahNya negara kita dan rakyat seluruhnya berada dalam suasana aman dan sejahtera dan telah selamat menjalankan satu tugas besar dalam Sistem Demokrasi Berparlimen dan Pilihan Raya Umum ke-10 baru-baru ini tanpa apa-apa angkara dan huru-hara seperti yang telah digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak.

Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa Pilihan Raya Umum yang lalu yang telah disentuh dalam ucapan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berjalan dan rakyat telah membuat keputusan dan Barisan Nasional telah mencapai kemenangan lebih daripada dua pertiga. Adalah wajar untuk diperingatkan bahawa kepercayaan dan mandat yang diberikan oleh rakyat mestilah dihargai dan disyukuri oleh kerajaan. Pastiya sebaik-baik cara untuk menunjukkan kesyukuran dan terima kasih kepada rakyat adalah untuk memberikan satu pemerintahan bagi membela hak rakyat serta memberikan keadilan dan perlindungan dan kepentingan rakyat seluruhnya di samping meneruskan usaha-usaha pembangunan negara.

Kemenangan besar yang dicapai oleh UMNO dan Barisan Nasional sepatutnya menggembirakan mereka dan bagi kami Barisan Alternatif walaupun mencapai sebahagian daripada kemenangan itu tetapi pencapaian itu telah memberikan satu rangsangan dan keyakinan bahawa rakyat telah mulai menunjukkan perubahan sikap mereka. Apa yang saya katakan tadi bahawa kemenangan itu sepatutnya menggembirakan Barisan Nasional UMNO namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Selepas pilihan raya kenyataan kenyataan yang diucap, yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Barisan

Nasional dan UMNO khususnya tidak menampakkan bahawa mereka senang dengan keputusan itu. Sebaliknya pelbagai tuduhan telah dibuat bukan sahaja terhadap pembangkang atau Barisan Alternatif khususnya PAS, bahkan tuduhan sesama mereka sendiri telah berlaku.

Sebagaimana yang saya katakan tadi meskipun kami daripada Barisan Alternatif tidak mencapai kemenangan mutlak tetapi kami bersyukur atas apa yang telah kami capai dan kami dapat rakamkan perasaan kami ini dalam bentuk perpaduan yang makin kukuh dalam Barisan Alternatif. Saya mewakili Barisan Alternatif dalam Parlimen ini dan Dewan Rakyat ini ingin merakamkan terima kasih kepada seluruh para pengundi yang telah memberikan undi kepercayaan mereka kepada Barisan Alternatif yang dengan itu dapat menjalankan peranan dalam Dewan Rakyat ini bagi menyuarakan kehendak-kehendak mereka untuk kesejahteraan rakyat dan kesejahteraan negara kita.

Begitu juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada khususnya rakyat negeri Terengganu dan negeri Kelantan kerana cukup berani membuat satu penegasan dan anjakan yang besar dalam pendirian politik mereka. Ucapan tahniah juga saya rakamkan kepada pakatan Barisan Alternatif kerana bukan sahaja dapat mengekalkan kuasa di negeri Kelantan Darul Naim, akan menambahkan pemerintahannya di sebuah lagi negeri iaitu di negeri Terengganu Darul Iman.

Di samping itu, tahniah juga kepada rakyat di negeri-negeri lain yang telah memberikan kemenangan beberapa kerusi kepada Barisan Alternatif di negeri masing-masing yang boleh dijadikan asas mencapai kemenangan lebih besar dalam Pilihan Raya Umum akan datang, insya -Allah

Tuan Yang di-Pertua, mengimbas kembali keputusan pilihan raya ke-10 baru-baru ini, walaupun Barisan Nasional dapat mengekalkan dua pertiga majoriti di Parlimen, ternyata bahawa kemenangan 42 buah kerusi Parlimen Barisan Alternatif atau 45 buah kerusi pembangkang seluruhnya dengan dua negeri yang telah berada dalam pemerintahan Barisan Alternatif sekaligus menunjukkan kemerosotan populariti dan penghakisan keyakinan rakyat terhadap Barisan Nasional.

Dilihat dari kayu ukur undi popular jelas bahawa Barisan Nasional mengalami kemerosotan undi popular dari jumlah 65% dalam Pilihan Raya Umum yang ke-9 tahun 1995 dan 56.1% pada pilihan raya ke-10 baru-baru ini. Analisis dan *post-mortem* yang terperinci telah pun didedahkan oleh beberapa pihak sama ada di dada akhbar luar negara, akhbar perdana atau alternatif akan kemerosotan kepercayaan dan peralihan sokongan rakyat keseluruhannya dan orang Melayu khususnya kepada UMNO.

Ada penulis terawal yang menerbitkan analisis *post-mortem* pilihan raya *Asean World Strait Journal* ada menegaskan bahawa UMNO memerlukan perubahan budaya untuk terus kekal berkuasa. Antara lain akhbar itu memetik kata-kata Abdul Razak Baginda iaitu Ketua Eksekutif Malaysian Strategic Resource Centre (SRC) bahawa; “*Meskipun baik Barisan Nasional menang tetapi UMNO kalah kerana UMNO telah kehilangan sokongan masyarakat Melayu*”. Kalau dahulunya UMNO mempunyai 94 buah kerusi Parlimen, ia hanya ada 71 buah kerusi sekarang.

Hakikat ini diakui sendiri oleh pihak Barisan Nasional seperti pengakuan yang dibuat dalam sebuah akhbar harian oleh seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO yang sekarang mewakili Parlimen Kota Tinggi pada 26 Januari yang menyebut bahawa ramai calon Barisan Nasional dari UMNO menang kerana sokongan yang diberikan oleh pengundi bukan Melayu. Yang anehnya kata beliau lagi terdapat kawasan-kawasan di mana jumlah undi yang diperolehi oleh calon UMNO kurang dari jumlah ahli UMNO di kawasan tersebut. Ini memang sesuatu yang sangat aneh.

Tuan Yang di-Pertua, sudah terlalu banyak pihak yang menuntut supaya satu pemikiran semula perlu dilakukan oleh UMNO secara interspektif dan ikhlas. Diberitakan yang paling mutakhir adalah dalam suatu seminar politik Malaysia di abad ke-21, yang dianjurkan oleh *Malaysian Strategic Resource Centre* (MSRC) sebuah *think-tank* Kerajaan Barisan Nasional antara yang merakamkan pandangan mereka termasuklah Pegawai Eksekutif MSRC sendiri yang menyimpulkan bahawa UMNO tidak lagi merupakan sebuah pertubuhan yang relevan kecuali berlaku satu pemikiran semula ataupun dengan izin, *rethinking* iaitu satu pemikiran semula untuk merombak dan

mengkaji dengan mendalam, bukan dengan menuding dan membuat tuduhan tuduhan palsu terhadap pendirian pembangkang dalam pilihan raya yang lalu.

Sebagai Ketua Pembangkang saya ingin merakamkan bahawa UMNO sedang mengakhiri era '*relevancy*'nya khususnya dalam konteks politik kontemporari dalam alaf baru. Saya ingin menyebutkan satu ungkapan yang menyatakan bahawa "*Kalau anda tidak terkini anda adalah sejarah*". Perjuangan nasionalisme khususnya kebangsaan Melayu adalah asas dan ideologi yang menunjangi perjuangan pertubuhan UMNO dalam menuntut kemerdekaan.

Dengan ideologi ini UMNO telah mempelopori tuntutan kemerdekaan daripada pihak penjajah British dengan mewariskan semua sistem pemerintahan Demokrasi Liberal Berparlimen ala Westminster ini kepada Kerajaan UMNO Perikatan pada waktu itu. Dengan kefahaman ideologi ini juga UMNO telah menolak gagasan Malayan Union, tidak kurang mendapat tentangan terhadap Malayan Union ini adalah perjuangan yang berteraskan kepada Islam sebagai ideologi yang dipelopori oleh Hizbulmuslimin yang dapat bertahan beberapa tahun pada waktu itu. Kemudian diharamkan oleh penjajahan Inggeris dan berikutnya muncullah Parti Islam Semalaysia (PAS).

Dengan kefahaman ideologi sempit nasionalisme bangsa atau assabiyah kaumiah ini bertaut dan bersatunya parti-parti politik berteraskan ras dan perjuangan bangsa masing-masing, khususnya UMNO, MCA dan MIC. Ini telah mewarnai sejarah politik gelombang pertama dalam tahun 50-an, 60-an dan 70-an. Kerajaan UMNO Perikatan telah membangunkan negara dalam era pesta merdeka itu dengan bertunjangkan kefahaman nasionalisme.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ideologi kebangsaan Melayu atau nasionalisme ini telah memainkan peranannya dalam menuntut kemerdekaan dan pembangunan dalam beberapa dekad yang lalu. Kini, nostalgia ini telah kehilangan daya juang dan daya tarikan kerana realiti dan zaman telah berubah. Telah ada dua generasi pengundi yang lahir dalam era 60-an dan 70-an yang tidak hidup dalam suasana perjuangan kemerdekaan.

Sementara itu zaman sudah berubah dengan begitu pantas terutama dalam saingan dua teknologi maklumat yang menyaksikan ledakan ilmu,

pengetahuan dan lonjakan kesedaran nilai dan kemanusiaan sejagat. Psikologi dan pemikiran golongan ini khususnya agak jauh berbeza dan tidak mudah diterapkan nostalgia perjuangan politik zaman silam.

Perjuangan menuntut kemerdekaan sebagai asas penyatuan negara bangsa Malaysia sendiri sudah agak usang dan tidak bermaya lagi. Rakyat amnya dan golongan yang berpendidikan atau bermaklumat khususnya juga cukup peka dan angin perubahan dan jatuh bangun pemerintahan yang berlaku dalam bukan sahaja di Rantau Asia Pasifik ini bahkan di seluruh dunia membuka fikiran mereka.

1120

Dalam suasana sebegini pastinya politik perkauman atau *racial politic*, dengan izin, yang menjadi teras dan budaya politik pelbagai parti sejak kemerdekaan lagi sudah ketandusan tarikan dan *relevancy*. Pemikiran dan fahaman warisan penjajahan ini sudah terlalu lapuk tambahan pula diresapi dengan segala kepincangan pengurusan yang menginstitusikan penyelewengan, ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa sama ada dalam politik mahupun amalan pengurusan ekonomi dan pembangunan dalam bentuk yang disahkan dan dilindungi oleh institusi-institusi dan agensi pemerintahan.

Lantas terbit satu terminologi baru dalam dunia perundangan di Malaysia dengan istilah pemerintahan, dengan izin, *rule by law*, pemerintahan undang-undang dan bukan *rule of law* atau keluhuran undang-undang yang diistilahkan oleh bekas Ketua Pembangkang, saudara Lim Kit Siang. Kini masyarakat nampak jelas dan menyaksikan sendiri bagaimana proses perundangan telah dipergunakan untuk membetulkan yang salah dan sebaliknya mempersalahkan yang betul. Mangsa menjadi penjenayah-penjenayah sementara penjenayah dianggap wira yang dibela. Paling anehnya kesemuanya mengikut *process of law* atau proses undang-undang, atau *rule by law*. Sebagai contohnya, amalan pendakwaan dan hukuman terpilih seolah-olah menjadi sebahagian dari ciri perundangan di Malaysia pada waktu ini.

Rakyat masih tertanya-tanya apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan terhadap laporan polis yang dibuat oleh bekas Timbalan

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim terhadap kes Dato' Seri Rafidah Aziz yang menghadapi tuduhan rasuah, kes yang melibatkan skandal Perwaja, Tan Sri Eric Chia, juga kes pengaduan mengenai dengan laporan beliau mengenai dengan kedudukan Menteri Kewangan pada waktu ini yang dilibatkan dengan tuduhan rasuah.

Begitu juga kes bekas Ketua Menteri Melaka yang dahulu, Tan Sri Rahim Tamby Chik atas kes tuduhan rasuah yang telah dilaporkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, mengikut maklumat bekas Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, Tuan Lim Guan Eng.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang melibatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada mempunyai persamaan dengan kes bekas seorang Exco negeri Kedah yang telah pun didakwa, dibicara dan dijatuhkan hukuman bersalah kerana tidak keluar dari satu mesyuarat Exco yang membuat keputusan meluluskan permohonannya untuk mendapat sekeping tanah bagi dibangunkan rumah kediaman.

Zaman terus berubah, UMNO terus ditelan dek usia zaman. Kotanya satu ketika dahulu telah menjadikan ianya terperangkap dalam paradigma kuasa yang seterusnya mengongkongnya, mungkin UMNO gagah satu masa dalam sejarah, namun seumpama dinasor yang besar dan gagah satu ketika dalam sejarah, ia hanya dapat disaksikan kini dalam muzium.

UMNO yang juga gagah mengikuti peredaran zaman dan tuntutan realiti alaf baru juga sedang menempah kesudahan yang mirip kepada dinasor, yang diperlukan oleh UMNO kini bukan hanya sekadar menukar beberapa *spare partnya* yang telah terlalu lama, bahkan yang diperlukan adalah satu overhaul yang menyeluruh bermula dari segi dasar matlamat perjuangan hinggalah kepada persoalan kepimpinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara ini bukan ingin mencampuri urusan dalaman parti UMNO. Tetapi adalah untuk memberi penjelasan kerana tuduhan-tuduhan dibuat bahawa kekalahan mereka disebabkan oleh alternatif, oleh pembangkang, disebabkan oleh PAS terutamanya. Kita jangkakan akan menyaksikan perhimpunan bulan Mei UMNO akan datang sebagai usaha dari pihak akar umbi untuk membuat

perubahan kepimpinan yang dirasakan oleh parti telah menjadi 'lavelity' dan petualang kepada proses mengawetmudakan atau proses meremajakan semula UMNO. UMNO kembali sekali lagi akan bergolak sekali gus mengesahkan jangkaan ramai bahawa parti itu akan cuba menyingkirkan kepimpinan yang bertanggungjawab dan kemerosotan keyakinan terhadap UMNO.

Mungkin telah sampai masanya untuk kepimpinan UMNO sedar bahawa orang Melayu sama ada orang berparti ataupun tidak, sudah tidak lagi boleh menerima fahaman kebangsaan atau nasionalisme Melayu sebagai teras perjuangan. Telah berlalu politik perkauman, kini mereka khususnya orang Melayu mahukan Islam dimartabatkan dan tidak dihina serta rakyat amnya dahagakan keadilan dan mahukan pemerintahan yang telus dan boleh dipertanggungjawabkan (*accountable*).

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja membawa isu pilihan raya ini ke pengetahuan Dewan yang mulia ini, kerana pilihan raya adalah antara simbol penting dalam amalan demokrasi berparlimen. Adalah menjadi satu tanggungjawab seluruh pihak khususnya pihak eksekutif dan kehakiman untuk memastikan bahawa pengendalian pilihan raya mestilah bebas dan adil, dengan izin, *free and fair*, dan benar-benar menepati kepentingan negara dan rakyat teramai. Dalam perspektif itu, rakyat juga turut mempertikaikan keputusan kerajaan UMNO, Barisan Nasional yang sewenang-wenang membubarkan Parlimen yang sedang dalam sesi yang membincangkan Belanjawan 2000 bahkan sekali gus menyanggah kepentingan rakyat sama ada dari sudut perhitungan peperiksaan pelajar-pelajar SPM dan STPM, musim tengkujuh di beberapa buah negeri dan penafian kepada 681,000 pengundi baru andainya dibuat juga pilihan raya umum pada akhir tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini ingin merakamkan bahawa pilihan raya umum yang kesepuluh baru-baru ini seperti yang pernah dijanjikan oleh Pengerusi Barisan Nasional, telah pun menjadi pilihan raya yang paling kotor dalam sejarah politik tanah air. Penyalahgunaan agensi kerajaan yang keterlaluan berlaku secara berleluasa seperti Kementerian Penerangan dan semua media perdana, akhbar, radio dan TV yang berkempen secara menggilakan untuk UMNO, Barisan Nasional secara yang tidak pernah disaksikan dalam

sejarah pilihan raya di negara kita. Taktik kotor memburuk-burukkan pemimpin alternatif merupakan sajian harian serta ancaman dan ugutan akan berlakunya huru hara seandainya Barisan Alternatif menang merupakan sajian harian semua media perdana selepas hari penamaan calon. Media perdana juga memfokuskan ancaman terhadap kaum Cina dan India terhadap momokan negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri minta penjelasan. Yang Berhormat Kemaman.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan paragraf ini dahulu, sekejap. Kakitangan kerajaan pula menjadi sasaran ugutan supaya tidak belot dan menyokong pembangkang, ada menteri yang mengugut akan menghalau guru-guru yang menyokong pembangkang ke pulau-pulau. Ada pengusaha teksi yang akan kehilangan permit teksi jika mereka menyokong pembangkang. Inikah yang dikatakan demokrasi?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan daripada Ketua Pembangkang mengenai pengedaran video tape yang disebarkan secara meluas semasa pilihan raya baru-baru ini dan di dalam video tape tersebut jelas menunjukkan seorang pegawai polis ASP Ridhuan menyoal siasat beberapa orang yang kononnya menjadi mangsa kepada skandal seks Anwar dan video tape ini ada bersama saya yang membuktikan bahawa video inilah yang diedarkan semasa pilihan raya baru-baru ini dan di Kemaman sahaja semua ahli jawatankuasa Keadilan di Kemaman mendapat secara pos.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang walaupun tadi dinafikan oleh Setiausaha Parlimen, pihak kerajaan tetapi memang kerja dia menafikan walaupun mereka buat perkara itu. Memang tersebar luas di Kedah pun tersebar video itu tetapi rakyat tidak mempedulikan dan tidak percaya kepada taktik kotor dan jahat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan lagi tentang isu ini. Pihak Barisan Nasional mungkin perlu diperingatkan bahawa adalah hak dan

kebebasan rakyat untuk membuat pilihan yang bebas tanpa perlu diganggu gugat dengan ancaman belot dan tidak bersyukur seandainya mereka memilih Barisan Alternatif untuk memerintah negara ini. Semalam pun kita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyebut tentang bersyukur ini. Bersyukur kepada manusia mempunyai had dan batasan, bersyukur kepada manusia, berterima kasih kepada manusia dalam skop yang tidak melanggar sampai membawa kepada menderhakai kepada Allah S.W.T bukan kesyukuran kepada manusia itu merupakan kesyukuran yang mutlak. Kesyukuran yang mutlak hanyalah kepada Allah S.W.T.

Ini adalah tuntutan asas kepada amalan prinsip demokrasi yakni kebebasan memilih menyatakan pendapat dan pandangan yang berbeza

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat, Rompin berdiri, hendak beri jalan?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ha, baru sampai? [*Ketawa*] Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, saya sudah lama sampai, tadi pun ramai juga kawan-kawan anak buah Yang Berhormat pun minum teh di restoran di belakang itu. Biasalah sebagai Ketua Pembangkang main bola politik ini, kalau tidak cuba membela parti Yang Berhormat, akan menuduh pula kepada parti kerajaan. Itu biasalah, orang kata, 'sepak terajang politik'. Itu hak Yang Berhormat, saya rasa yang berbaju Melayu yang di belakang itu - *land surveyor* itu dia kata, orang ini dapat kontrak, tetapi dia pun patut bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat kontrak besar *land survey* di MAB, kalau tidak begitu tidak dapatlah belanja untuk pilihan raya. [*Tepuk*]

Saya berasa bangga bahawa tokoh PAS pun ada yang korporatnya, ada yang terpelajar – alhamdulillah. Tetapi tadi bila Yang Berhormat kata menuduh Barisan Nasional, kita bersyukur, ini andaian, saya hendak bertanyalah, kalau saya tuduh itu mungkin tidak begitu baik, adakah bermakna bahawa kita di sini bersyukur kepada manusia, hanya yang di sebelah sana sahaja bersyukur kepada Allah S.W.T

Saya rasa semua kita bersyukur, sembahyang dan berdoa kepada Allah S.W.T Saya hendak minta teori Yang Berhormat ini, siapa yang bersyukur kepada manusia ini, mengandaikan kita di sini, tidak benar. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T, semua kita Islam begitu. Saya hendak minta sedikit pandangan atau penjelasan dari Yang Berhormat apa yang dimaksudkan bersyukur antara manusia, itu masa Jahiliah dahulu, bukan sekarang, Islam kita tahu rukun iman yang pertama apa dia? Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Saya ingat dia patut berhenti penat dahulu, berehat sedikit, masuk-masuk terus tanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan, saya merujuk kepada kenyataan Timbalan Menteri Kewangan semalam yang menyebutkan tentang sepotong ayat al-Quran di mana Allah berfirman [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] maksudnya, "*Jika kamu bersyukur akan ditambahkan lagi pemberian anugerah Aku kepada kamu. Dan jika kamu ingkar, kamu kufur, kamu adalah sedar bahawa azab seksaanku sangat pedih, sangat kuat*".

Ayat ini selalu dipergunakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO untuk menekan rakyat supaya bersyukur kepada kerajaan. Bersyukur biasanya digunakan bagi menunjukkan sikap seorang hamba kepada Allah, dalam penggunaan harian bahasa kita kepada sesama manusia, kita menggunakan perkataan 'terima kasih', dalam bahasa Arab disebut jugalah 'bersyukur'. Jadi, penggunaan itu maksudnya mempunyai tahap yang berlainan tetapi bahasa atau perkataan yang digunakan itu mengikut masing-masing bangsa atau kaum yang memilih bahasa itu. Tetapi ia menunjukkan tentang suatu penghargaan yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang yang lain.

Jadi dalam kita berterima kasih kepada kerajaan, ada batas-batasnya dan bukan bermakna bila kita berterima kasih kepada kerajaan, kita mesti menjadi hamba kepada kerajaan, mengikut apa sahaja kehendak kerajaan tanpa kita sendiri dapat menilai, tetapi berlainan dengan kita bersyukur kepada Allah, kita mestilah membuktikan kita menjadi hamba kepada Allah ataupun kepada sesama manusia kita menghargai jasa, kita menghargai sumbangan

tetapi kita juga perlu menyatakan sikap kita, pendirian kita, hak kita dan kemerdekaan serta kebebasan kita. Dan ini tidak bolehlah dianggap bahawa rakyat itu telah menderhakai ataupun tidak menghargai sumbangan kerajaan dan kerajaan juga harus menyedari tentang sumbangan rakyat kerana rakyat telah memberi kepercayaan kepada UMNO, Barisan Nasional untuk berkuasa lebih daripada 40 tahun.

Jadi, apakah tidak menjadi hak rakyat untuk menilai apakah yang telah dilakukan selama 42 tahun ataupun 40 tahun lebih dan apakah tidak ada hak bagi rakyat untuk membuat suatu macam pembetulan ataupun koreksi ataupun perubahan. Jadi, dengan rakyat menunjukkan sikap untuk ingin kepada satu perubahan yang dirasakan lebih baik oleh rakyat tidak boleh dianggap bahawa rakyat telah tidak berterima kasih kepada kerajaan dan rakyat itu dianggap sebagai rakyat yang derhaka. Itulah maksudnya.

Untuk memperjelaskan juga kerana sahabat saya ini hendak tahu lagi, ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini merujuk asalnya kepada peristiwa bani Israel yang telah dibebaskan dengan izin Allah oleh Nabi Musa a.s. daripada cengkaman Firaun dan mereka telah lama diperhambakan oleh Firaun di Mesir dan kemudian dibebaskan dan mereka mendapat kebebasan itu dan dalam keadaan mereka dibebaskan itu, Allah s.w.t. telah menurunkan wahyunya sebelum itu dalam Taurat kepada Nabi Musa a.s. dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengingatkan bani Israel tentang nikmat yang telah mereka perolehi daripada Allah iaitulah pembebasan mereka daripada cengkaman dan perhambaan bani Firaun kepada mereka supaya mereka bersyukur kepada Allah dan mereka tidak menderhakai Allah s.w.t. tetapi mengikut pendapat ahli-ahli dan ulama-ulama tafsir, walaupun sesuatu ayat itu turun dalam konteks yang khas tetapi ia mempunyai makna dan pengertian, pengajaran yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua,

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, ada lagi yang minta penjelasan, Ahli Yang Berhormat bagi Kangar.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, silakan.

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, dengan rendah diri saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat, apakah pendirian parti PAS agar kita diajak membenci semua bangsa Yahudi atau pergerakan Zionis. Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, soalan lain pula. Dalam Islam berkaitan dengan golongan Yahudi ini, kalau kita melihat dari segi sejarah, bila Nabi Muhammad s.a.w. kita berhijrah ke Madinah, di antara langkah awal yang dibuat oleh baginda ialah mengadakan hubungan dan menghulurkan tangan kedamaian dengan kaum Yahudi ini dan menjalinkan satu hubungan dan membentuk satu komitmen bersama bagi melindungi negara Madinah Islam, tetapi ternyata kaum Yahudi dari sejarahnya tidak pernah mematuhi dan tidak pernah setia kepada sebarang perjanjian, mereka telah mengkhianati Rasulullah s.a.w. dan umat Islam dari masa ke semasa, dari hari ke hari dan mereka telah membuat pelbagai pakatan, konspirasi untuk membunuh Rasulullah s.a.w. dan sehingga akhirnya Rasulullah menerima wahyu untuk memerangi mereka dan bertindak ke atas mereka.

1140

Zionisme ini adalah satu fahaman politik, anutan orang-orang Yahudi yang menganggap bahawa merekalah satu bangsa yang layak untuk memerintah dunia, mereka dianggap sebagai 'chosen people', sebagai rakyat yang terpilih yang mereka sahaja yang berhak memerintah dan memimpin dunia dan terdapat dalam salah satu daripada protokol Zionisme ini menyebutkan bahawa kepercayaan mereka ditanam dalam hati mereka jika mereka dapat membunuh seorang manusia lain bererti mereka telah menghidupkan 40 orang Yahudi dan jika mereka boleh membunuh seorang orang Arab bererti mereka telah menghidupkan seluruh orang Yahudi.

Jadi penentangan kita bukanlah kepada Yahudi atau sifatnya sebagai seorang yang berketurunan Yahudi tetapi sikap, pendirian dan tindakan-tindakan mereka yang tidak pernah mengenali kemanusiaan dan tidak pernah menghormati kemanusiaan dan perjanjian. Sebab itu dalam Islam terdapat juga orang-orang Yahudi yang telah memeluk Islam dan menjadi orang Islam

yang baik dan Rasulullah S.A.W berjiran dengan orang Yahudi dan Rasulullah sentiasa menunjukkan sikap yang baik kepada jirannya tetapi tidak pernah dibalas baik oleh jirannya Yahudi.

Jadi sikap yang terus menerus itu, itulah yang kita tentang dan bukan dia sebagai satu bangsa atau satu kaum kerana ciptaan dan kewujudan bangsa-bangsa ini adalah kewujudan yang ditentukan oleh Allah S.W.T dan kita perlu saling hubung menghubungi tetapi sikapnya, macam kalau kita ambil negara Zionis sekarang ini, Yahudi sekarang ini, dia tidak pernah menghormati perjanjian, dia tidak pernah patuh kepada ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun seluruh dunia mengutuk dia tetapi dia dengan angkuh, dengan sombong terus menindas, terus membunuh rakyat Palestin yang sah dengan kejam dan banyak peristiwa yang dapat kita saksikan dalam sejarah penaklukan Yahudi ke atas Palestin semenjak tahun 1948.

Kalau kita melihat kepada peristiwa itu jelas menunjukkan punca yang membawa kepada kejatuhan Palestin ke tangan Yahudi adalah kerana tiupan semangat nasionalisme Arab yang telah dibangkitkan oleh gerakan nasionalisme di Tanah Arab dan di Turki yang telah menjatuhkan kerajaan Islam Turki dan akhirnya membawa kepada penjajahan Israel ke atas Palestin sehinggalah kepada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Rompin berdiri lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya hargai pandangan yang baik, satu kenyataan yang saya turut banggalah bahawa orang Islam di Malaysia menganggap Yahudi itu - saya setuju bahawa kita kena bezakan Yahudi dengan Zionisme iaitu perjuangan Zionis dibezakan dengan individu Yahudi, saya bersetuju. Tetapi adakah Yang Berhormat - saya bersetuju juga bahawa dalang kepada Israel ialah pergerakan Zionis, Zionisme. Zionismelah yang menguasai Yahudi-Yahudi yang majoritinya menggerakkan Zionisme ini yang sebenarnya menguasai ekonomi Amerika. Zionisme jugalah yang menguasai kewangan Amerika.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau dahulu cara hendak menjaga kepentingan Yahudi dengan menggunakan ala tentera, sekarang ini

adakah Yang Berhormat sedar Zionis telah menggunakan kuasa kewangan, kuasa ekonomi berdalang di belakang Amerika dan ini mereka menguasai media-media, menguasai bank-bank yang besar dan kadang-kadang kita dengar bahawa tohmahan media Barat kepada kita. Kadang-kadang kita bertanya adakah di belakang itu ada dalang perjuangan Zionisme yang tidak mahu negara Malaysia, negara Islam supaya Malaysia itu bangun. Adakah Yang Berhormat sedar berkemungkinan ada agenda ini. Tengok, 'who are the - yang terkaya seratus orang Amerika, more than 90%, dengan izin, orang Yahudi. Siapa syarikat-syarikat besar Amerika, adakah mereka ini juga yang memperjuangkan Zionisme. Ini dalang-dalang di belakang ini.

Bermakna kalau media-media Barat yang sentiasa melanyak kita, menuduh apa yang tidak ada. Adakah Yang Berhormat kemungkinan juga ada agenda ini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bahawa kita menolak, kita takut, kita tahu kita melihat penganiayaan Palestin oleh Israel ini angkarnya didalangi oleh movement Zionisme ini, dengan izin. Adakah juga pergerakan Zionisme ini sudah jelas berta birkkan kepada pasaran, dikatakan ekonomi, serah kepada pasaran, siapa pasaran. Pasaran itu dikuasai oleh syarikat besar, siapa yang mendalangi syarikat besar ini. Pasaran kewangan, serahkan kepada pasaran, siapa pasaran, siapa bank-bank besar, dunia ini siapa punya. Adakah PAS sebagai pejuang Islam tidak melihat lebih dalam daripada itu sebagai agenda untuk kita masa depan. Takut-takut didalangi oleh Zionisme ini. Saya minta sikit pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang PAS cukup menyedari hal ini dan memang kita tahu bahawa bukan sahaja sekarang gerakan Yahudi Zionis ini menggunakan wang tetapi sejak awal, sejak dahulu pun amalan rasuah ini sangat popular di kalangan mereka dan sebab itu sudah ada usaha sejak daripada zaman Rasullulah S.A.W lagi di mana bila Nabi Rasullulah S.A.W mengutuskan seorang sahabatnya untuk menjadi pegawai pemungut cukai di Wilayah Khaibar yang diduduki oleh orang-orang Yahudi daripada hasil-hasil kebun-kebun mereka, mereka telah cuba untuk merasuahkan wakil ini iaitu seorang sahabat ini Abdullah bin Rawa'ah r.a., tetapi dengan tegas Abdullah menyatakan bahawa: "*Aku ini*

diutuskan oleh seorang yang paling aku kasihi iaitu Rasullulah kepada kamu orang yang sangat aku benci tetapi aku membawa satu mesej iaitu untuk menegakkan keadilan dan janganlah kamu cemari tugas aku ini dengan perbuatan kamu yang kotor itu”

Jadi apabila mereka mendengar kata-kata Abdullah bin Rawa'ah lalu mereka tidak berani meneruskan hasrat mereka dan mereka menegaskan dengan menyebutkan bahawa dengan keadilan itulah tertegaknya langit dan bumi ini.

Jadi ini bukan satu taktik baru yang digunakan tetapi sudah lama bahkan kalau kita melihat kepada sejarah barangkali sahabat saya daripada Rompin juga membaca sejarah ini iaitu kewujudan bank-bank konvensional ini juga adalah di bawah tajaan orang-orang Yahudi yang bermula di Perancis ketika mereka dipinggirkan dalam masyarakat Barat.

Jadi ini bukanlah satu perkara yang baru sebenarnya tetapi mereka menguasai bukan sahaja Amerika tetapi kebanyakan negara-negara di dunia Barat, pemimpin-pemimpin politik berada di bawah cawangan mereka dan kita membaca setiap kali pilihan raya umum diadakan di Amerika Syarikat, lobi Yahudi ini terus memberikan sumbangan bantuan kewangan yang sangat besar kepada semua mereka yang bertanding supaya dia mendapat kepentingan dari mana-mana pihak yang menang dalam pertarungan untuk merebut jawatan presiden di Amerika Syarikat.

Oleh kerana itulah PAS mempunyai pendirian bahawa kita perlu berhemat, kita perlu berhati-hati dalam mewujudkan atau menjalani sebarang hubungan dengan Israel atau dengan negara Yahudi ini kerana di belakang mereka adalah pergerakan yang sentiasa mengawasi, menguasai seluruh tindak-tanduk dan apa juga rancangan yang mereka lakukan.

Saya pernah diberitahu waktu saya membuat lawatan ke negeri-negeri di Timur Tengah yang menjalin hubungan dengan Israel ini, bagaimana pendatang-pendatang ataupun pelawat-pelawat Israel.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat Rompin berdiri lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bersetuju bermakna Yang Berhormat tidak ada rancangan seperti Gus Dur untuk berjumpa ahli-ahli perniagaan Israel datang ke Malaysia, tidak ada ya? Itu bukan saya minta sebagai penjelasan, saya minta sebagai pandangan sahaja.

Saya hendak bertanya kalau macam itu musuh Islam adalah Zionis, musuh PAS adalah Zionis, bermakna UMNO, kita berkawanlah, sebab PAS Islam, UMNO Islam. Ummah yang sama, bermakna musuh PAS bukanlah UMNO, musuh PAS Yahudi, kami pun tidak suka juga Zionis, betul tidak? Bermakna kita ini hanya berbeza pendapat sahaja sebab dalam pilihan raya saya lihat UMNO ini kadang-kadang cara kata macam, “aku ini Yahudikah?” Itu sahaja yang saya hendak minta, mungkin Yang Berhormat berbeza dengan pandangan saya, tetapi saya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Memanglah kita PAS tidak bersetuju tetapi kita tidak hendak campur, kalau kita campur nanti kita dianggap campur urusan negara luar pula. Memang kita tidak bersetujulah, saya percaya majoriti rakyat Indonesia pun tidak bersetuju dengan pendirian yang diambil oleh presiden mereka. Bukan sahaja kita tidak bersetuju negara kita atau negara Islam lain-lain mengadakan hubungan perdagangan dengan Israel tetapi hubungan permainan kriket dahulu pun kita tidak setuju. [*Tepuk*] Sebab itulah pemuda-pemuda kita buat demonstrasi membantah kedatangan pasukan kriket itu dan khabar-khabar angin pula mengatakan kemungkinan pasukan pingpong pula hendak datang.

Jadi kalau ada demonstrasi, kalau UMNO juga berpendirian yang sama adalah sikit tolak ansur janganlah terus tangkap, belasah, gas pemedih mata....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya minta sedikit penjelasan, kita ada ‘sachi and sachi’ di Malaysia dan dalam beberapa pilihan raya parti tertentu telah menggunakan khidmat ‘sachi and sachi’. Kita ada ‘Smith and Barney’ jadi penasihat ekonomi negara dan ada agensi-agensi lain yang wujud di negara kita yang mempunyai pertalian dengan pihak-pihak Yahudi dan pada masa yang sama kita lihat bahawa kerajaan begitu keras dalam tindakan mereka kepada pihak-pihak yang ingin menyedarkan kerajaan bahawa

hubungan diplomatik dan hubungan persahabatan dengan Israel tidak boleh diwujudkan kerana Israel telah wujud daripada satu cara kerajaan yang haram yang telah pun wujud melalui cara-cara yang tidak mengikut undang-undang antarabangsa. Pada masa yang sama kerajaan kita seakan-akan cenderung untuk menjalin hubungan ini. Jadi minta Yang Berhormat dapat memberikan apa-apa komen terhadap isu ini.

1155

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Saya tidak menyentuh isu ini kerana saya bercadang untuk menyentuhnya dalam perbahasan *budget*. Kita menyedari, itulah yang saya katakan bahawa kerajaan harus konsisten. Jangan satu ketika menyerang Yahudi tetapi satu ketika mengambil syarikat daripada Yahudi,- syarikat yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi untuk menjadi penasihat yang penting kepada institusi-institusi negara iaitu penasihat kewangan.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, ada yang berdiri, Jeli.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Tadi ada Yang Berhormat Ketua Pembangkang membaca sepotong ayat yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] Bermaksud "*Bila mana kamu bersyukur dengan nikmat-nikmat Allah maka Allah akan menambah-nambahkan lagi nikmat-Nya kepada kamu dan bila mana kamu engkar dengan nikmat-nikmat Allah sesungguhnya seksaan Allah sungguh pedih*".

Apakah termasuk di kalangan mereka yang bersyukur bila mana Allah telah memberikan kerajaan dan kekuasaan tetapi mereka ini telah menambahkan bilangan lesen judi dan pada masa yang sama merekalah yang paling hebat menyambut *The New Millenium Salem Celebration*. Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kesyukuran kepada Allah telah pun saya nyatakan tadi mengikut apa

yang saya faham ialah menambahkan ketaatan kepada Allah S.W.T. sama ada secara individu ataupun berkelompok dan tidak melakukan sesuatu yang melanggar perintah-perintah Allah dan bila berlaku sesuatu yang melanggar dilakukan, yang berlawanan, yang bertentangan dengan perintah-perintah Allah, dia bukanlah satu perbuatan yang mensyukuri nikmat Allah tetapi itu adalah suatu perbuatan mengingkari nikmat Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah menghormati, menilai dan memberikan kebebasan kepada rakyat dan mengakui akan kewujudan perbezaan-perbezaan pandangan, tindakan dan sikap. Jika kerajaan mempunyai pendirian yang sedemikian, perkara ini akan mampu mengelakkan autokrasi dan mengekalkan dinamisme demokrasi berparlimen. Semua ini adalah penghayatan, penyemak dan pengimbang atau *check and balance*, dengan izin dalam amalan demokrasi dalam sistem pelbagai parti. Rakyat mestilah diberikan hak dan kebebasan, paling tidaknya empat kali tanpa rasa gusar dan takut dan diancam dengan tuduhan tidak patriotik atau menderhaka kepada negara jika mereka berbeza pandangan dan pilihan dari kehendak parti pemerintah yang ingin mengekalkan *status quo*.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu disebutkan di segi ini ialah kekecewaan rakyat terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya yang jelasnya tidak dapat memenuhi kepentingan dan hak rakyat teramai. Meskipun telah diingatkan beberapa kali oleh pelbagai pihak akan kepentingan untuk menjamin ketelusan, kebersihan dan keadilan pilihan raya, rakyat agak kecewa kerana masih terdapat kewujudan pengundi hantu seperti yang dapat dibuktikan di Sabah, pertindihan pengundi yang memegang kad pengenalan yang sama dan nama pengundi yang telah mati yang masih tersenarai dalam Daftar Pengundi dan yang masih hidup dan disenaraikan sebagai pengundi yang mati. Laporan dan pendedahan telah dibuat oleh beberapa pihak parti alternatif akan kewujudan puluhan ribu pengundi dalam Daftar Pemilih di beberapa kawasan parlimen tertentu yang mempunyai kad pengenalan yang tidak boleh disahkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Kekecewaan rakyat juga berpunca dari kegagalan SPR untuk mengendalikan kemasukan pengundi baru seramai 681,000 yang akhirnya

dinafikan hak untuk melaksanakan tanggungjawab mereka mengundi walaupun telah mendaftar hampir lapan bulan yang lalu. Ini cukup berbeza dengan pengurusan pengundi baru di negara-negara maju seperti New Zealand yang mengadakan pilihan raya umumnya baru-baru ini lebih mengizinkan pengundi baru untuk mengundi walaupun baru mendaftar beberapa hari sebelum pilihan raya. Cara inilah baru dikatakan kecanggihan pelaksanaan pengurusan maklumat kita masih di tahap terkebelakang meskipun kita banyak menyebut dan beretorik mengenai pengurusan bistari. Saya menyeru supaya dilaksanakan sistem pendaftaran ahli secara berterusan sepanjang tahun dan memanfaatkan keupayaan IT dan mula memikirkan pendaftaran secara *on line*. /Sepatutnya dengan kerjasama yang erat dengan Jabatan Pendaftaran Negara, pendaftaran pemilih secara automatik apabila rakyat mencapai umur tertentu boleh dilaksanakan

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*.

Seperkara lagi yang kita ingin cadangkan ialah menurunkan had umur menjadi pemilih kepada 18 tahun amat tidak munasabah. Jika anak muda kita yang umur 18 tahun kita hantar untuk menjadi anggota keselamatan mempertahankan sempadan negara tetapi tidak ada hak untuk memilih kerajaan mereka. Kedua-dua tanggungjawab ini adalah sebenarnya sama penting. Berilah hak ini kepada mereka. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, selaku Ketua Pembangkang Barisan Alternatif, saya ingin melanjutkan cadangan Ketua Pembangkang yang lepas pada tahun 1995 supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen yang diketuai oleh seorang ahli parlimen pembangkang untuk mengkaji penyalahgunaan serta penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam Pilihan raya Umum Kesepuluh baru-baru ini. Bukan sekadar untuk mencari kesilapan mana-mana pihak akan tetapi untuk memastikan supaya pilihan raya yang kesebelas insya-Allah yang akan datang tidak akan mengulangi segala penyelewengan supaya dapat dijadikan pilihan raya yang paling bersih, bebas dan adil. Seandainya cadangan pada tahun 1995 diterima, pasti kekotoran yang dijanjikan oleh Perdana Menteri tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah yang telah berlaku dalam suasana pilihan raya tempoh hari tidak cukup untuk menunjukkan sikap angkuh autokratik Kerajaan Barisan Nasional. Maka berlaku pula apa yang kami maksudkan sebagai pencabulan kedaulatan Perlembagaan oleh pihak Barisan Nasional dalam pengendalian Persidangan Penggal Pertama Parlimen Kesepuluh pada 20 Disember yang lalu. Peristiwa penuh kontroversi itu yang pastinya akan merupakan sejarah hitam dalam sistem demokrasi berparlimen dalam negara ini tidak semudah-mudahnya dapat diselesaikan dengan pungutan suara ramai Ahli Parlimen.

Demokrasi boleh diertikan dengan pemerintahan suara ramai atau dengan izin, *majority rule*. Suara ramai itu mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan. Sebaik sahaja suara majoriti sudah tidak lagi mendukung keluhuran dan kedaulatan Perlembagaan dan roh Perlembagaan dan semangat Perlembagaan maka demokrasi dan suara majoriti telah bertukar menjadi kezaliman majoriti ke atas minoriti. Itu bukan lagi demokrasi tetapi autokrasi atau kuku besi.

Tuan Yang di-Pertua, jelasnya dalam pengalaman pertama Persidangan Parlimen kesepuluh wujud kontroversi yang perlu ditangani dengan lebih cermat serta memerlukan kajian yang lebih ilmiah dan mendalam tanpa mengulangi penghujahan secara terperinci....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: ...adalah nyata kedudukan isu *caretaker government* sekali gus *caretaker prime minister* serta bidang kuasa dan tanggungjawab adalah begitu kabur sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, ada Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyentuh pasal Perlembagaan. Saya cuma hendak tanya komen Yang Berhormat sebelum kita hendak bincang Perlembagaan negara. Saya hendak tanya mengenai Perlembagaan PAS Yang Berhormat jadi

Presiden. Dalam keluaran *MASSA*, dalam interview Yang Berhormat dengan *MASSA* mengenai Perlembagaan PAS sama ada perlu ataupun tidak dipinda Perlembagaan PAS untuk menubuhkan negara Islam. Yang Berhormat ada membuat kenyataan, kalau kita tengok dalam Perlembagaan PAS sendiri, tidak menegaskan, tidak ada satu perenggan atau fasal yang menyebut penubuhan sebuah negara Islam. Tidak ada perkataan itu Yang Berhormat sebut.

Kemudian apabila diwawancara pula dan diminta pandangan Timbalan Presiden PAS kepada Yang Berhormat bagi Marang pula mengatakan walau apa pun matlamat untuk menubuhkan negara Islam itu masih ada lagi tidak termaktub dalam Perlembagaan PAS. Hendak ubah Perlembagaan berhajatkan satu maktamar, satu mesyuarat agung. Jadi tidakkah ini antara Presiden dengan Timbalan Presiden PAS memberikan tafsiran yang berbeza mengenai Perlembagaan PAS. Satu kata hendak tubuh negara Islam kena ubah Perlembagaan PAS, manakala Yang Berhormat pula kata tidak perlu sebab tidak sebut dalam Perlembagaan PAS. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat, Perlembagaan PAS, Fasal 6.6, Yang Berhormat sebagai Presiden PAS, Perlembagaan PAS ada menyatakan “... *usaha-usaha PAS menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bilamana yang selamanya ia mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara*”.

Jadi mengenai ini jelas menunjukkan bahawa PAS tidak boleh membuat kerjasama dengan mana-mana pertubuhan yang perjuangannya tidak sehaluan dengan perjuangan Islam ataupun PAS tetapi hari ini, DAP terang-terang tidak bersetuju dengan perjuangan PAS tetapi mengapakah PAS tidak menghormati erlembagaanya sendiri Fasal 6.6. Jadi dua isu Perlembagaan PAS ini kalau dapat beri penjelasan, barulah layak untuk sebut Perlembagaan Negara.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Ini yang melambatkan saya berucap ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang pertama saya perlu memberi penjelasan. Memang dalam Perlembagaan PAS tidak mempunyai perkataan

‘negara Islam’ yang disebut tujuan PAS ialah memperjuangkan sebuah negara pemerintahan masyarakat yang berjalan di dalamnya hukum-hukum Allah dan nilai-nilai Islam. Pelaksanaan hukum-hukum Allah mestilah dalam sebuah negara dan negara Islam ialah negara yang melaksanakan syariat Allah tanpa menyebutkan perkataan negara tetapi yang pentingnya ialah *substance* kepada negara, bukan *form*. Jadi tidak ada percanggahan antara kenyataan saya dan kenyataan Timbalan Presiden PAS.

Mengenai dengan kerjasama, itu tidak melanggar Perlembagaan sebab dalam kerjasama yang kami bentuk dalam Barisan Alternatif, kami mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk menegakkan keadilan, membentuk kerajaan yang telus, yang *transparent* dan mengembalikan kebebasan dan hak rakyat. Jadi inilah *common stand* yang kita ambil atau pendirian bersama yang kita persetujui. Ini tidak melanggar Perlembagaan PAS.

Jadi saya terima kasih banyak kepada wakil Tanjong Karang yang begitu prihatin membaca, mengkaji Perlembagaan PAS, saya harap suatu masa dia akan datang sebelah sini. [*Ketawa*] Insya-Allah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya rasa cukuplah saya ingat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bangun lagi

Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak mahu bagi jalan?

Dato’ Haji Fad zil bin Md. Noor: Cukuplah saya ingat, saya sudah jawab.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak mengapalah. Kita buat sama-sama, saya boleh tolong ubah Perlembagaan PAS ini. PAS pun tidak hormat Perlembagaan sendiri, hendak cakap Perlembagaan Negara, menga pa?

Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sikap bermudah untuk membelakangi Perlembagaan dan peraturan persidangan adalah amat dikesali dan merupakan cara dan tabiat angkuh Barisan Nasional dan tidak layak lagi mereka mendakwa mendukung kedaulatan Perlembagaan.

Dewan yang mulia ini perlu merakamkan supaya peristiwa hitam itu dijadikan rakamannya dan akan terus menjadi isu pertikaian dalam perundangan Perlembagaan di negara ini. Maka di semua negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen atau *westminster*, selama tidak dicari penyelesaiannya yang muktamad di mahkamah undang-undang.

Cadangan pihak pembangkang supaya perlembagaan dan peraturan persidangan Parlimen tidak dilanggari dengan menangguh persidangan pertama ke 29 Disember setelah Kabinet baru bersidang pada 15 Disembe,, kesemua peruntukan perlembagaan dan peraturan dapat dipatuhi telah ditolak. Persidangan khas Parlimen boleh juga dipanggil pada 30 dan 31 Disember untuk meluluskan rang undang-undang perbelanjaan luar jangka sebanyak RM18 bilion untuk perbelanjaan kerajaan selama beberapa bulan.

Dewan Negara juga boleh dipanggil bersidang secara luar biasa pada 31 Disember untuk meluluskan rang undang-undang perbelanjaan luar jangka jika kesemuanya dapat diluluskan sebagai berkuatkuasa secara sah sebelum masuknya alaf baru tahun 2000.

Ini seharusnya menjadi satu peringatan penting kepada semua supaya tidak berulang peristiwa pelanggaran kepada Perlembagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

1210

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Perkara yang memanggil Parlimen dengan keputusan *Caretaker* Kabinet. Walaupun hari ini Yang Berhormat bercakap kita tahu isu ini dikeluarkan oleh Lim Kit Siang di luar Dewan dahulu. Saya setuju ada perkara-perkara itu dari ciri Yang Berhormat sendiri. Tetapi kadang-kadang ada kita dengar juga Yang Berhormat Ketua Pembangkang bercakap selepas ditunjukkan oleh Lim Kit Siang dari luar. Tidak tahulah sama ada ini ala cara PAS menguruskan ke sana kalau hendak cakap apa-apa, tanya Lim Kit Siang dahulu, itu satu perkara.

Yang keduanya, saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat sedar di India sendiri, *Caretaker* Kerajaan, *Caretaker* Kabinet membuat keputusan untuk berperang dengan Pakistan - satu keputusan yang amat substantif sekali membawa satu negara untuk berperang dengan satu negara yang lain. Ini keputusan *Caretaker* Kabinet untuk memanggil mesyuarat, apa isunya? Itu saya tidak nampak. Ini, yang berkelayakan professional - Land Surveyor - belakang-belakang ini. Adakah ini isu substantif atau isu Lim Kit Siang yang terpaksa dibawa oleh PAS ini, menghormati Lim Kit Siang ini. Ini yang profesional - UTM - terpelajar semua ini, *is this really substantive issue* yang dibawa oleh PAS atau perjuangan PAS? Adakah isu pembelaan dari segi kemiskinan dan isu pembelaan dari segi masalah peniaga-peniaga kita runtuh dan masalah dari segi ekonomi yang runtuh ini.

Seorang Ahli: Soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan sedikit. Maknanya kalau kita demokratik, kita boleh dengar hujah kita juga. Tetapi apabila saya hendak bangun bercakap yang lain 'ketuk-ketak....' Ini apa demokrasi ini, ya! Demokrasi tunjuk dahulu! Anak yang belakang-belakang ini Yang Berhormat, saya menghormati Yang Berhormat memberi peluang kepada saya tetapi yang belakang itu *very impatient*' - kalau yang muda-muda ini - apa ini!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Tuduhan Yang Berhormat Rompin mengatakan ini adalah seolah-olah kita mengikut pandangan Lim Kit Siang. Ini sebenarnya tidak betul sebab kita mempunyai pendirian, pandangan, sikap dan kita juga meneliti dan mengkaji.

Dari segi Islamnya, Islam memang mengajar kita supaya mengambil sesuatu yang baik, sesuatu yang ada nilai ilmu itu dari mana-mana pihak juga. Jadi, kalau sesuatu yang disarankan oleh sesiapa juga, kalau kita lihat ada nilai ilmunya di situ, ada nilai benarnya di situ, kita harus ambil. Jadi, ini sikap kita yang terbuka. Bila kita bertindak, kita mengkaji dan kita telah menilai dan kita juga mendapat pandangan-pandangan daripada ahli undang-undang. Walaupun ahli undang-undang ini mempunyai pandangan-pandangan yang

berbeza - tetapi apa yang kita hendak tekankan supaya bukan sahaja kerajaan tetapi semua pihak haruslah menghormati Perlembagaan yang sudah diterimapakai oleh negara kita. Itu maksud dan jangan kita memandang ringan dan kita memikir kita boleh melanggar Perlembagaan ini dengan mudah dan senang tanpa kita memikir implikasinya yang lebih jauh kerana ini tentang *majority rule*. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kebetulan baru-baru ini, saya dan juga Yang Berhormat daripada PAS telah melawat Speaker Parlimen India - mungkin Speaker, Timbalan Menteri Speaker dan juga Speaker Dewan Negara. Kemudian kami melawat Speaker Dewan Permesyuaratan Rakyat, Saudara Akhbar Tanjong di Indonesia. Kami membangkitkan soalan tentang bolehkah tidak sebuah *Caretaker Government* memanggil mesyuarat secara terkejut (emergency). Kami telah diberitahu apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang dimaklumi, kami telah diberitahu oleh kedua-dua Speaker di India dan Malaysia ketika perang dibolehkan *Caretaker Government* membuat keputusan tetapi untuk memanggil mesyuarat seperti ini tidak pernah dilakukan. Penjelasan dari Ketua Pembangkang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih tentang maklumat itu. Itulah saya kata perkara ini tidak boleh dipandang mudah dan dengan mudah sahaja sebut *majority rule* kerana dalam pandangan Islam tidak semestinya pandangan terbanyak itu benar dan tidak betul, tidak semestinya. Dalam Al-Quran Allah sw.t. menyebut [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*Jika kebenaran itu mengikut kehendak, kemahuan nafsu, keinginan golongan terbanyak nescaya binasalah langit dan bumi ini*” kerana tidak semestinya pandangan terbanyak itu selalunya betul walaupun pandangan terbanyak itu juga diambil kira tetapi ia mestilah dikawal dengan peraturan-peraturan dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, semua senario politik tanah air mutakhir ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Boleh sabar sedikit tak? Sabar dahulu. Kesemua senario politik tanah air mutakhir ini yang dicirikan dengan kehilangan kewibawaan kuasa kehakiman, kuasa *legislative* yang hanya menjadi peranan '*rubber stamp*' kepada pihak eksekutif yang terlalu kuat dengan kuasa majoriti 2/3 yang terlalu lama serta keruntuhan, keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Perampasan hak-hak asasi rakyat dengan akta *repressive* seperti ISA, Akta Hasutan, Akta OSA, Akta Polis dan lain-lain yang diperuntukkan dalam Perlembagaan negara dan pengisytiharan hak asasi Bangsa-Bangsa Bersatu adalah mirip suasana yang telah digambarkan oleh Yang Berhormat bagi Jelebu - sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Rais bin Yatim dalam bukunya yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia - "Kebebasan Di Bawah Kuasa Eksekutif di Malaysia" yang diterbitkan dalam tahun 1995 dengan izin, "*Freedom Under Executive Power in Malaya : Study in Executive Super Mission*". Apakah beliau akan kekal mendukung kebenaran yang beliau memperjuangkan suatu masa dahulu atau kesemua adalah baik sekadar untuk memberi beliau gelaran seorang doktor falsafah dalam undang-undang. Apapun jawapan dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu hakikat tetap sama bahawa rakyat masih menantikan reformasi dan pemulihan kedaulatan undang-undang yang pertamanya diceburi pada tahun 1988 dalam krisis kehakiman. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengikuti perdebatan Yang Berhormat Ketua Pembangkang selama lebih satu jam dan beliau amat menumpukan bicara beliau terhadap soal-soal demokrasi, kebebasan hak asasi, *fundamental liberty*, *freedom total*, hak asasi manusia dan sebagainya bermakna segala ciri-ciri yang berkaitan rapat dengan demokrasi itu sendiri. Beliau telah pun menjatuhkan beberapa kesimpulan, kalau tidak hukuman, bahawa setengah-setengah perkara yang

dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah tidak demokratik. Pokoknya di sini saya ingin bertanya dari Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sebagai seorang ahli politik dari sebuah parti Islam, ukuran demokrasi manakah yang beliau hayati, takrif hak asasi manusia manakah yang beliau cuba kemukakan dan *fundamental liberty*, acuan manakah yang mahu diketengahkan di dalam sistem Malaysia hari ini? Adakah beliau mahu mencedok takrifan dan definisi segala ciri-ciri demokrasi secara total dari Barat mengikut piawaian Barat ataupun beliau mempunyai satu pandangan sendiri yang serasi dengan PAS? Harap tolong jelaskan, terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, demokrasi adalah produk pemikiran Barat yang diakui sebagai produk yang terbaik dalam hasil pemikiran-pemikiran Barat. Bagi kita PAS yang meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan kita, kita menerima demokrasi dengan ciri-ciri demokrasi dalam keadaan ianya tidak bercanggah dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam. Soal kebebasan - ini memang bukan satu perkara yang baru, bukan sahaja diberi jaminan dalam sistem demokrasi Barat tetapi telah lama jaminan itu diberikan dalam sistem Islam. Soal penganiayaan, kebencian dan penentangan kepada penganiayaan ini juga menjadi teras kepada ajaran Islam.

Soal penyalahgunaan kuasa yang kita tentang ini juga merupakan tentangan hebat yang dibuat oleh Islam, sebab itulah apabila di zaman Omar, apabila seorang anak Gabenor memukul seorang anak rakyat biasa dengan tidak ada sebab yang membolehkan ia bertindak begitu, Omar terus mengarahkan supaya anak Gabenor itu dipanggil bersama dengan Gabenor dan menjatuhkan hukuman supaya anak rakyat biasa ini membalas balik perbuatan itu ke atas anak Gabenor itu tadi.

Jadi, ini menunjukkan bagaimana hak kebebasan itu dijamin, dipelihara, dihormati oleh Islam walaupun tindakan itu diambil oleh seorang anak Gabenor terhadap seorang rakyat yang bukan Islam. Oleh sebab itulah kita melihat bagaimana dalam sejarah perintah Islam pada waktu itu begitu menghormati segala perjanjian-perjanjian, kontrak dengan rakyat dan juga

masyarakat antarabangsa. Jadi, ini nilai-nilai yang kita pakai dan kita terima selama ianya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Oleh kerana negara kita telah mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen, kita semestinya juga mengambil ciri-ciri demokrasi itu di mana ianya boleh memberi keselesaan, lebih hak kepada rakyat dengan tidak mewujudkan suasana yang boleh menimbulkan ketakutan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, di sini nampaknya Yang Berhormat Ketua Pembangkang cuba menyimpulkan dalam satu ayat yang pendek bahawa demokrasi itu tidak boleh diangkat secara menyeluruh dari Barat. Demokrasi harus disesuaikan dengan landskap dan tuntutan nilai-nilai Islam. Pada waktu yang sama tidakkah juga demokrasi perlu diserasikan dengan landskap sosio- budaya, adat, moral dan sebagainya. Tidakkah demokrasi juga menuntut supaya diadakan sekatan-sekatan sekiranya sekatan itu menimbulkan manfaat lebih besar daripada menimbulkan kecelakaan kepada keseluruhannya.

Oleh sebab itu saya amat hairan apabila Yang Berhormat berada dalam satu negara merdeka mengatakan bahawa ISA kewujudannya tidak demokrasi, sekatan-sekatan kepada *freedom of speech* tidak demokrasi. Jadi, bagaimanakah ini, boleh Yang Berhormat jelaskan mengapa ISA itu tidak demokrasi sedangkan ISA itu diwujudkan untuk menimbulkan ataupun melindungi keselamatan seluruh majoriti rakyat, bukan hanya melindungi kepentingan minoriti, tidakkah itu demokrasi?

Kalau kita mengkaji sistem demokrasi mana sekalipun, demokrasi itu diberi sekatan dan hak asasi juga mempunyai sekatan, *fundamental liberty* juga mempunyai had dan batasnya. Jadi, saya tanya tadi yang belum jelas, apabila anak buah Yang Berhormat daripada PAS khususnya menjeritkan terminologi, demokrasi, kebebasan hak asasi manusia dan sebagainya, tidakkah ini perlu ada sekatan-sekatan dan tidakkah ini perlu diserasikan dengan latar belakang sosio-budaya, ekonomi, moral dan segalanya ataupun

PAS hanya menuntut satu demokrasi yang diciplak secara penuh dan sembrono?

1225

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, tetapi janganlah sekatan-sekatan itu menjadi sekatan kepada kebebasan yang semestinya diberi kepada rakyat. Sebab itu kalau kita lihat dalam tradisi Islam bila seorang rakyat biasa bangun di hadapan Umar ibni Khattab r.a. membuat teguran dan ada orang lain yang melarang orang yang berkenaan itu membuat teguran itu lalu Umar berkata kepada orang yang melarang itu, "Kamu hendaklah diam, tidak baik bagi kita tidak membenarkan dia bercakap dan tidak baik bagi kita tidak mahu mendengar apa yang dia cakap." Ini untuk menunjukkan walaupun berdepan, Islam memberikan kebebasan kepada seseorang rakyat untuk menyatakan ketidakpuasan hatinya dengan cara yang aman, dengan cara yang tidak boleh mencetuskan kekacauan. Umpamanya dalam demonstrasi yang aman yang dijamin tidak mencetuskan sebarang kekacauan tidak usahlah dibuat satu macam provokasi untuk menimbulkan kekacauan. Saya fikir demonstrasi-demonstrasi yang dibuat dalam negara kita demonstrasi yang aman. Tetapi tindakan provokasi itu yang telah membawa kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya bagi Yang Berhormat dari Peringat.

Tuan Muhammad bin Mustafa: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Pendang. Mengenai dengan pelaksanaan demokrasi, memang suatu hal dan demokrasi itu satu definisi. Soalnya sekarang ini sejauh mana pelaksanaan demokrasi itu terjamin dan dijamin. Apabila kita melihat kepada pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri apakah ianya benar-benar terjamin dasar dan prinsip demokrasi itu kerana kalau kita lihat apa yang berlaku kepada tahanan-tahanan ISA di mana ada yang kena tumbuk dan ada yang diseksa, dianiaya dan dilakukan perkara-perkara yang memang di luar daripada kebudayaan Melayu dan apatah lagi daripada Islam itu sendiri. Saya bertemu dengan

beberapa orang tahanan ISA yang dipertahankan oleh negara kita. Memang kita suka kepada keselamatan dalam negeri tetapi kita tidak reda dan kita tidak mahu penyalahgunaan ISA itu untuk menyeksa rakyat dan menzalimi rakyat atas nama keselamatan. Jadi saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya belum lagi memberikan penjelasan kepada satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh sahabat kita daripada Parit Sulong iaitu tentang ISA. Apakah ia tidak demokratik? Memang ISA tidak demokratik. Menghukum seseorang tanpa bicara. Ini memang bercanggah dengan nilai-nilai kemanusiaan dan juga dengan nilai-nilai Islam. Islam tidak membenarkan seseorang yang didakwa itu dijatuhkan hukuman sebelum dia diberi hak yang luas untuk dia membersihkan dirinya untuk membebaskan dirinya. Seorang itu dianggap bersih sehinggalah dia dapat dibuktikan yang dia itu bersalah. ISA tidak memberi peluang, ISA memberi kuasa mutlak kepada seorang Menteri Dalam Negeri untuk menahan selama tempoh masa yang tidak terhad tanpa memberi ruang kepada orang yang ditahan itu untuk membela diri. Jadi ini tidak demokratik. Tidak adil. Bercanggah dengan nilai-nilai kemanusiaan dan juga dengan prinsip-prinsip Islam bahkan dalam Islam pernah berlaku dalam satu kes di zaman Imam Abu Hanifah menjadi hakim apabila seorang tahanan itu diseksa sebelum dia dijatuhkan hukuman didapati dia bersalah, dia telah diseksa dalam tahanan, kemudian dia dibawa kepada pengadilan. Imam Abu Hanifah membebaskan orang itu kerana beliau mengatakan bahawa kamu telah menghukum dia sebelum dia dibicarakan. Jadi tidak boleh sama sekali diseksa orang dalam tahanan, tidak boleh sama sekali didera orang tahanan sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman sama ada dia bersalah ataupun dia tidak bersalah. Ini telah dilakukan dalam amalan negara kita. Bekas Ketua Polis Negara sendiri telah menyeksa, memukul dengan kejam [*Tepuk*]. Apakah ini dapat diterima oleh anggota-anggota UMNO, Barisan Nasional dalam Parlimen ini? [*Tepuk*]. Macam-macam kemungkinan. Akhirnya mengaku dia yang pukul. Dia masih boleh main golf walaupun sudah pukul orang. Mana kebebasan, mana keadilan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nampak sedap sikit itu. Yang belakang tepuk. Kita mana kita terima. Yang salah itu salah. Sebab itu tindakan diambil kepada bekas IGP. Satu *royal commission* dibuat. Dua lawyer ada. Apa hendak, kalau tidak *royal commission* dibuat, dia cari yang salah kita akan kemukakan ke mahkamah. Hendak mengandaikan bahawa kita suruh tumbuk dan tepuk tangan dan tumbuk, sangat bangga dan seronok kerana itu dibuat – tidak. Kita tidak seronok dan kita tidak bersetuju. Sebab itu diadakan *royal commission* dan kerajaan bersetuju diambil tindakan kepada bekas IGP. Tetapi politik lenggangnya macam ceramah di luarlah. Tidak benar Yang Berhormat, kita tidak bersetuju penganiayaan begitu. Kita Barisan Nasional tidak bersetuju apa jua penganiayaan, apa jua penyalahgunaan kuasa kita tidak bersetuju. Kepong lari sebab dia yang bercakap dengan PAS. Dia bukan DAP dia. Dia tulis sahaja dan taip, hang baca dia kata. Dia pun lari. [Ketawa]. Betul. Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Ada satu lagi yang dibangkitkan oleh Rompin tadi yang saya belum jelas iaitu beliau mengatakan yang PAS bersahabat dengan UMNO, orang UMNO bersahabat dengan PAS. Memanglah sebab itulah orang-orang UMNO boleh mengundi PAS baru-baru ini kerana bersahabat jugalah. Tadi saya telah menyebutkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya sudah jawab tadi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya harap Ketua Pembangkang mesti hebat kan! Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi samar-samar tentang pendirian dan tafsiran PAS terhadap kebebasan. Dia kata oleh kerana demokrasi menghalalkan kebebasan maka kebebasan itu pun diambil secara yang menyeluruh, secara total sehingga kebebasan itu atas passport dan berdiri tegak atas prinsip kebebasan bersuara maka yang tidak benar kononnya menjadi benar. Yang tidak betul dikatakan betul. Yang salah disuarakan

sebagai benar. Maka fitnah pun disebarluaskan oleh PAS. Adakah ini demokrasi? Adakah demokrasi menghalalkan perbuatan yang sedemikian? Adakah demokrasi menghalalkan PAS untuk mentafsir ayat-ayat Quran hanya serasi dengan tujuan dan kehendak politik PAS? Adakah demokrasi menghalalkan PAS supaya memfitnah orang lain sedangkan Islam sendiri mengatakan bahawa di dalam kita mencari kebenaran memang diizinkan kebebasan tetapi kalau kebebasan itu menjejaskan dignity atau maruah maka kebebasan itu harus disekat.

Jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat kita hendak tidak mahu yang samar-samar oleh kerana kita mahu memberi penghormatan kepada Ketua Pembangkang yang baru. Jadi kita hendak menjelas hari ini saudara sedang diaudit oleh seluruh wakil rakyat di sini. Kita hendak tahu pendirian PAS dan demokrasi yang akan dilancarkan dan dihayati oleh PAS.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah banyak kali mendengar cakap-cakap yang menyatakan pemimpin PAS mentafsirkan al-Quran dan menyeleweng, mentafsirkan al-Quran mengikut kehendak-kehendak hati. Saya tidak pernah hendak dibuktikan ayat mana yang PAS membuat tafsiran yang salah sebab saya percaya pemimpin-pemimpin PAS di dalam menyampaikan ceramah dan huraian dalam al-Quran merujuk kepada kitab-kitab yang ditulis oleh para-para ulamak yang muktabar, maksudnya yang ada authority, yang authoritative. Bukan sambil-sambilan begitu sahaja. Jadi tidak dapat dibuktikan, tetapi bila tafsiran itu menyinggung pemimpin-pemimpin UMNO lantas dikatakan itu fitnah. Jadi inilah yang saya fikir tidak tepat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, pembetulan sedikit. Saya kata sesetengah orang-orang PAS. Ustaz mungkin betul, Yang Berhormat mungkin betul, ahli Marang mungkin betul. Tetapi yang ikut-ikut di kawasan-kawasan, contohnya di dalam kawasan saya di dalam pilihan raya. Saya akan beri Yang Berhormat satu gambar, billboard yang dipacak oleh PAS di kawasan Parit Sulong dalam pilihan raya baru-baru ini. Dia mengatakan atasnya 'undilah PAS'. Maka dia kata, surah Yassin mengatakan 'jari kamu atau tangan kamu akan menjadi saksi di akhirat'.

Bermakna dikaitkan surah Yassin dengan niat untuk memangkah PAS. Adakah tafsiranya bahawa sekiranya kita tidak memangkah PAS maka kita akan diungkit dan diaudit di akhirat. Adakah dosa kalau kita tidak memangkah PAS? Inilah pengeliruan atau kekeliruan yang cuba diwujudkan oleh PAS. Saya tidak menyatakan mungkin majoriti kepimpinan PAS tetapi mungkin majoriti ahli-ahli PAS yang terkeliru dengan tafsiran-tafsiran yang setengah ataupun tidak sepenuhnya. Itu satu daripada contohnya. Sekarang ini UMNO dengan PAS sedang memilih cara untuk berdebat ataupun bermesyuarah mengenai dakwaan-dakwaan kononnya orang PAS mentafsir ayat Quran dan sebagainya dengan tidak jelas.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia bukan minta penjelasan tetapi dia telah berucap.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, duduk dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini telah melanggar ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia ini tidak tahu adat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan apa, sudah panjang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ketua Pembangkang memberi saya peluang untuk mencari penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ketua Pembangkang memberikan laluan untuk dia.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ketua Pembangkang hanya memberikan izin untuk beliau mendapatkan penjelasan, bukan untuk bersyarah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekarang bukan awak yang bercakap. Sekarang Ketua Pembangkang. Adakah awak hendak jadi Ketua Pembangkang? Ketua Pemuda dulu cukuplah. [*Ketawa*].

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ketua Pembangkang hanya minta saudara memberikan penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ketua Pembangkang pun tidak bising bagi saya hendak minta penjelasan. Apa benda ini?

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak membuat pembetulan kalau saudara daripada Pokok Sena hendak jadi Ketua Pembangkang tunggulah dulu. Tunggulah giliran. Saya hendak menjelaskan bahawa ada pemimpin-pemimpin PAS di kawasan-kawasan yang cuba mengelirukan rakyat untuk meraih sokongan dan dokongan politik dari gerakan masa dengan menggunakan ayat-ayat Quran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, apakah tujuan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tujuan saya hendak nyatakan adakah kebebasan menghalalkan kita untuk menggunakan perkara yang tidak betul. Contohnya ahli Parlimen daripada Parit Buntar datang ke kampung saya mengatakan bahawa ‘bapa-bapa jangan bimbang, sekarang Yang Berhormat Ruhanie pun sudah masuk parti ADIL’.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidakkah ini fitnah? Adakah kebebasan bersuara menghalalkan fitnah? Saya hendak bertanya belum dijelaskan oleh Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tahun depan boleh naik pangkat jadi back bencher baliklah.

1240

Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, kita berhujah kita lawan berhujah. Kalau itu cakap-cakap lawanlah dengan cakap, yang debat lawan dengan debat. Bukan kita hendak lawan hujah dengan kuasa. Bila kita tidak boleh mematahkan hujah seseorang jangan kita gunakan kuasa kita untuk menindas, untuk menghukum atau untuk menangkap. Jadi kita tidak menggunakan kekuatan berfikir, kekuatan berhujah untuk melawan kekuatan hujah tetapi kita menggunakan kekuatan kuasa untuk melawan kekuatan berhujah. Jadi ini yang saya pertikaikan. Kalau Yang Berhormat bagi Parit Sulong hendak mengungkit

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sipitang bangun. Hendak berikan laluan?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Nantilah saya jawab yang ini dahulu. Duduk dulu! Kalau Yang Berhormat Parit Sulong hendak mengungkit kenyataan-kenyataan, ucapan-ucapan ahli-ahli biasa PAS, saya boleh menyebut beribu-ribu kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh ahli-ahli UMNO, tetapi itu bukan caranya, yang menghina Islam, yang mempertikaikan Islam termasuk pemimpin-pemimpin UMNO tetapi saya tidak mahu mengungkitkan perkara-perkara itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kemudian ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini tuduhan kata kita menghina Islam, saya kalau Yang Berhormat kata UMNO menghina PAS okeylah, tetapi menghina Islam itu perkara yang lain, berbeza sangat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ingin menyambung...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingat macam inilah tolong bagi sedikit, adakan satu kuliah kepada anak buah Yang Berhormat tentang peraturan mesyuarat *[Ketawa]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Soalan Saya ingin penjelasan kepada

Dato' Dr. Haji. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini floor saya *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ketua Pembangkang memberikan laluan kepada Yang Berhormat bagi Rompin habiskan soalan dia.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peraturannya, biar saya duduk, Yang Berhormat Ketua Pembangkang jawab lepas itu Yang Berhormat bangun pula. Itulah peraturannya. Tolong duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Belajar dengan Yang Berhormat yang di sebelah kanan itu dia tahu peraturan dan Yang Berhormat di sebelah kanan pun juga adalah ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Hendak mengatakan bahawa tidak ada wakil itu tidak benarlah. Yang Berhormat saya berbalik tadi kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Laillahailah, nantilah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin sila kemukakan soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya dia bangun, saya baru hendak mula bercakap dia bangun *[Ketawa]* .. Idea pun hilang, itu hendak ingat balik idea *[Ketawa]* . Yang Berhormat saya terima kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan UMNO menghina PAS okeylah, kita boleh bahas, tetapi menuduh UMNO menghina Islam ini Yang Berhormat saya orang kata mungkin kita berbeza yalah kalau bersalam pun saya tunduk kepala dengan Yang Berhormat, hormat, sebab sebagai abang kepada saya pangkat ayah kepada saya tetapi tolong bezakan politik dan agama ini. Tolong bezakan Yang Berhormat. Saya ada juga baca mungkin saya tidak bersetuju, saya mempelajari juga apa Yang Berhormat cakap, tetapi yang itu saya tidak boleh terima sebagai anak muda Yang Berhormat. Ini bukan bercakap sebagai orang UMNO tetapi sebagai orang Melayu, orang Islam, tolong bezakan agama dan politik saya minta penjelasan Yang Berhormat ini. Ini ramai yang mendengar.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah peluang Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjawab dahulu... Astagfirrullah.. *[Ketawa]* ini Setiausaha tolong adakan kursus sedikit untuk ahli Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Iim Si Cheng]: Okey Yang Berhormat bagi Rompin cukup.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, ini saya hendak sebut, saya hendak quote beberapa kenyataan pemimpin-pemimpin UMNO, saya tidak ambil yang bawah-bawah. Bawah-bawah ini cukup banyak -. Pemimpin. Ini kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam temubualnya dengan majalah MASSA 14 Julai 1992. Beliau berkata, "*apabila hukuman merejam batu sampai mati kepada pezina dan potong tangan kepada pencuri nescaya ramailah rakyat Islam yang mati dan kudung tangan.*" Ini sangat memalukan umat Islam, kerana orang bukan Islam akan sempurna sifatnya dan boleh meneruskan kerja. Ini kenyataan yang menghina hukum Islam, bukan menghina PAS. [Tepuk] Sebab itulah saya tidak hendak bawa benda-benda ini dalam ucapan ini tetapi dibangkitkan oleh Backbanchers, ketua Backbanchers tidak kontrol dia punya orang. [Tepuk]

Soalan-soalan itu akan memberi peluang kepada saya untuk memperjelaskan perkara ini, banyak ini, dua muka ada pada saya. Inilah saya harap supaya dalam hal-hal seperti ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Setiausaha Parlimen mana ?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Fadzil Noor mengenai mengatakan bahawa Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir telah pun menghina hukum-hukum Islam. Tetapi saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat dalam konteks manakah ia dikatakan pada keseluruhan. Apakah itu sebagai pandangan ataupun beliau telah berulang kali mengatakan menghina perkara itu. Dalam konteks manakah Yang Berhormat bercakap itu. Saya pohon Yang Berhormat tarik balik untuk mengatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir menghina hukum Islam! [Tepuk]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, tidak payah semangatlah saya ingat. Tidak payah bersemangatlah wakil daripada Sungai

Petani itu. Ini kenyataan yang bertulis dalam majalah *MASSA* dan wakil daripada Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani juga menjadi salah seorang penulis tetamu dalam majalah itu dan boleh rujuk semula kepada majalah itu. Tidak tahulah sekarang ini sama ada ia berulang....

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tidak, tidak Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya dan Yang Berhormat, saya bertanya tadi...

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak berikan jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Ketua Pembangkang tidak berikan jalan untuk menyoal.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tuan Yang di-Pertua, tadi sebab apa saya bangkitkan perkara itu...

Beberapa ahli: Tidak beri jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya sudah bagi penjelasan.

Beberapa ahli: Yang Berhormat bagi Rompin bagi kuliah pula.

[Dewan dalam keadaan riuh]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya sudah bagi penjelasan, ini bukan tuduhan saya ini kenyataan....

Seorang Ahli: Ingat ini pasarkah? Ini Dewan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tuan Yang di-Pertua, point of order *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Manakah itu peraturan apa.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Saya mahu bangkitkan peraturan 36(6) cerai (6)...

Beberapa Ahli: Duduk, duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Di sini dia kata seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Ini yang saya hendak bangkitkan dan juga saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bukan hendak bercakap dengan Yang Berhormat, saya mahu pohon kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat sila duduk.

Beberapa Ahli: Duduk, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Di Dewan yang mulia ini ada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan membuat keputusan Yang Berhormat

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tidak perlu saya dapat arahan daripada mana-mana ahli-ahli pembangkang. Di sini kita ada Tuan Yang di-Pertua. Biarlah Tuan Yang di-Pertua menjalankan tugasnya. *[Sorak]*
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya dengar tadi ini memang Ketua Pembangkang merujuk kepada majalah yang menyebutkan perkara itu. *[Tepuk]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas semua pandangan-pandangan. Apakah beliau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bawa mengenai 36(6) sekali lagi, kalau boleh point of order 36 untuk penyelesaian Tuan Yang di-Pertua. Point of order yang tadi menghina mengata Perdana Menteri menghina Islam. Ini sangkaan jahat, menggunakan satu rujukan out of contact dengan suasana-suasana yang lain maknanya dan menuduh Perdana Menteri Malaysia menghina Islam, ini sebuah negara Islam. Bagaimana menuduh seorang Perdana Menteri satu negara Islam yang

Perdana Menteri itu menghina Islam. Ini tuduhan yang amat berat. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Itu rulingnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, jadi saya minta Yang Berhormat ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia mesti tarik, dia menuduh Yang Perdana Menteri sebuah negara Islam menghina Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya haraplah Yang Berhormat jangan ada sangkaan jahatlah...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itulah yang hendak di tarik balik.

Beberapa Ahli: Tarik balik. [*Tepuk*]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sangkaan jahat. Saya hanya membaca kenyataan beliau kepada majalah MASSA. [*Tepuk*]. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang seperti ini apa yang hendak ditafsirkan kalau tidak ianya merupakan satu tanggapan...

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6) ruling tafsirannya yang saya rulingnya, membaca tidak ada sebab saya boleh membacanya, tetapi tafsiran itu yang menghina, saya hendak tarik balik tafsiran itu. Membaca itu hak Yang Berhormat membacanya, tetapi tafsirannya itu yang menghina...

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang membaca. Apakah dia boleh faham daripada kenyataan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey sila Yang Berhormat bagi Rompin mendengarnya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Beliau mengatakan apabila hukum merejam dengan batu sampai mati kepada pezina dan potong tangan kepada pencuri nescaya ramailah rakyat Islam yang mati dan kudung tangan. Ini satu kenyataan yang memang dari segi tafsirannya menghina hukum sebab.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 36(6)

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Sudah banyak kali 36(6) digunakan, Tuan Yang di-Pertua saya tidak bagi jalan lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batang Lumar. Mengikut peraturan apa?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 36(6). Tuan Yang di-Pertua, mula-mula Ketua Pembangkang kata menghina Islam, lepas itu dia buat satu contoh. Jadi dengan sendirinya orang yang bercakap dikatakan menghina Islam itu berkata dalam contoh yang disebutkan itu. Dengan sendirinya di bawah 36(6) ini terjatuh, makna dia Perdana Menteri Malaysia menghina Islam. Kita tidak boleh lari daripada interpretasi yang disebutkan itu. Tuan Yang di-Pertua, kita minta ruling, tarik balik.

Beberapa Ahli: Okey tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey Yang Berhormat, saya tadi memang mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang merujuk kepada majalah, tetapi apabila Yang Berhormat membuat satu anggapan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menghina Islam itu saya fikir tidak sesuai. Rujuk majalah itu memang benar tetapi anggapan itu saya rasa tidak sesuai. Teruskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ada lagi satu kenyataan

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas apa maksud kami. Jadi bermakna bawah 36(6) Yang Berhormat Ketua Pembangkang kena tarik balik. Saya minta Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Peraturan 43.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tengah bercakap di bawah standing order. Tidak fahamkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, biar Yang Berhormat bagi Parit Sulong habis.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di bawah 36(6) telah pun jelas.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya di bawah standing order, duduk dulu! Duduk dulu, sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia juga bangkitkan peraturan...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua telah pun jelas akan maksud kami. Tuan Yang di-Pertua telah pun jelas akan tafsiran yang dibawa oleh Ketua Pembangkang. Maka di bawah 36(6) dia punya ruling adalah suruh dia tarik balik. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua bertegas tarik balik apa yang ditegaskan tadi. Itu saja terima kasih.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 43....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya belum membuat keputusan terhadap apa yang dikatakan Yang Berhormat Parit Sulong. Jadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang, tadi saya sudah katakan anggapan itu tidak sesuai, kalau boleh kita tarik baliklah anggapan itu. Itu yang mempunyai tafsiran dan sangkaan jahat itu. Saya rasa kita tarik balik anggapan tersebut.

1255

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 43 telah pun disebut dengan jelas. *[Disampuk]* "43. Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara Peraturan Mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula dan tidak boleh diulang kaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan kenyataan lebih daripada dua hari terlebih dahulu". Saya ingin menjelaskan apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi adalah begitu jelas mengenai penyelewengan, mengenai apa-apa yang disebut tadi. Ianya begitu jelas kerana ia dikeluarkan dalam sebuah majalah MASSA.

Kalaulah pemimpin-pemimpin UMNO hendak rujuk boleh rujuk kepada majalah ini. Saya rasa inilah penyakit yang ada di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO sekarang ini, penyakit kronik selepas penolakan pengundi-pengundi Melayu terhadap mereka secara total dalam pilihan raya yang lepas. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Cukup!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kekalahan mereka....

[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah katakan, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat sila duduk.

Tadi apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang merujuk kepada majalah ini tidak boleh dinafikan. Tetapi anggapan bahawa Perdana Menteri menghinakan Islam, itu anggapan Yang Berhormat sendiri dan saya rasa ini ada mempunyai unsur-unsur sangkaan jahat. Yang Berhormat, saya mahu buat keputusan kalau boleh tarik balik kenyataan itu.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenyataannya berbunyi begini, "*Apabila hukum rejam batu sampai mati kepada pezina dan potong tangan kepada pencuri nescaya ramailah rakyat Islam yang mati dan kudung tangan.*" Bagi saya kenyataan yang semacam ini adalah kenyataan yang menghina hukum Islam. Kenyataan yang semacam ini, walau siapa pun yang menyatakan begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Yang Berhormat sendiri kata, Perdana Menteri hinakan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ini kenyataan beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi perkataan itu lain. Dia tidak sebut hina agama Islam.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tetapi kenyataan itu merujuk, memberi erti bahawa ia satu penghinaan, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua semasa ini bukan orang Islam.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Apakah beliau akan kekal mendukung kebenaran yang beliau pernah....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order 36(6)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sila kita dengar peraturan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Peraturan Mesyuarat 36(6). Kita minta Tuan Yang di-Pertua mengeluarkan *ruling* secara jelas, jangan rasa-rasa, mesti minta Ketua Pembangkang tarik balik oleh kerana kenyataan itu mempunyai sangkaan jahat. Itu sahaja yang kita minta. Rulinglah!

Tuan Mohamad bin Sabu: Oleh itu, *refer* kepada *Select Committee*. Kalau *Select Committee* buat keputusan kalau Ketua Pembangkang kena minta maaf dan kena tarik balik, tarik. Sebab ini hal agama dan Tuan Yang di-Pertua pula semasa ini orang bukan Islam. Ini masalah yang cukup besar.

Jadi, saya minta Ketua Pembangkang jangan tarik balik kerana itu kenyataan Perdana Menteri, bahkan dia ucap di Papar, Sabah, "*Kalau laksana Hudud di Kelantan orang Melayu tidak akan maju sebab tidak ada kaki dan tidak ada tangan, orang Cina akan maju.*" Ucapan ini keluar dalam *Utusan Malaysia*, semasa kami belum boikot dahulu kami baca. Jadi, ini masalah agama, lebih baik *refer* kepada *Select Committee*, *Select Committee* menentukan kemudian Ketua Pembangkang boleh tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya bersetuju kerana sebab-sebab yang telah diterangkan. Saya rujuk ini kepada Jawatankuasa dan ianya akan buat keputusan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta Ketua Pembangkang tarik balik. Kalau tidak saya gunakan Peraturan Mesyuarat 43.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lebih baik kita berhenti untuk makan dahululah dan sembahyang Zohor. [*Ketawa*] Tinggal seminit lagi bolehlah kita kirakan sudah pukul 1.00, kita tangguh, kita makan dan sembahyang Zohor, mungkin Ketua Pembangkang boleh fikir kembali apa tuduhan dia itu, menuduh satu pemimpin yang menghina Islam, mungkin tidak payah lagi hendak tunggu *Select Committee*, dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Jadi, Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh sambung. Tadi saya sudah buat keputusan kita rujuk kepada *Select Committee* dan keputusan akan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi ucapan, Yang Berhormat atau habis.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila sambung.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalnya apakah beliau iaitu Dato' Dr. Rais Yatim akan kekal mendukung kebenaran yang diperjuangkan satu masa dahulu atau kesemuanya adalah baik sekadar untuk memberi beliau gelaran seorang doktor falsafah dalam undang-undang. Apa pun jawapan dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu hakikatnya tetap sama bahawa rakyat masih menantikan reformasi dan pemulihan kedaulatan undang-undang yang pertama-tamanya dicabuli....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk, boleh kita sambung petang ini.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pendang. Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Adalah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sedikit lagi ya. Fasal kita ada ramai yang hendak berucap. Mintalah kalau sekiranya boleh dipendekkan sedikit.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kalau tidak banyak gangguan, tidak apa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Banyak ganggu, susah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, jika sekiranya ramai sangat yang mengganggu minta penjelasan, Yang Berhormat berhak kata tidak memberi jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas izin yang diberi untuk saya menyambung ucapan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua senario politik tanah air mutakhir ini yang dicirikan dengan kehilangan kewibawaan kuasa kehakiman, kuasa legislatif yang hanya menjadi peranan '*rubber stamp*' kepada pihak eksekutif yang terlalu kuat dengan kuasa dua pertiga majoriti yang terlalu lama serta keruntuhan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, perampasan hak-hak asasi rakyat dengan akta-akta represif seperti ISA, Akta Hasutan dan sebagainya yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara dan Pengisytiharan Hak Asasi Bangsa-Bangsa Bersatu, adalah mirip suasana yang telah digambarkan oleh Dato' Dr. Rais Yatim yang sekarang menjadi menteri dalam bukunya *Kebebasan di Bawah Kuasa Eksekutif di Malaysia* yang diterbitkan dalam tahun 1995, dengan izin, *Freedom Under Executive Power in Malaysia* .

Apakah beliau akan kekal mendukung kebenaran yang beliau perjuangkan satu masa dahulu ataukah kesemua adalah baik sekadar untuk memberi beliau gelaran seorang Doktor Falsafah dalam undang-undang. Apapun jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu hakikatnya tetap sama bahawa rakyat masih menantikan reformasi dan pemulihan kedaulatan undang-undang yang pertama-tamanya dicabuli pada tahun 1988 dalam krisis kehakiman yang paling buruk dalam sejarah perundangan tanah air yang akhirnya menyebabkan Ketua Hakim Negara pada ketika itu, Tun Saleh Abbas serta dua hakim Mahkamah Agung dilucutkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengingatkan Dewan yang mulia ini beberapa petikan daripada buku tersebut yang menyinggung persoalan kuasa eksekutif yang dipergunakan secara sewenang-wenangnya hingga

memaksa badan kehakiman serta Parlimen menjadi hilang kebebasan dan kewibawaan. Kata beliau

“Serangan-serangan yang pada masa yang sama melengkapkan pihak eksekutif dengan kuasa-kuasa menggerunkan ini telah mengganggu mekanisme penyemak dan pengimbang (check and balance) yang begitu penting dalam satu sistem yang mendakwa dirinya demokratik dan berpandukan kedaulatan undang-undang...”

Beliau antara lain membuat kesimpulan bahawa,

“...Badan kehakiman telah kalah dalam pertarungan mengawal kuasa eksekutif yang secara terus meminda urusan dan status-quo badan kehakiman menerusi cara yang diperlihatkan oleh kuasa eksekutif Malaysia ini memang suatu yang jarang berlaku dan cara serangan ke atas Badan Kehakiman dalam tahun 1988 tidak berlaku dalam dunia demokratik bebas...”

Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak untuk disebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa kemerosotan sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional dalam pilihan raya juga perlu dilihat dari perspektif penolakan dan bantahan rakyat terhadap beberapa perkara dalam senario politik pra-pilihan raya. Sekaligus ia menunjukkan protes dan penentangan rakyat terhadap isu penghakisan kebebasan sistem kehakiman, ketidakadilan agihan kekayaan negara, amalan rasuah, kronisme dan nepotisme, pemborosan dan kepincangan pengurusan pembangunan negara, ketidakadilan dan kezaliman politik khususnya terhadap beberapa peribadi termasuklah kes bekas Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Encik Lim Guan Eng dan kemuncaknya terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, serta begitu banyak tangkapan di bawah ISA dan Akta Polis.

Pilihan raya yang lalu secara jelas telah mengisytiharkan kepada kita bahawa rakyat sudah tidak boleh lagi menerima pola politik perkauman, pemikiran dan *mindset* purba dan ketinggalan – *outdated*, dengan izin, dan stail kepimpinan yang terlalu autokratik dan menekan dan represif. Bagi orang

Melayu khususnya kecintaan kepada agama Islam menyebabkan mereka tidak boleh menerima ketidakadilan, kezaliman dan pemerintahan yang tidak menghormati mertabat agama, penghinaan terhadap hukum Islam dan sunnah Rasulullah s.a.w. bahkan mertabat kemanusiaan itu sendiri.

Keadilan juga diertikan dengan keadilan agihan kekayaan negara, pengelakan pemborosan sumber kekayaan negara dan pembangunan yang berhemat dan seimbang. Orang bukan Islam juga mahukan keadilan sejagat dan mereka mahu melihat keadilan itu dilaksanakan. Tegasnya penurunan undian khususnya kepada UMNO/BN adalah membayangkan juga penolakan rakyat terhadap beberapa polisi pembangunan kerajaan BN khususnya program penswastaaan yang jelas membawa kesan dan beban yang parah kepada rakyat yang menanggung kos yang tinggi untuk perkhidmatan yang tidaklah jauh lebih baik daripada sebelum era penswastaaan.

Penswastaaan jelasnya telah berjaya untuk memperkayakan orang-orang dan kroni tertentu hasil ketidaktelusan cara pemberian kontrak yang tidak terbuka bahkan diperolehi secara yang kita pun tidak tahu. Pengkorporatan universiti, perkhidmatan awam seperti jalan dan lebuhraya, elektrik, air dan telekomunikasi kesemuanya membawa kos yang tinggi kepada rakyat di samping harga barangan harian yang melambung tinggi sementara harga hasil pekebun kecil getah, padi dan nelayan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Apa yang mendatangkan kemarahan rakyat khususnya orang Melayu dalam pilihan raya baru-baru ini ialah sudahlah Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak mendapat apa-apa pembelaan secara adil dalam media perdana, sebaliknya pula liputan penulisan, tayangan gambar dan pendedahan iklan yang dibuat kesemuanya memburuk-burukkan lagi imej beliau sebagai pencetus kekecohan, huru-hara sementara masih memainkan lagu lama mengenai salah laku seks dan rendah moralnya. Jelas taktik kotor untuk memburuk-burukkan pemimpin Alternatif telah membawa akibat sebaliknya, dengan izin, *backlashed* kepada UMNO/BN kerana cukup keterlaluan. Perkara ini terpaksa diakui hatta dalam penulisan Abdul Razak Abdullah Baginda, CEO *Malaysian Strategic Resource Centre* (MSRC), sebuah kumpulan think-

tank kerajaan dalam penulisannya yang diterbitkan oleh *The New Strait Times*. Kata beliau “...over display of propaganda merely puts people off.....” – propaganda yang keterlaluan menjemu dan memualkan rakyat .

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk mensabitkan pemerhatian yang dibuat sama ada merupakan pola atau trend yang akan berkekalan ataupun merupakan fenomena sementara. Pun begitu apa yang jelas adalah wujudnya trend pemikiran rakyat yang semakin matang, berani dan sukar untuk dibelenggu dengan khurafat pemikiran kononnya hanya UMNO/BN yang mampu mentadbir dan memimpin. Kemasukan golongan profesional dan intelek daripada semua lapisan kaum dan masyarakat yang menyokong parti-parti Alternatif khususnya PAS dan Parti Keadilan Nasional jelas menunjukkan bahawa seandainya UMNO/BN kekal dengan sikap dan pemerintahan autokratik maka fenomena ini pasti akan kekal sebagai satu trend yang akan mencirikan landskap pemikiran politik rakyat Malaysia di alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara telah mengalami satu episod keruntuhan ekonomi secara mendadak bersama-sama dengan ekonomi beberapa negara lain di Asia Tenggara bermula Julai 1997. Apa pun punca faktor keruntuhan ekonomi yang masih dianalisis sehingga kini yang pastinya ialah ia berpunca daripada pelbagai sebab atau *multi-factorial*. Adalah mustahak untuk kerajaan mempelajari daripada kesalahan dan kepincangan pengurusan ekonomi negara yang telah mengakibatkan merudumnya ekonomi yang sepatutnya tidaklah serapuh dan semudah digugat seperti yang telah terjadi berbanding dengan negara jiran seperti Singapura. Kalaupun tidak dinafikan peranan serangan spekulator mata wang akan tetapi serangan terhadap mata wang negara telah dibuat kerana mereka mengesani kelemahan dan kesempatan, bukan kerana mereka Yahudi atau kita orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain juga adalah mustahak untuk kerajaan mengenal pasti antara sebab yang menjadikan ekonomi negara menjadi terdedah kepada serangan spekulator. Kesemua faktor kelemahan dan kesan buruk termasuk pelaburan berlebihan (*over investment*), pelaburan di sektor yang tidak produktif, pelaburan yang bertindih dan tidak efisien,

pinjaman yang berlebihan, amalan kapitalisme kroni, nepotisme dan rasuah dalam amalan penswastaaan lantas mencetuskan fenomena ekonomi membelon, fenomena ekonomi meruap sehingga runtuh pasaran saham dan mata wang serta institusi perbankan dan kewangan.

Sebagai contohnya, hutang negara adalah dianggarkan sebanyak RM161.3 bilion atau 57.4% dari KNK. Hutang yang ditanggung oleh pihak awam Kerajaan Pusat, sektor awam dan agensi negeri adalah sebanyak RM72.5 bilion, selainnya adalah hutang pihak swasta. Retoriknya adalah kita tidak mahu meminjam dari luar tetapi pada waktu yang sama kita tahu bahawa belanjawan defisit terus menuntut supaya kita meminjam dari luar.

Peliknya dalam suasana seperti itu, Perdana Menteri menjelaskan sedikit masa dahulu ketika ditanya tentang projek-projek mega mewah kerajaan, jawapan diberi adalah kita buat kerana kita mampu. Memanglah 'Malaysia semua boleh'! Tetapi ingatlah sedikit, ini bukan duit UMNO, ini wang rakyat! Bayaran hutang sahaja adalah 15.5% daripada jumlah perbelanjaan operasi dan meningkat kepada 18.5% pada tahun 1999 dan mungkin akan meningkat pada tahun 2000. Contohnya, perbelanjaan berbilion ringgit dengan projek seperti Putrajaya, KLCC dan KLIA dianggarkan menanggung bayaran faedah daripada pinjamannya sudah sampai kepada beberapa juta Ringgit sehari.

1445

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah apakah senario buruk ini dapat diminimumkan walaupun tidak dapat dielakkan sama sekali seandainya ekonomi negara telah diuruskan dengan pruden, berhemat dan lestari, berterusan ataupun 'istimrariyah', dengan izin.

Kawalan modal dan mata wang yang kita lakukan jelas adalah tindakan yang dibuat setelah merudum atau dengan kata-kata lain "setelah kerbau keluar kandang, barulah kita hendak tutup pagar". Setelah berbondong-bondong pengurus dana keluar dengan wang mereka baru kita kenakan kawalan modal. Kesan buruk dari kawalan modal dan mata wang terhadap ekonomi negara hingga kini masih belum dapat dikenal pasti secara kuantitatif. Impak negatif akibat polisi kawalan modal kepada keyakinan

pelabur asing dan juga tempatan sukar untuk dinilai dalam suasana pemulihan hari ini. Mengintegrasikan ekonomi kepada ekonomi global juga memerlukan masa untuk dibaikpulih. Meskipun tanda-tanda pemulihan seumpama lebih dagangan untuk tiga suku pertama tahun lalu menunjukkan kenaikan sebanyak 35% berbanding tahun sebelumnya, perkara ini adalah sukar untuk diambil sebagai petunjuk sebenar pemulihan terutama dalam faktor sebenar yang memacu lebih dagangan adalah kelemahan ringgit. Pada waktu yang sama kerajaan cuba menggalakkan keperluan domestik dengan mengizinkan perbelanjaan defisit yang besar. Adalah tidak sukar untuk menyimpulkan bahawa ini adalah sekadar strategi jangka pendek.

Salah satu petanda kepada pemulihan keyakinan pelabur asing adalah dilihat di segi permohonan pelaburan modal asing. Mengikut laporan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa untuk tahun yang ketiganya negara mengalami kemerosotan pelaburan modal dalam sektor industri pembuatan sebanyak 26% kepada hanya RM14 bilion.

Menterinya juga pantas memberi alasan bahawa kerajaan lebih memilih dan juga menyebutkan bahawa kekurangan pelaburan ini tidak ada sangkut-paut dengan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih mustahak lagi untuk negara sekarang ini adalah supaya segala kesilapan dan kepincangan lama tidak diulangi. Kita perlu belajar dari kesilapan lama supaya tidak mengulangi kitaran lama. Projek-projek mega mewah berbilion ringgit seperti Putrajaya, KLCC, KLIA dan sebagainya sememangnya melonjakkan KDNK, akan tetapi apakah ianya membawa kepada erti pembangunan sebenarnya. Apakah kesan dari sudut perangsangan pembangunan dan penumbuhan kegiatan ekonomi dalam berbagai sektor yang lain. Hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu ketika dahulu bahawa lebih besar lebih murah kos pembinaannya tidak menepati asas logik hatta dalam bidang ekonomi sekalipun. Perbelanjaan berbilion ringgit dengan projek seperti Putrajaya, KLCC, KLIA sendiri adalah tidak begitu jelas dari sudut pulangan kesan dan pendapatan *investments*nya.

Kerajaan tidak perlu mendabek dada menunggu pujian akan tindakan bijak mereka menangani kegawatan ekonomi kerana kerajaan adalah antara punca keruntuhan itu sendiri. Sesungguhnya, ekonomi global sememang agak sukar untuk difahami khususnya di segi pengaliran masuk keluar kapital dan dana. Seperti mereka pernah keluar berbondong-bondong dahulu, tidak ada sebab mengapa fenomena itu tidak boleh berulang seandainya kita sendiri mengulangi kepincangan pengurusan ekonomi negara dengan amalan sumbangan kronisme, nepotisme dan rasuah khususnya dalam mentadbir khazanah negara seperti syarikat gergasi korporat negara umpama Petronas. Pengurusan korporat semua *enterprise* kerajaan bahkan juga semua dana-dana negara sama ada dalam KWSP, Tabung Haji, SOCSO dan sebagainya mestilah lebih telus supaya tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak termasuk pihak kerajaan untuk menyelamatkan mana-mana syarikat yang sedang tenat yang mempunyai hubungan rapat dengan pimpinan parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga sayugia diingatkan dalam urusan penyatuan perbankan, prinsip yang sama perlu diperhatikan dan dilaksanakan supaya matlamat penyatuan benar-benar tercapai bukan sekadar alasan dan hujah untuk memenuhi agenda politik dan kepentingan bisnes orang-orang tertentu. Kelemahan pengurusan institusi perbankan dan kewangan di negara ini adalah terlalu masyhur dengan contohnya BBMB, sebuah bank gergasi yang akhirnya memerlukan 3 kali suntikan dalam tiga tahun dengan jumlah RM4.7 bilion. Begitu juga keadaannya institusi perbankan yang lain seperti Sime Bank, RHB Bank, AMMB, MBF Finance dan sebagainya. Maka penggabungan institusi perbankan dan kewangan untuk menjadikan kita lebih besar dan berdaya saing mestilah benar-benar mengikut metodologi yang wajar dan berhemat dan bukan sebaliknya memenuhi agenda politik pihak tertentu. Pendirian dan ketetapan mengenai perkara ini telah kami dalam pimpinan Barisan Alternatif sarankan dan terbitkan sedikit masa lalu dengan pendekatan '*Multi-Tier Banking System*', dengan izin, di mana berbagai saiz bank diizinkan untuk terus wujud tetapi saling sokong menyokong antara satu sama lain. Memang diakui bahawa ada bank kecil yang lebih berkesan dari sudut pengurusan dan perniagaan mereka.

Perlu diwujudkan jawatankuasa Parlimen untuk memantau pengurusan dana negara ini dalam melahirkan ketelusan '*good governance*', dengan izin, dan pengurusan '*best practise*' dengan izin, yang hingga hari ini hanya tinggal slogan dan retorik ahli akademik pengurusan dan orang politik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini untuk benar-benar memerhatikan golongan yang agak terpinggir dalam arus pembangunan negara kerana kemiskinan. Saya sedar bahawa kemiskinan juga membawa erti dan darjat yang berbeza-beza sama ada kemiskinan mutlak dan kemiskinan yang terlalu miskin atau *hard core poverty*.

Oleh itu saya syorkan bahawa untuk menentukan pendapatan garis kemiskinan bagi setiap golongan ini juga tidak boleh digunakan garis yang sama sepertimana rumitnya juga perbezaan di antara kemiskinan yang terdapat di luar bandar dan kemiskinan di bandar dan mengikut sektor ekonomi dan pekerjaan. Pasti garis ini perlu mengambil kira perbezaan di Semenanjung yang berbeza dari Sabah dan Sarawak dari segi indeks harga pengguna, komposisi perbelanjaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar bagi sebuah negara yang mempunyai wawasan untuk menjadi negara maju, tetapi pada waktu yang sama, masih mempunyai penduduk dalam paras ketermiskinan dan kemiskinan mutlak. Adalah lebih mengaibkan lagi bagi sesebuah negeri yang mempunyai royalti minyak sebanyak RM500 juta setahun akan tetapi tersenarai sebagai negeri ketiga paling ramai penduduk yang dalam paras kemiskinan. Sementara kita mengiktiraf usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan sejak dari Dasar Ekonomi Baru sehingga tempoh Dasar Pembangunan Nasional, saya ingin merakamkan kepentingan untuk menegaskan keperluan untuk benar-benar memastikan keberkesanan setiap program yang dilancarkan supaya memenuhi matlamat program seperti program PPRT, AIM, Yayasan Basmi Kemiskinan dan sebagainya. Usaha sama dengan badan-badan bukan kerajaan atau NGOs, pihak swasta dan korporat hendaklah diperbaiki dan dipergiatkan. *Targets* untuk membasmi kemiskinan mutlak dan ketermiskinan mestilah dirancang dalam masa terdekat dan mengurangkan kadar kemiskinan di bawah 5% menjelang tahun 2002.

Di samping projek-projek seperti PPRT yang berfungsi sebagai '*penggenap pendapatan*', pendekatan '*mengajar mereka menjala ikan*' berbanding dengan '*membekal mereka ikan yang dijala*' adalah perlu diberi penekanan. Satu perkara yang penting untuk mereka berdikari adalah untuk menaikkan semula '*self-esteem*' atau jatidiri ketua keluarga dengan mengangkat erti sebuah keluarga dengan pertama memungkinkan mereka memiliki sebuah rumah yang munasabah dari sudut kos dan jumlah bilik.

Ini hanya akan mampu mereka miliki ketika pihak kerajaan, pusat atau negeri mempunyai *political will*, dengan izin, untuk melaksanakan projek perumahan rakyat teramai dengan skema pinjaman yang cukup mesra rakyat dan secara sifar faedah dan dengan harga yang munasabah. Seperti kerajaan boleh mengadakan dana berbilion ringgit untuk menyelamatkan syarikat yang nazak dahulu dalam era kegawatan, maka kerajaan juga seharusnya cukup mampu untuk membuat komitmen perumahan untuk rakyat teramai, mengatasi masalah golongan setinggan dan kakitangan kerajaan am rendah yang masih tidak memiliki rumah. Peruntukan dana beberapa bilion ringgit dan pelan tindakan yang komited adalah perlu untuk menyelesaikan perumahan rakyat dalam masa 5 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang Yang Berhormat. Yang Berhormat Jeli.

Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengenai skim pinjaman yang cukup mesra rakyat dan dengan faedah sifar seperti mana yang diamalkan oleh kerajaan Terengganu sekarang, yakni dengan menjual rumah kos rendah berharga RM28,000 sampai bila-bila, tidak ada 5 sen pun tambah. Sekian, penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, itulah contoh sifar faedah iaitu pinjaman yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat untuk mendapatkan rumah dengan bayaran sebagaimana mereka diberi pinjaman.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah kerajaan negeri Terengganu RM28,000 dan sifar faedah itu satu skim yang benar-benar membanggakan kerajaan PAS, saya ingin penjelasan, kerajaan Johor RM22,000. Apakah ini lebih baik dari kerajaan negeri Terengganu? Terima kasih. *[Ketawa] [Tepuk]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, adakah RM22,000 itu dengan faedah ataupun tanpa faedah, adakah dikenakan interest pinjaman itu ataupun tidak.....

Dato' Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Cerita ini cerita *arithmetic* kalau kita tidak mahu kenakan faedah, kita naikkan harga. Kalau kita naik RM3,000 lebih daripada RM25,000 maknanya kenaikan itu hampir 10% bermaknanya kita ambil juga untung walaupun untungnya sekaligus, tidak dengan faedah. Walaupun saya faham, faedah adalah soal moral, soal agama dan sebagainya, begitu juga dengan harga RM22,000 kita jual harga tetapi orang lain jual RM28,000 maknanya RM6,000 untung itu untung juga, bukanlah satu perkara yang dikatakan subsidi tetapi kalau dihujah dari segi sudut agama saya bersetuju. Minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, harga rumah kos rendah biasanya ialah RM25,000 bagi satu unit. Saya telah difahamkan oleh kerajaan negeri Terengganu bahawa hanya satu skim sahaja perumahan yang dikenakan bayaran RM28,000 kerana skim perumahan itu perlu dibaiki, diubahsuai dan dipindahkan sebab itulah belanja pengubahsuaian dan pembaikan itu menyebabkan harga daripada RM25,000 dinaikkan kepada RM28,000 hanya bagi satu skim perumahan sahaja di Kuala Terengganu, tidak melibatkan skim-skim perumahan murah yang lain. Lagipun RM28,000 itu tanpa sebarang interest yang dikenakan, kalau pembeli membuat pinjaman daripada Bank Islam, saya pernah berhubung dengan pihak Bank Islam untuk seorang rakan saya hendak memerlukan pinjaman untuk membeli rumah kos rendah sebanyak RM20,000 pinjaman dan bayaran dibuat dalam tempoh 15 tahun. Dalam perkiraan bayaran akan berjumlah keseluruhannya lebih daripada RM40,000.

Jadi RM28,000 tanpa faedah walaupun dibandingkan dengan RM25,000 atau RM22,000 tetapi dengan faedah RM25,000 maka RM28,000 dengan satu skim perumahan yang dibaiki yang diselesaikan maka ianya adalah sangat wajar dan merapati dengan kehendak Islam dan juga sesuai dengan taraf hidup masyarakat yang tidak berkeupayaan atau tidak berkemampuan. Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerajaan boleh mengadakan dana berbilion ringgit

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula Yang Berhormat.

1500

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih. Saya cenderung juga dengan jawapan Yang Berhormat tadi, cuma saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa dalam seluruh negara ini kos perumahan murah tidak pernah kurang, adalah tinggi daripada harga jualan. Sememangnya di merata-rata dan di seluruh negara cuma yang diaturkan oleh kerajaan ialah supaya projek-projek yang berharga tinggi itu digunakan men'cross subsidy'kan pada projek-projek berharga murah. Bermaknanya, dari segi bantuan, dari segi segala apa yang dibuat oleh kerajaan selama ini dari segi membantu sebenarnya ialah lebih subsidi daripada kos sebenarnya.

Minta penjelasan sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, projek yang berkenaan dengan harga RM28,000 yang dinyatakan di negeri Terengganu itu hanyalah projek perumahan kos rendah dan tidak melibatkan kos mewah dan jika Yang Berhormat Menteri berkenaan wakil dari Padang Besar hendak mendapat penjelasan yang lebih lanjut, yang lebih terperinci, beliau boleh melawat ke negeri Terengganu dan mengadakan perbincangan, mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada Kerajaan Terengganu. Janganlah segan-segan untuk melawat negeri Terengganu.

Rakyat teramai dan golongan miskin dan termiskin ini juga akan mendapat akses kepada infrastruktur yang lebih munasabah sementara anak-anak mereka juga mendapat pembelaan yang lebih daripada sekolah yang mereka punya akses berbanding dulu. Bukan sekadar di peringkat rendah

dan menengah bahkan pendidikan di peringkat pengajian tinggi juga perlu diberi perhatian agar benar-benar mereka mampu mengeluarkan keluarga mereka daripada terjumlah dalam angka statistik golongan termiskin. Sekaligus pendidikan anak-anak mereka akan lebih terjamin serentak membawa mereka keluar daripada belunggu keciciran dan sindrom kejahilan maklumat dan pengetahuan. Kadar kemiskinan di kalangan orang asli juga masih tinggi sebagai contohnya suku kaum Penan yang tidak menikmati langsung faedah pembangunan. Ini memerlukan satu perancangan jangka panjang yang menyeluruh dan *integrated* perlu disusun untuk mengeluarkan mereka daripada cengkaman kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh dalam kawasan saya di Pendang. Sudah lebih 40 tahun Barisan Nasional, UMNO dan dahulunya Perikatan menguasai kawasan itu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga pernah menjadi wakil rakyat di kawasan itu. Cuma di dalam tahun ini sahajalah kawasan itu terlepas kepada PAS dan saya dipilih untuk mewakili PAS dalam kawasan itu.

Saya telah melawat satu kampung dan saya cukup sedih. Kampung itu dikenali dengan nama Kampung Paya Bendang. Untuk masuk ke kampung itu terpaksa melalui sebuah bukit yang dikenali dengan nama Bukit Tegoh. Jalan yang biasa dilalui oleh orang-orang kampung di situ yang mempunyai penduduk lebih kurang 300 hingga 400 orang dan anak-anak mereka yang hendak ke sekolah rendah terpaksa melintasi bukit itu kerana tidak ada jalan lain. Jalan yang lain akan menuju ke tempat atau ke sekolah yang lebih jauh. Jalan itu tidak bertar, berlubang-lubang dan jika hujan turun, Tuan Yang di-Pertua, boleh bayangkan bagaimana mereka hendak menggunakan motosikal untuk menaiki bukit itu. Saya berharap agihan pembangunan yang akan dilaksanakan nanti akan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang ternyata begitu mundur walaupun sudah 40 tahun dikuasai oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Ini bagi membolehkan mereka merasai senang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan bagi membolehkan anak-anak itu sampai ke sekolah mengikut waktu dan jam yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa pendekatan rawatan atau curative ini yang akan merupakan bentuk penyelesaian integrated adalah dirasakan lebih wajar, serius dan konsisten dengan retorik kita untuk membasmi kemiskinan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita gagal membuat komitmen sedemikian, maka benarlah dakwaan sesetengah pihak yang menyebutkan bahawa golongan rakyat termiskin dan teramai ini sengaja dikekalkan kewujudannya supaya mereka tetap akan memandang kepada parti pemerintah untuk mendapatkan subsidi dan imbuhan. Mungkin syarat yang tersirat adalah terus menerus berikan sokongan dan bersyukur kepada kerajaan yang membela atau membela mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa seolah-oleh kerajaan UMNO, Barisan Nasional tidak peka langsung kepentingan untuk mewujudkan suasana harmoni dan perpaduan, maka kita telah saksikan baru-baru ini pengulangan sikap autokratik dan represif kerajaan sebaik sahaja selepas pilihan raya dengan penangkapan dan pendakwaan lima orang termasuk Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP Encik Karpal Singh, Naib Presiden KeADILan Nasional, Hajah Marina Yusof, Ketua Pemuda parti KeADILan Nasional, Encik Ezam Mohd. Noor, Ketua Pengarang *Harakah* Encik Zulkifli Sulong dan pencetak *Harakah* Encik Cheah Lim Thye.

Seharusnya sesuai dengan slogan perpaduan dan dalam usaha mengembalikan keharmonian, maka cara kekerasan adalah tidak wajar sama sekali untuk digunakan bagi memupuk bagi kegunaan rakyat terhadap kerajaan dan pihak keselamatan, walaupun ada peruntukan akta di samping ISA untuk mendakwa seperti Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak, Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya.

Tekanan yang dibuat ke atas akhbar-akhbar *Harakah* mutakhir ini sebagai contoh adalah sangat tidak demokratik dan menyanggahi kebebasan bersuara dan menyatakan pandangan yang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara tindakan mahkamah ke atas sesiapa jugalah yang sedang dijalankan di mahkamah, tidak patut atau

dibolehkan berucap dalam Dewan yang mulia ini kerana mengikut Peraturan Mesyuarat itu adalah sebagai satu *subjudice*.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh soal ini tidak dari aspek mahkamah tetapi dari aspek tindakan kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, yalah.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia jugalah Yang Berhormat, termasuk jugalah itu. [*Ketawa*]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Merampas akhbar *Harakah* itu tidak ada hubungan dengan mahkamah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Apa pun dari sudut kelemahan yang terbit daripada cara penjualan dan sebagainya masih boleh diatasi dengan wajar tanpa tindakan pengharaman ataupun desakan untuk mengharamkan akhbar *Harakah*. Saya menunggu sikap *gentlemen* kerajaan untuk memperbaharui permit *Harakah* pada awal bulan hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa ini pula diikuti dengan penangkapan 11 orang awam yang ditangkap dalam perhimpunan aman pada 25 Januari yang lalu, ketika berkumpul untuk memberikan sokongan kepada beberapa orang pemimpin mereka yang didakwa di hadapan Mahkamah Majistret, sementara ke semua pendakwaan ini berlaku dalam kadar pengurusan yang pantas dan lancar, rakyat masih hairan dan tertanya-tanya akan kes rasuah yang telah mempunyai bukti kukuh ataupun *prima facie*, melibatkan para menteri dan bekas ketua menteri. Ternyata sekali amalan pendakwaan terpilih, penghukuman terpilih dan penangkapan terpilih adalah bukti kehilangan kewibawaan dan kebebasan pihak kehakiman yang hanya boleh bertindak dengan kebenaran pihak eksekutif, lebih tepat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih dan menjunjung kasih terhadap rakyat Terengganu dan terhadap Sultan Terengganu kerana perannya Baginda untuk memastikan kelancaran peralihan

pemerintahan kerajaan sesuai dengan kehendak rakyat dalam pilihan raya yang lalu.

Justeru itu, Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS di negeri Terengganu bersama-sama dengan rakan alternatif telah pun berusaha untuk memperkatakan janji-janji kami dalam manifesto pilihan raya yang lalu dengan menghapuskan cukai pintu dan tanah, menghapuskan pembayaran tol, bekerja lima hari seminggu serta pelaksanaan tiga bulan cuti bersalin. Kerajaan Pusat telah menambahkan lagi satu hari dalam sebulan, tinggal lagi dua hari. Lebih baiklah ikut terus sahaja, lima harilah. *[Disampuk] [Ketawa]* Lebih baik ikut terus, ikut selangkah-selangkah akhirnya akan sampai juga. *[Ketawa]*

Kalaupun kita sedar akan segala usaha jahat pihak media perdana untuk memburukkan prestasi Kerajaan Terengganu, namun kita tahu rakyat menyambut baik segala usaha pembelaan rakyat dan memaafkan apa juga kekeliruan atau kekurangan yang terbit daripada penyelewengan dan penyampaian media, khususnya dalam isu kharaj. Rakyat sedar akan tuntutan kerja yang perlu digemblengkan untuk menggerakkan pembangunan negeri Terengganu yang mesti bermula dengan usaha pembersihan sebelum Pelan Tindakan Induk Pembangunan Negeri dapat dilancarkan dengan berkesan.

Dalam pada itu kita juga mahu kerajaan baru ini bermula dengan keadaan meyakinkan setiap lapisan masyarakat. Penubuhan Jawatankuasa Hisbah (*accountability*) oleh Kerajaan Negeri Terengganu harus dilihat secara positif dan bukan untuk mencari keaiban mana-mana pihak. Seandainya kerajaan negeri mengambil langkah menyiasat sebarang bentuk penyelewengan dalam kerajaan sebelum ini, ianya tidak boleh dianggap sebagai langkah membalas dendam tetapi adalah untuk kepentingan dan memenuhi kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin untuk menyambut cadangan-cadangan bahawa fatwa-fatwa palus dibanteras. Mungkin menteri yang telah membangkitkan perkara ini kurang menyedari bahawa mengikut enakmen dan akta perundangan undang-undang Islam, pentadbiran undang-undang Islam di

Malaysia bahawa hanya fatwa yang dikeluarkan oleh mufti yang diwartakan sahaja yang dianggap fatwa yang berkuat kuasa, maka PAS secara khususnya ingin untuk diberi keterangan akan fatwa yang didakwa dikelirukan oleh pihak PAS. Jika ia tidak dapat dibuktikan, maka PAS meminta supaya Yang Berhormat Menteri memohon maaf secara terbuka atau dakwaan dan tuduhan yang mengelirukan dan palsu [*Tepuk*].

Kita juga bersetuju supaya masjid tidak dipolitikkan dan kekal sebagai mimbar yang menganjurkan perintah Allah S.W.T. melaksanakan Al-Amru bil Ma'ruf Wa Nahyu an-Nil Mungkar – menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Kita tidak mahu peristiwa yang berlaku di Masjid Negara pada hari Jumaat menjelang pilihan raya berulang lagi, di mana khatib menggunkan mimbar untuk berkempen bagi pihak Barisan Nasional yang telah menimbulkan kemarahan para jemaah dan para jemaah telah bertindak sebahagiannya keluar daripada masjid.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak untuk saya tegaskan di Dewan yang mulia ini, dalam mengharungi alaf baru ini yang tentunya akan membawa perubahan dan realiti baru dalam kehidupan adalah mustahak untuk kita seterusnya mempunyai daya saing yang tinggi dan ciri kepimpinan yang berprinsip tetapi tetap kontemporari.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Barisan Alternatif dan pembangkang secara keseluruhan, kami akan terus memainkan peranan untuk mengembalikan amalan demokrasi berparlimen secara sihat dengan memainkan peranan penyemak dan pengimbang, dengan izin, *check and balance* sama ada di dalam Parlimen ataupun di luar Parlimen.

Adalah menjadi harapan rakyat untuk menyaksikan polisi dan dasar-dasar yang dikemukakan dan diluluskan oleh pihak kerajaan, eksekutif dan Kabinet menepati kehendak dan hasrat rakyat untuk pembangunan negara dipandu dengan lebih bijak dan baik. Perubahan polisi secara mendadak dan *ad hoc* adalah tidak menepati sama sekali ciri pengurusan yang baik dan berwawasan, terutama dalam perkara yang mempunyai impak dan natijah yang agak jangka jauh.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam amanatnya baru-baru ini yang menyentuh Dasar Pendidikan Negara telah mendedahkan keperluan mengadakan *overhaul* terhadap dasar yang telah menguasai bidang pendidikan generasi muda kita selama ini. Kita tersentak kerana selama ini anak-anak kita seolah-olah berada dalam sistem yang sedang mengalami ujian makmal yang belum tahu sama ada memberikan kesan baik ataupun tidak.

Dari satu sudut pendedahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini memang bertempat kerana kita sendiri sedang menyaksikan kelahiran generasi anak-anak muda yang keluar daripada sistem pendidikan ini yang nipis pegangan agama, jahil berbahasa Al-Quran, rendah moral dan akhlak, leka dengan budaya hedonisme serta gagal menguasai bidang-bidang profesional yang mereka ikuti. Kami meminta pendekatan rasional yang berasaskan kepada kajian ilmu dan bukti dalam mana-mana pembikinan dasar pada masa yang akan datang. Janganlah sampai kita ditertawakan kerana sentiasa merangka sesuatu yang baru setiap kali bertukar menteri.

1515

Perubahan polisi bahasa baku misalnya yang bermula di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini telah mengheret Kementerian Penerangan yang akhirnya meninggalkan kesan kejutan negatif kepada isu bahasa Kementerian Pendidikan yang telah membelanjakan berjuta ringgit untuk pelaksanaan pemakainya lebih sepuluh tahun yang lalu. Lebih buruk lagi apabila kita mengetahui bahawa pihak-pihak yang sememangnya telah diamanahkan untuk menjaga perkembangan bahasa iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri dan tokoh-tokoh bahasa yang lain tidak dirujuk sebelum membuat keputusan tersebut. Apakah ini antara sebab yang membuatkan ahli profesional dalam negara kita ini beralih kepada parti alternatif apabila mereka mula menyedari sumbangan mereka tidak diiktiraf dan dihargai.

Saya tidak mengatakan bahawa mereka ini akan menentang sebarang cadangan kerajaan tetapi adalah lebih manis dan diplomatik jika para menteri ini menundukkan sedikit kepala mereka kepada rakyat dan memberikan peluang untuk mereka memberikan sumbangan positif.

Tuan Yang di-Pertua, masih dalam isu bahasa baku. Kita lupa bahawa hasrat untuk membakukan bahasa Malaysia adalah sebahagian ikhtiar untuk menyatukan umat dalam gugusan kepulauan Melayu nusantara serta mengeratkan hubungan dalam pelbagai bidang melalui pendidikan dan pertukaran maklumat. Hasrat yang tersirat ini amat baik dalam konteks hubungan ASEAN dan dunia umat Melayu. Apakah rakan kita di Indonesia tidak terguris apabila kita seolah-olah mahu menjarakkan diri daripada mereka dalam isu yang ada kaitan dengan budaya dan bahasa orang Semenanjung?

Tuan Yang di-Pertua, kajian ilmu dan bukti (knowledge and evidence-based), dengan izin, yang sama juga perlu digunakan dalam semua aspek pembangunan negara terutama yang menyinggung pembangunan dasar dan alam sekitar, industri sumber asli yang tidak boleh diganti seperti minyak dan gas, emas dan timah seperti juga polisi yang berhemat dan berjangka jauh perlu diperhatikan dalam membangunkan projek-projek mega mewah yang akan pastinya meninggalkan pelbagai kesan dan impak kepada ekonomi dan alam sekitar.

Hasrat untuk menjaga satu kepentingan awam tidak membolehkan kita membuat keputusan yang menjejaskan kepentingan awam yang lain. Pembinaan projek hidroelektrik Bakun, yang alhamdulillah telah diberhentikan merupakan satu contoh yang harus menyedarkan kita. Kemusnahan alam sekitar serta pemindahan manusia yang akan menimbulkan kesan psikologi yang mendalam hampir berlaku jika tidak disekat tempoh hari oleh usaha yang tidak kenal jemu oleh pencinta alam dan rakyat yang masih waras. Kini minat kita beralih kepada satu projek yang lebih kecil tetapi mempunyai impak yang sama iaitu pembinaan empangan Sungai Selangor. Alternatif seperti pengurangan pembaziran penggunaan air, menghentikan kehilangan air dalam sistem sedia ada melalui pembaikpulihan sistem, menambah logi pembersihan serta perancangan pembangunan yang sistematik boleh menolak keperluan menenggelamkan sebahagian lembah Sungai Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan untuk mengembalikan kewibawaan amalan demokrasi yang selama ini telah terhakis adalah prasyarat untuk

negara melonjak ke tahap pembudayaan negara bangsa yang lebih cemerlang dan sejahtera di masa-masa yang akan datang. Izinkan kami memainkan peranan ini dengan tidak ada gangguan dan kekangan sama ada berbe ntuk undang-undang mahupun tekanan psikososial dari peranan media perdana yang perlukan reformasi dalam masa yang terdekat ini.

Perkara yang akhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan apa yang sedang dihadapi oleh umat Islam pada waktu ini berka itan dengan kewajipan menunaikan ibadah haji. Kita tahu, kesulitan orang-orang Islam untuk mendapatkan visa haji kerana kuota yang diberikan kepada Malaysia ialah sama juga dengan negara-negara lain iaitu 1% daripada jumlah penduduk. Oleh kerana jumlah penduduk negara kita dianggarkan 22 juta maka kuota yang diberi ialah sebanyak 22,000 orang. Kerajaan kita tahu terus menerus merayu meminta supaya Kerajaan Arab Saudi menambahkan kuota itu, kadang-kadang pada saat-saat akhir permohonan itu diluluskan ditambah seramai 5,000 orang lagi.

Bagi mereka yang baru mendapat notis untuk pergi menunaikan haji, dalam keadaan tergesa-gesa ada di antara mereka yang tidak sempat menguruskan urusan perjalanan dan hendak meninggalkan kaum keluarga. Tiba-tiba mereka dikejutkan pula dengan satu kenyataan kerajaan bahawa bagi mereka yang membuat pembatalan tempahan untuk menunaikan haji di saat-saat akhir akan didenda sebanyak RM1,000 dan ini akan membebankan lagi jemaah haji, sudahlah wang mereka untuk menggenapkan pemergian ke tanah suci mereka telah pun menyimpan dalam Tabung Haji selama tempoh yang tidak kurang lima tahun atau empat tahun. Wang itu telah pun digunakan, telah dilabur dan dibuat pelbagai projek program dan mungkin mendapat keuntungan yang banyak tiba-tiba mereka pula hendak didenda kerana membuat pembatalan yang terakhir disebabkan sesuatu insiden atau sesuatu keadaan yang mereka hadapi. Saya fikir langkah ini sangat tidak wajar dan sangat tidak adil. Kita tahu sekarang ini jemaah haji yang membuat pendaftaran sehingga tahun 2008 sudah pun penuh kuota pendaftaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah saya mendesak supaya kerajaan membatalkan hasrat untuk mengenakan denda, biarlah kalau sedikit kerugian berlaku ditanggung dengan keuntungan yang telah pun diperolehi.

Selain dari itu, kerajaan meminta tambahan kuota daripada Kerajaan Arab Saudi, apa tujuannya? Tujuannya ialah untuk membolehkan rakyat Malaysia dapat menunaikan ibadah haji lebih ramai daripada kuota yang ditetapkan, maka jika ada rakyat itu sendiri berusaha dengan cara yang mereka pilih untuk mendapatkan visa menunaikan haji, janganlah pula mereka itu dimusuhi. Ini kita mendengar menteri berkenaan membuat kenyataan kenyataan mengugut mereka hendak menghantar pegawai imigresen untuk menunggu di airport Jeddah bagi menghalang orang-orang yang menggunakan kad pengenalan antarabangsa yang telah mendapat visa dari kedutaan kedutaan Arab Saudi untuk menyekat mereka menunaikan haji dan diancam untuk menangkap mereka. Ini keadaan yang sangat tidak demokratik, sangat tidak adil dan sangat tidak rasional dan bercanggah dengan usaha yang dibuat untuk menambahkan kuota jemaah haji. Tujuannya untuk menambahkan bilangan rakyat yang dapat menunaikan haji, bila mereka memperolehi visa dengan passport yang sah, mereka diugut dengan begitu rupa. Sepatutnya mereka harus diberi terima kasih kerana mereka dapat memperolehi visa untuk membolehkan mereka menunaikan haji.

Jadi, saya fikir langkah-langkah ini bukan sahaja menjadikan kerajaan tidak popular tetapi langkah-langkah yang tidak adil dan bertentangan dengan sifat dan sikap yang semestinya iaitulah menggalakkan para jemaah menunaikan haji dengan cara yang mereka boleh mereka fikir sendiri, kalau mereka boleh mendapatkan visa yang mereka usahakan sendiri tanpa ada kongkongan daripada kerajaan melalui Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, semalam pun saya telah sebutkan, tetapi menteri kata soalan tambahan saya tidak relevan. Jadi, saya ingin mengulangi balik iaitu oleh kerana dunia Barat diserangi oleh Influenza sekarang ini, maka jemaah haji disyaratkan untuk mendapatkan suntikan vaksin Influenza ini. Tetapi yang menghairankan saya, saya telah diadukan oleh beberapa orang jemaah, apabila mereka pergi ke klinik kerajaan, klinik

kerajaan memberitahu tidak ada vaksin itu dan mereka di Alor Setar terpaksa pergi mendapatkan suntikan itu daripada klinik swasta yang ditentukan oleh pihak Tabung Haji dengan kadar bayaran sehingga RM40 untuk mendapat satu suntikan.

Jadi, ini saya bayaran yang agak mahal. Kenapa kerajaan tidak boleh membeli atau mendapatkan vaksin itu dan kalau pun perlu dibayar tentulah lebih murah daripada bayaran yang dikenakan ke atas jemaah haji oleh klinik swasta yang ditentukan. Saya fikir belum terlambat untuk kerajaan mengkaji keputusan ini dan kerajaan sendiri mengambil langkah untuk menyediakan vaksin suntikan Influenza ini untuk meringankan sedikit lagi bebanan yang akan ditanggung oleh jemaah haji.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah beberapa pandangan yang dapat saya berikan dalam sidang ini dan insya-Allah, saya berharap pandangan ini akan dapat diterima dengan baik untuk disemak, ditimbang dan jangan ada anggapan serong terhadap pandangan-pandangan yang diberi ini kerana kita semua sebagai rakyat yang tidak perlu dipersoalkan lagi tentang kesetiaan kita, komitmen kita untuk mempertahankan kedaulatan negara dan kemerdekaannya, insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

3.25 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan penuh harapan sebagai ucapan yang pertama pada millennium atau alaf baru ini. Saya masih ingat bahawa pada tahun 1982, Tuan Yang di-Pertua, dan saya pun bersama-sama kita masuk ke dalam Dewan yang mulia ini, semasa saya baru sahaja berdiri di Dewan ini, saya bercita-cita untuk menyaksikan perubahan di semua aspek kehidupan di Malaysia daripada politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan. Kita nampak perubahan di sesetengah bidang tetapi terdapat banyak masalah yang belum diselesaikan, misalnya politik perniagaan (business politics) bukan sahaja tidak berubah bahkan juga bertambah buruk, walaupun pemimpin-pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri dan Timbalannya sering kali menyeru supaya mengelakkan politik wang dan politik perniagaan tetapi realitinya permasalahan ini berleluasa.

*Budak-budak menyabit jerami,
Jerami disabit dalam sawah,
Sungguh hairan di hati kami,
Hujan lebat tanah tak basah.*

Kerajaan mengheboh-hebuhkan bentuknya, tetapi isinya kurang. Dengan izin, *the government is more interested in formed than in substance.*

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ohhh! Awalnya, kita hendak pendekkan ucapan kerana ada orang yang berucap tadi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya cuma hendak bertanya pantun itu amat sedih, adakah dia dalam percintaan kerana ketuanya, Setiausaha Agung tidak ada di dalam Dewan. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Apa penjelasannya? Tuan Yang di-Pertua, ini dia dalam masalah perkara kita bincang di sini adalah masalah yang serius kerana kita masuk ke alaf yang baru, kita hendak menyaksikan perubahan dan reformasi untuk masa satu abad ini untuk kehidupan Malaysia dengan aman sentosa dan mewah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kali ini minta penjelasan Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak memandang masalah ketidakhadiran Setiausaha Agung DAP dan Timbalan Presiden DAP sebagai tidak satu masalah yang serius di dalam Dewan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Agung ada di sini. Apa masalah? Tidak menjadi masalah. Kalau dia masih hendak ingat kepada bekas Setiausaha Agung, itulah yang disebutkannya. Jadi, ini Setiausaha Agung sekarang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Adakah saudara tidak memandang ketidakhadiran bekas Setiausaha Agung DAP dan bekas Ahli Parlimen Jelutong tidak ada di dalam Dewan sebagai tidak serius.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa penjelasan? [Ketawa] Susah hendak parit yang sulong ini memang sulong lagi. Jadi, parit yang bongsu sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin kita pun berkumpul, Ahli Parlimen pun berkumpul di depan hendak sambut Seri Paduka Baginda, mari Parlimen timbul sumbangan, wajah seri bincang Titah Diraja dan saya nampak parit yang sulong pun tak seri dan Rompin pun dah tak ada di sini yang tak seri dan juga Tanjong Karang tidak ada di sini, tak seri juga. Dan kita -

*Asyik tunggu Titah cemerlang,
Hawa dingin jadi panas,
Tarik pintu patah tulang,
Bawa ucapan hati bernas.*

kerana pihak pembangkang BA kita semua bernas. [Tepuk]

Semalam kita membentangkan Usul Yang Berhormat bagi Tambun, ketika membentangkan usul ini Ahli Yang Berhormat dari Tambun berucap dengan panjang lebar termasuk globalisasi dan teknologi maklumat dan kadangkala tambunan lubuk akal, beliau ada buat kerja yang hasilnya boleh dilihat, cuma telatah, tabiat dan tabii Barisan Nasional ternampak juga. Ternampak telatah, tabiat dan tabii seperti Rompin, memang relevan, sangat relevan.

Tuan Yang di-Pertua,

*Semasa perbincangan Titah Diraja,
Pencadang cakap panjang lebar,
Semasa ulasan telatah kerja,
Pembangkang sikap lantang dan sabar*

seperti yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pendang tadi sangat sabarlah dengan kekacauan daripada pelbagai pihak di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membincangkan politik perniagaan dan politik wang, saya hendak menyentuh masalah bahasa kita dahulu. Saya bermula dengan perkataan 'I'. Perkataan ini sudah dituturkan di sesetengah kalangan seperti 'omo' dan 'demo' di negeri 'nikmat' Darul Naim, negeri Cik

Siti Wan Kembang. *'Demo, omo, kito kecek belako dok'*. Ada 'pok-pok tahi lalat' di sini yang *'kecek omo dan demo'* walaupun tidak *'klek'* ke Kelantan. Begitu juga dengan perkataan.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Point of Order*. Menggunakan bahasa Malaysia. Kita minta Kepong terus menggunakan Bahasa Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Bahasa Malaysia belaka. Cuma 'pak-pak lang' dari sebelah situ tidak berbahasa Malaysia. Bahasa UMNO kah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong bercakap dengan panjang lebar selepas pilihan raya, kalau da hulu DAPnya Ketua Pembangkang sekarang PAS Ketua Pembangkang. Kerjasama saya nampak baik tetapi kerjasama biarlah dengan antara kalangan ahli DAP dalam Parlimen dengan PAS. Adakah Yang Berhormat sebagai ahli DAP membiarkan orang luar dari Parlimen untuk menentukan agenda pembangkang di Parlimen. Ini saya minta penjelasan, tidak perlu takut lagi Yang Berhormat. Dahulu Yang Berhormat bagi Tanjong ada di sebelah Yang Berhormat, Kepong ada di sebelah Sekarang tidak perlu takut terus menggunakan apa cita hati Yang Berhormat, jangan terikut-ikut oleh Lim Kit Siang di luar ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Rompin ini, kita beri dia peluang untuk penjelasan tetapi berucap panjang lebar macam itu. Jadi agenda itu tidak baik. Saya beri peluang untuk meminta penjelasan, cukuplah, tidak payah berucap.

Saya hendak bincang mengenai bahasa kerana salah satu masalah yang serius. Dengan penggunaan perkataan milenium, seribu tahun. Bahasa Latin '*mille*' ialah satu ribu dan '*annus*' ialah tahun. Perkataan '*alaf*' dipakai untuk bererti milenium. '*Alaf*' atau '*alfa*' adalah bahasa Arab. Tanya Yang Berhormat bagi Pendang, memang betul '*alaf*' itu bahasa Arab untuk satu ribu seperti '*alaf lailah wal lailah*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Alfa lailah wal lailah.

Dr. Tan Seng Giaw: Alfa boleh, alaf pun boleh kerana itu bahasa Arab belaka [*Ketawa*]. Seandainya kita mengatakan milenium baru kita patut sebut 'alaf tahun baru', bukan 'alaf baru' sahaja tetapi kita terima 'alaf baru' kerana itu bahasa digunakan oleh orang ramai, kita pun terima juga kerana bahasa kita ini hidup. Sama ada daripada Kelantan ataupun daripada Johor Riau dan Kedah pula dan Penang ada '*hang*' juga. Semua ini pun bahasa Malaysia juga, kita terima semua.

Tetapi walau bagaimanapun, terdapat orang di Dewan Bahasa dan Pustaka memang ada banyak yang baik tetapi memang ada yang tidak puas hati dengan perkataan seperti '*I, omo, demo, milenium*' dan bahasa Malaysia juga. Kalau kita sebutkan bahasa Malaysia ada sesetengahnya bukan hendak mewujudkan standard sahaja tetapi bila kita sebutkan bahasa Malaysia, dia kata tidak boleh, kita mesti sebutkan bahasa Melayu, seolah-olah kalau kita beli kereta *Honda* itu, itu buatan Jepun, bukan milik kita. Bila kita beli *Honda* itu sebagai satu alat kenderaan, itu alat kita. Bahasa Melayu pun begitu juga, bila saya bertutur di sini sebagai alat komunikasi, itu bahasa saya. Apa salahnya kita panggil Bahasa Malaysia. Tidak salah langsung kerana sebagai alat komunikasi. Saya bawa balik, itu bahasa saya juga.

Maklumlah Dewan Bahasa dan Pustaka hendak mewujudkan standard atau ukuran bahasa, itu baik. Kita haruslah ada standard, mula-mulanya sebutkan standard mengikut sebutan Johor Riau bukan sebutan Kelantan. Dua belas tahun yang lalu DBP mempopularkan sebutan baku yang mirip kepada *Esperanto*, bahasa buatan yang dicipta untuk penggunaan antarabangsa. Sebutannya menuruti ejaannya. Tidak ada keberatan bagi saya menerima bahasa baku asalkan masyarakat dapat mengamalkannya. Tidak ada masalah langsung.

Tiba-tiba Jemaah Menteri membuat keputusan demi keputusan mengenai sebutan baku. Pada 20 Januari 2000 Kabinet memansuhkan penggunaan sebutan baku bahasa Malaysia di semua stesen televisyen dan radio milik kerajaan dan swasta. Pada 29 Januari arahan memansuhkan dalam pengajaran di sekolah ditangguhkan. Pada 9 Februari setelah menerima

kajian, Kabinet mengekalkan pengajaran sebutan baku di sekolah-sekolah hanya untuk subjek Bahasa Malaysia sahaja.

Sebelum Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan '*cak kelompang*' tentang sebutan baku ini, beliau mungkin menganggap kakitangan di DBP, guru-guru dan lain-lain bukan manusia, tidak ada tulang, otot, darah dan hati. Tidak ada perasaan, tidak payah Jemaah Menteri membincang dengan orang lain seolah-olah segelintir orang Kabinet sahaja yang berbahasa. Rakyat Malaysia ditakdir menerima apa yang diputuskan oleh Kabinet sahaja. Kontroversi memang wujud seperti aur ditarik songsang. Keputusan tersebut menimbulkan pelbagai reaksi, Musang terjun lantai terjungkat;

*Jemaah Menteri buat keputusan,
Sebutan baku sedang dilarang,
Telaah Menteri buak kesan,
Baktan laku, badang jarang.*

Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pendidikan sebutan baku hanya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia sahaja. Sebutan biasa akan terus terpakai di semua bidang termasuk segala subjek di sekolah. Ini bermakna para pelajar akan mempelajari sebutan baku semacam mempelajari Bahasa Latin, Bahasa Sanskerta ataupun Bahasa Esperanto.

Selain daripada masa Bahasa Malaysia di bilik darjah, sebutan baku tidak laku di lain-lain tempat. Jadi sebutan matilah seperti Bahasa Latin, Bahasa Sanskerta ataupun Bahasa Asparanto ditutur di dalam bilik darjah kemudian kita balik rumah, '*klek*' ke Kelantan kita tidak sebutkan langsung. Ini boleh disifatkan sebagai sebutan mati.

*Sekatan Menteri tidak baku,
Sentiasa mahu jadi kaku,
Sebutan Menteri tidak laku,
Bahasa baku jadi beku.*

Saya menyeru supaya Menteri yang berkenaan memantapkan keadaan dan seterusnya menggubalkan dasar sebutan bahasa yang dapat diterima oleh orang ramai. Saya berharap Kabinet dapat membekukan semua keputusan mengenai sebutan itu. Kajian menyeluruh perlu diadakan bukan sahaja untuk

beberapa hari bahkan untuk satu dua tahun atau lebih bagi memastikan cara-cara yang paling sesuai untuk menyelesaikan isu tersebut.

1540

Dan saya diberitahu mereka ada kajian, laporan tidak sampai satu minggu dan dapat keputusan, ya, ini untuk Kabinet, beberapa hari sahaja untuk sebutan. Ini memang tidak wajar, tidak sesuai, tidak tepat, tidak persis dan saya berharap pihak kerajaan dapat menerima cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit mengenai hak keistimewaan Parlimen. Menurut Perkara 63 Perlembagaan Persekutuan, ahli-ahli Parlimen mendapat perlindungan daripada tindakan *libel*, fitnah bertulis, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (1) *The validity of any proceedings in either House of Parliament or any committee thereof shall not be questioned in any court.*
- (2) *No person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything said or any vote given by him when taking part in any proceedings of either House of Parliament or any committee thereof.*
- (3) *No person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything published by or under the authority of either House of Parliament.*
- (4) *Clause (2) shall not apply to any person charged with an offence under the law passed by Parliament under Clause (4) of Article 10 or with an offence under the Sedition Act, 1948 as amended by the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 45, 1970.*

Dengan izin lagi Tuan Yang di-Pertua, Clause (4) Artikel 10:

- (4) *In imposing restrictions in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order under Clause (2) (a), Parliament may pass law prohibiting the questioning of any matter, right, status, position, privilege, sovereignty or prerogative established or*

protected by the provisions of Part III, Article 152, 153 or 181 otherwise than in relation to the implementation thereof as may be specified in such law.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hak keistimewaan Parlimen ini kerana saya takut kerajaan akan mencabulinya. Selepas Pilihan Raya Umum 29 November yang lepas, pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif telah ditahan dan dihadapkan ke mahkamah pada bulan Januari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya baca apa jawapan daripada pihak kerajaan dan tidak akan melanggar peraturan di dalam Dewan. Ini mengenai dakwaan ke atas Karpal Singh, Marina Yusof, Mohamad Ezam, Zulkifli Sulong dan Cheah Lim Thye. Ini jawapan daripada Menteri:

“Dakwaan ke atas Karpal Singh dan Marina Yusof adalah dibuat di bawah seksyen 4(1) (b) Akta Hasutan 1948 iaitu bersabit dengan kesalahan-kesalahan menyebut apa-apa perkataan menghasut. Sementara bagi Zulkifli Sulong dan Cheah Lim Thye pula mereka dituduh di bawah seksyen 4(1)(c) akta yang sama iaitu bagi kesalahan-kesalahan mencetak, menerbit, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan ulang apa-apa penerbitan menghasut.

Mohamad Ezam pula telah dituduh di bawah seksyen 8(1)(i) Akta Rahsia Rasmi 1972 yang berkaitan dengan kesalahan menyampaikan secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu maklumat.

Tindakan-tindakan yang telah diambil bagi menuduh kelima-lima penama di atas adalah berlandaskan kepada bukti-bukti yang telah diperolehi hasil siasatan terperinci dan yang dijalankan bersabit laporan polis yang telah dibuat terhadap setiap individu terbabit.”

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana saya takut pihak kerajaan melalui polis atau sesiapa sahaja yang boleh ada di sekitar ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat, perkara ini dalam kes mahkamah. Kalau setakat Yang Berhormat membaca tuduhan-tuduhan itu saya terima tetapi kalau menghurai kebimbangan Yang Berhormat dan sebagainya memang tidak kena.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, kalau bimbang mengenai hak keistimewaan Parlimen tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, saya tidak benarkan kerana benda ini ada terlibat dengan orang yang sedang dalam perbicaraan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sebutkan mengenai hak keistimewaan Parlimen. Saya takut, kkuatir dan pihak kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap kami kerana pada lima atau enam ratus tahun dahulu di pihak Parlimen British di London, Charles I dia hantar hulubalang, konco-konconya masuk ke Parlimen dan apabila sesiapa sahaja ahli Parlimen selesai berucap, konco-konconya merampas kertas ataupun ucapan yang dibuat oleh ahli-ahli Parlimen. Itu pernah dibuat. Sebab itulah di dalam peraturan mesyuarat kita tidak benarkan ahli Parlimen untuk membaca berpunca dari empat lima ratus tahun yang lampau semasa Charles I di England kerana takut konco atau perisik Charles I merampas kertas ucapan.

Sebab itulah saya berharap ini tidak akan dilakukan di sini, sebab itu saya tekankan hari ini untuk memastikan tindakan kerajaan tidak akan melibatkan dakwaan ke atas sesiapa sahaja di dalam Parlimen apabila kita berucap. Ini saya bercakap bagi pihak semua ahli Parlimen.

Saya menyeru kepada kerajaan supaya menghentikan penindasan politik terhadap pemimpin-pemimpin pembangkang dan saya menganjurkan supaya kerajaan jangan melanggar hak istimewa Parlimen. Sementara itu saya juga mengundang semua ahli Parlimen supaya bersama-sama mempertahankan hak keistimewaan ini - bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sedikit sebanyak menyentuh keperluan semua rakyat Malaysia dalam masa kita menyambut alaf baru kita dengan keazaman yang baru untuk menjadikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara

yang bersatu padu seperti mana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda pada hari Isnin yang lalu. Seri Paduka telah bertitah supaya kita mengekalkan perpaduan negara. Kita harus gigih memerangi gejala-gejala yang merosakkan perpaduan kaum sama ada yang menyentuh perpaduan antara kaum ataupun perkara-perkara lain yang boleh merosakkan perpaduan.

1550

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya membaca Titah Ucapan ini dengan keazaman, kita mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara terus memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan. Cuma saya menyeru baik kalau kita hendak mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan perpaduan negara dan kita hendak memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan, kita buat siasatan yang menyeluruh ke atas apa sahaja yang berlaku di masa pilihan raya yang lampau sama ada ucapan-ucapan dan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh pihak Barisan Nasional ataupun Barisan Alternatif. Kita boleh dapati banyak gejala-gejala yang tidak diingini berlaku. Jadi, bagi pihak Barisan Alternatif kita memang menganggap tindak-tanduk telatah Barisan Nasional yang kurang rasional, yang boleh merosakkan perpaduan negara dan boleh mencemarkan nama Malaysia daripada segi agama dan lain-lain. Itulah sebab saya menyeru supaya kita menyiasat dengan teliti, dengan sedalam-dalamnya telatah dan gerak-geri semua calon semasa pilihan raya yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada dengar Yang Berhormat Tambun buat huraian yang panjang, ada sesetengahnya yang baik mengenai teknologi maklumat, mengenai globalisasi. Di sini saya hendak bangkitkan sedikit sebanyak mengenai globalisasi. Sebelum Julai 1997, kita hanya melihat gejala-gejala yang cerah daripada globalisasi seperti peluang yang lebih untuk menembusi pasaran dunia dan melabur di negara-negara lain untuk mengembangkan perdagangan. Setelah berlakunya krisis ekonomi lebih dua tahun yang lepas barulah kerajaan dan orang ramai mengetahui bahawa apa yang kuat untuk kebaikan adalah juga kuat untuk keburukan. Kelemahan-kelemahan semacam rasuah dan pemborosan di dalam kerajaan dan sistem ekonomik kita telah menjadikan keburukan ini lebih ketara.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya menurut Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Zaki, semalam memulakan siasatan terbuka berhubung dakwaan terdapatnya bayaran wang sogokan sebanyak RM10.2 juta atau 300 juta Yen untuk memperolehi kontrak pemberian papan suis telefon kepada pihak Telekom Malaysia Berhad seperti yang dilaporkan di dalam akhbar Jepun *Asahi Shimbun* minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Kanowit sudah pun menjawab secara spontan di dalam Dewan yang mulia ini semalam, bahawa siasatan itu dijalankan dan laporan pun akan dibentangkan. Soalannya mengapa BPR mengambil masa beberapa hari untuk membuat keputusan tersebut. BPR memang sentiasa bersedia untuk membuat siasatan tetapi dalam hal ini ia mengambil masa beberapa hari memandangkan keadaan bahawa orang ramai khuatir dakwaan tersebut tidak akan disiasat dengan sedalam-dalamnya. Saya berpendapat bahawa sebuah jawatankuasa bebas mestilah ditubuhkan dengan segera untuk siasatan tersebut, kemudian laporannya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sebab itulah saya kata, di dalam keghairahan kita untuk menceburkan diri di dalam globalisasi kita tidak nampak kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam negara ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya mengulangi mengenai kerakusan para spekulator wang yang merosakkan ekonomi negara-negara kecil dan sederhana. Pendapat ini ada asasnya. Tetapi beliau tidak sebutkan faktor-faktor dalaman yang juga penting termasuk kerajaan tidak memahami erti kata globalisasi yang sebenar. Ada philosophy yang mengatakan bahawa kebutaan dan kejahilan seringkali menjadi sumber keberanian. Kebutaan dan kejahilan seringkali menjadi sumber keberanian. Keberanian ini boleh mendatangkan kebaikan dan juga boleh membawa keburukan seumpama krisis ekonomi yang melanda negara dan rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, kapitalisme yang tidak ada sekatan langsung (*laissez-faire capitalism*) dan ekonomi 'totalitair' (*command economy*) sama-sama tidak boleh diterima. Kapitalisme *laissez-faire* membukakan pasaran-pasaran modal antarabangsa dan menghapuskan segala kawalan tukaran asing para pedagang atau spekulator mata wang yang rakus berniaga dalam

berbilion-bilion dolar di seluruh dunia - 24 jam sehari. Mereka merupakan raksasa yang mempunyai “banyak kepala yang tidak pernah tidur” yang menelan mata wang-mata wang yang lama - Baht, Rupiah dan Ringgit. Kemudian ekonomi negara-negara berkenaan rosak sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sebahagian masalah dengan krisis ekonomi kita ialah kerana spekulator asing tetapi yang juga sama penting ialah kerana masalah-masalah dalaman kita. Masalah dalaman yang perlu diatasi. Oleh sebab kita tidak ada masa yang panjang, saya akan pendekkan mengenai globalisasi cuma saya berpendapat bahawa satu pelan tindakan menyeluruh hendaklah diwujudkan untuk menangani semua aspek globalisasi daripada internet, e-commerce, pelbagai gabungan syarikat-syarikat transnasional, *digital divide*, jurang di antara orang-orang yang berteknologi maklumat dengan yang tidak kepada kehilangan kemahiran insani atau manual kerana pengkomputeran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha pihak kerajaan untuk mengadakan MSC (Multimedia Super Corridor), Taman Teknologi, Cyberjaya dan sebagainya. Dasar ini pada prinsipnya tidak ada kesalahan kerana kita perlu. Tetapi yang penting sekali bila kita adakan MSC dengan Bill Gates yang datang untuk konferensi dan sebagainya, ada ucapan-ucapan yang manis belaka tetapi bilangan syarikat raksasa yang menceburkan diri di dalam MSC ini, saya tidak nampak, itu masalah. Walaupun Taman Teknologi kita di Malaysia mempunyai lebih 70 syarikat yang menceburkan diri dan juga ada lebih 40 syarikat yang masih tunggu untuk menyertai Taman Teknologi kita di Bukit Jalil. Tetapi saya nampak ada kelemahan-kelemahan. Kelemahan-kelemahan misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan tenaga mahir. Kita di negara ini tidak mampu keluarkan dengan lebih ramai walaupun kita berusaha kerana kita sekurang-kurangnya memerlukan 30 buah universiti untuk keluarkan tenaga-tenaga mahir ini, 30 universiti. Tetapi sekarang ada 12 tidak, berapa sekarang universiti?

Seorang Ahli: 12.

Dr. Tan Seng Giaw: 12. Swasta ada 23 lagi tak? Kita perlukan 30. Bekas Menteri Pendidikan pun tahu, saya ada dengar ucapannya. Itu bukan

main lantang ucapannya, hendak wujudkan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, itu konsep yang baik dan juga untuk menambahkan bilangan pelajar menuntut di universiti-universiti atau institusi pengajian tinggi. Kalau tidak silap saya ia hendak tambah kepada 20% belia sekarang yang masuk ke universiti tambah kepada 40%.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tukar kementerian pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Tukar kementerian pula, tidak sempatlah itu. Tidak sempat – Kementerian Pertahanan sekarang, macam mana boleh buat. Walau bagaimanapun konsep itu baik, tidak salah. Tetapi kita perlukan sekurang-kurangnya 30 buah universiti bertaraf antarabangsa untuk melatih tenaga mahir bagi menampung keperluan kita menjadi satu negara berindustri yang maju. Itulah Wawasan 2020 – wawasan itu tidak salah. Cuma dari peringkat pelaksanaan yang kita soalkan sekarang. Dengan itu, Taman Teknologi itu tidak salah, itu betul. Tetapi tidak cukup. Mungkin kita tubuhkan satu Taman Teknologi di setiap negeri termasuk Kelantan, Terengganu, Pahang juga kita perlukan satu Taman Teknologi. Kalau bukan di Temerloh, di tempat lain pun boleh. Temerloh?

Seorang Ahli: Pekan.

Dr. Tan Seng Giaw: Pekan. Pekan pun boleh juga, tidak salah. Cuma saya mencadangkan bukan sahaja kita ada Taman Teknologi di Bukit Jalil di Kuala Lumpur, kita adakan Taman Teknologi setiap negeri tetapi dengan pengurusan yang lebih cekap kerana pada pendapat saya tahap teknologi termasuk internet, teknologi maklumat ketinggalan sekurang-kurangnya 20 tahun. Ini berbanding dengan negara-negara seperti Singapura, kita ketinggalan 20 tahun. Berbanding dengan Amerika Syarikat lebih teruk lagi dan sebab itulah saya bagi pihak kita di sini memang menyeru supaya lebih berusaha dan satu pelan tindakan yang lebih berkesan diadakan untuk menangani semua masalah dan aspek teknologi dan globalisasi ini.

1600

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah

Seorang Ahli: Sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada banyak lagi tidak habis lagi. Memang tidak habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada masalah jiran kita sekarang. Presiden Indonesia Abdul Rahman Wahid, Gus Dur telah menggantung tugas Jeneral Wiranto sebagai Menteri Penyelaras Politik dan Keselamatan bagi membolehkan siasatan dijalankan terhadap laporan Jawatankuasa Penyiasatan Pencabulan Hak Asasi Manusia di Timor-Timur yang menyenaraikan nama Wiranto sebagai salah seorang yang terlibat melakukan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, pergolakan di Indonesia memang menarik perhatian Malaysia kerana implikasi dan konsekuensinya termasuk masalah pendatang tanpa izin. Kalau negara Indonesia tidak stabil maka bilangan pendatang akan bertambah dengan pesat bukan sahaja di pekan, tetapi seluruh negara, di Ampang dan di banyak kawasan lagi, sekarang juga ada kawasan-kawasan setinggian pendatang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Termasuk Kepong juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Termasuk Kepong juga. Termasuk Kepong juga terutama dekat dengan tapak pelupusan sampah sarap di Jinjang Utara. Memang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Indonesia akan kembali aman, sentosa dan juga makmur kerana kita mesti tolong Indonesia untuk mewujudkan negara yang stabil, makmur dan progresif. Mujurnya setakat ini cara-cara yang diambil oleh Gus Dur termasuk keputusan untuk menggantung Wiranto tidak menimbulkan kucar-kacir, tidak menimbulkan porak-peranda. Saya berharap keadaan ini akan kekal. Semoga kes Wiranto dapat dituntaskan secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sikap pihak kerajaan tidak begitu terus terang mengenai Indonesia. Ada teragak-agak dan mungkin kita boleh lihatlah di dalam negara serantau ini pihak Thailand pun sudah ada reformasi. Pihak Indonesia pun sedang mengalami reformasi dan Malaysia kita kekal

seperti sediakala. Memang saya setuju ada benda-benda yang baik yang jernih kita kekalkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada menyebut bahawa Presiden Indonesia, Gus Dur telah mengambil tindakan untuk menggantung Wiranto. Walaupun ada beberapa persoalan pertikaian ke atas sikap Gus Dur itu, tetapi tidakkah itu menunjukkan satu sikap yang lebih berani, lebih telus daripada seorang Presiden apabila seorang menteri dipersoalkan oleh rakyat ataupun oleh mana-mana pihak dan sedang diambil satu siasatan maka beliau berani bertindak untuk menggantung menteri tersebut daripada tugas-tugasnya. Ini berbeza dengan kerajaan Malaysia. Walaupun ada seorang menteri yang sudahpun diakui oleh BPR wujudnya prima facie ke atas beliau terhadap penyalahgunaan kuasa seperti mana Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar, tetapi Perdana Menteri kita terus melantik beliau walaupun beliau telah pun dipersoalkan oleh rakyat dan terus dilantik oleh Perdana Menteri sebagai menteri kabinet dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Cukuplah itu soalan itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pokok Sena memang ada asasnya bila dia bangkitkan penjelasan tadi. Kita memang sentiasa berharap pihak kerajaan dapat berlagak, menonjolkan dan diperlihatkan dengan cara-cara yang adil, yang saksama, yang benar-benar telus untuk menguruskan semua benda, pentadbiran dan juga telatah para menterinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah Indonesia tadi saya sebutkan dan sikap pihak kerajaan yang teragak-agak itu mesti diubahsuaikan kerana kita tidak mahu Indonesia ada kucar-kacir, porak-peranda dan sebagainya. Kita mahu Indonesia stabil, aman dan sentosa. Ini memang kepentingan Malaysia juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya..

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagan Datohminta laluan boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] :
Bagan Datok ya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat bagi Kepong nampak gayanya telah membuat satu jangkauan ucapan yang jauh, yang membuat kajian perbandingan tentang Bapak Gus Dur dan Wiranto. Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Kepong ini simpati pada Gus Dur atau simpati pada Wiranto. Tetapi apa yang jelas pengutaraan hujah beliau tadi memperlihatkan bahawa keadaan di Indonesia itu benar-benar telah mengganggu fikiran Kepong kerana mungkin situasi itu berada dalam parti Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Situasi yang ada dengan Bagan yang tidak datok itu memang wujud. Kami di Kepong tidak wujud. Kita sebagai parti yang bernas, BA yang bernas kita memang prihatin kepada apa sahaja berlaku dengan jiran kita terutamanya negara Indonesia. Kalau tidak silap saya kalau wujudnya porak-peranda di Indonesia, Bagan Datoh pun akan terjejas. Bagan itu maklumlah kawalan pun tidak begitu rapi dan pendaratang haram itu boleh masuk dengan begitu sahaja kepada Bagan yang tidak datok itu.

1610

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya kerajaan mengambil pendirian yang wajar terhadap Indonesia termasuk galakan kepada kerajaan *civilian* Indonesia yang dipimpin oleh Gus Dur. Di Malaysia mujurlah juga kerana masalah tentera campur politik itu tidak wujud, tetapi di Indonesia memang wujud. Gus Dur sebagai seorang *civilian*, yang bukan tentera, yang boleh membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah yang terbabit melibatkan seorang bekas Jeneral, memang satu perkara yang tidak pernah berlaku di Indonesia dan pihak kerajaan Malaysia mesti mengambil pendirian yang wajar untuk menangani masalah ini. Mudah-mudahan masalah Jeneral Wiranto di Indonesia dan juga permasalahan yang lain dapat diselesaikan

dalam masa yang singkat supaya jiran kita dapat pulih kepada keadaan yang normal.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada politik perniagaan, bisnes politik yang berakar umbi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya Yang Berhormat bagi Bagan Datok berdiri lagi. Hendak beri jalan?.

Dr. Tan Seng Giaw: Bisnes politik ini...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebelum masuk ke bidang perniagaan ini (*business*) saya ingat perniagaan perubatan kulit ini adalah lebih baik lagi daripada yang lain-lain sebagaimana ahli Yang Berhormat buat. Tetapi soalnya kalau Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan masalah politik dalaman di Indonesia, saya fikir kita pun tidak mahu orang luar campur suasana, penentuan keadaan politik di negara kita. Begitu juga apa yang berlaku di Indonesia sekarang, saya fikir kita sebagai negara jiran yang menghormati sistem, kaedah politik di sana tindakan yang dilakukan oleh Pak Gus Dur kita harus hormati. Apa yang berlaku kepada Pak Wiranto itu harus dilihat dalam *respect* yang positif tetapi apa perlunya Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan perkara itu di dalam Dewan yang mulia ini, dan kalau kita tidak mahu keadaan itu berlaku di negara kita dan kalau kita simpati dengan Wiranto atau Yang Berhormat Kepong simpati dengan Gus Dur, pendirian kita harus jelas bahawa kita tidak campur tangan dalam hal ehwal negara luar, sebagaimana kita tidak mahu orang luar campur tangan dalam hal ehwal politik negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jiran kepada Indonesia kita tidak campur tangan di dalam hal ehwal dalam negara mereka, cuma pihak Gus Dur pun datang ke sini untuk melawat. Adakah galakan diberikan kepadanya. Itu sahaja yang saya hendak buat cadangan, galakan untuk membolehkan negara Indonesia kembali kepada keadaan normal. Itu sahaja, tidak ada kena mengena dengan campur tangan langsung Bagan yang tidak 'datuk' itu, memang saya faham...

Kita masuk kepada masalah politik perniagaan sekarang. Memang sebab mungkin Yang Berhormat Bagan yang bukan 'datuk' ini hendak saya

elakkan daripada perbincangan politik perniagaan. Mungkin dia hendak saya elakkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab dia hendak saya hendak tuju kepada Indonesia sahaja .

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya fikir ini satu penghinaan yang dibuat kepada kawasan Parlimen saya. Jelas tercatat bahawa kawasan Parlimen saya ialah kawasan Bagan Datok tidak ada perkataan 'tidak datuk'. Minta tarik balik. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bagan Datoh kawasan itu saya hormati. Tetapi saya di sini bila kita kata Ahli Parlimen, 'Bagan tidak datuk' ini untuk ditujukan kepada seseorang sahaja. Ini bahasa. Tujukan kepada seorang sahaja bukan kepada kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
Terus, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan teruskan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat ini. Saya minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak apa teruslah. Kalau Yang Berhormat, besok hendak mengatakan tidak Kepong pun tidak apa. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak apa *[Ketawa]* tidak apalah, dan saya hendak kembali kepada politik perniagaan yang berakar umbi di negara ini. Entahlah bilanya politik perniagaan akan diatasi. Sekarang kita hangat dengan Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya seronok juga kerana naik kepada 1,027 *[Memalingkan mukanya ke belakang]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
Pandang saya, pandang saya. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun berharaplah akan terus naik lagi kerana negara ini memang kaya, kaya dengan sumber minyak dan sebagainya, minyak kelapa sawit, minyak petrol dan termasuk emas pun ada

di Kelantan dan Pahang ada emas juga. Kalau naik kepada 2,000 pun tidak hairan, tidak jadi masalahlah, kalau pengurusan pentadbiran itu baik memang boleh naik kepada 2,000. Cuma di sini sambil menggalakkan pelabur-pelabur dalam Bursa Saham Kuala Lumpur di seluruh negara jangan kita jadikan Bursa Saham sebagai satu gelanggang judi. Jangan kita bagi rakyat Malaysia meminjam wang.. ..

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat di luar bandar ada Bursa Saham, *pink form*..

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ada, ada di Kangar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat bagi Padang Besar.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lagi pada masa kegawatan ekonomi yang melanda kita dengan teruk dulu, yang mana Bursa Saham indexnya menurun dengan begitu jauh ke bawah, Yang Berhormat bagi Kepong juga mengatakan bermacam-macam, mengkritik kerajaan tetapi hari ini Bursa Saham telah meningkat begitu baik, tetapi belum lagi baik seperti mana sebelum tahun 1997. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat mengiktirafkan atau tidak bahawa segala apa yang dibuat oleh kerajaan selama ini untuk memperbaiki, mengukuhkan ekonomi adalah satu tindakan yang cemerlang, berbanding dengan negara-negara sekitar. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang saya nampak ada usaha oleh kerajaan tetapi tidak begitu sempurna, sementara itu keadaan suasana ekonomi di rantau ini pun semakin hari semakin pulih. Kita boleh mempertikaikan setakat manafaktor-faktor dalaman, faktor-faktor pentadbiran kerajaan, faktor yang lebih besar...

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
Ya dia berdiri lagi.

Dr. Tan Seng Giaw:suasana yang semakin hari semakin pulih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]

Ya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya bercakap di sini untuk meminta penjelasan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar. Saya percaya Yang Berhormat tentu paling sedar bahawa walaupun ekonomi serantau di negara-negara jiran pulih tetapi tidak pulih secepat mana kita pulih. Yang penting ialah pulihnya tanpa kita terpaksa menggadai syarikat-syarikat besar dalam negara kita, bahkan di seluruh negara jiran yang mengalami masalah besar, yang nama pemimpinnya disebut oleh Yang Berhormat tadi, hampir keseluruhan syarikat-syarikat, bank-banknya diambil alih oleh orang Amerika Syarikat. Begitu juga di Thailand dan begitu juga negara-negara asing sekitar. Jadi ini adalah satu perkara yang penting, yang pokok yang kita dalam kerajaan, sebagai rakyat Malaysia patut berbangga bahawa kita telah mampu membuat segala apa yang kita buat tanpa menggadaikan negara kita kepada orang lain. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, memang itu meniru ucapan saya bertahun-tahun sudah. Sebelum kegawatan lagi saya sudah kata kita tidak mahu bergantung kepada orang lain dan semasa berlakunya krisis bulan Julai tahun 1997, saya pun mengatakan setuju kepada kerajaan, jangan kita tunduk dengan IMF atau siapa sahaja kerana kita hendak mengekalkan kemerdekaan kita dari segi ekonomi juga. Itu yang sentiasa saya sebutkan acap kali.

Yang Berhormat itu tidur sahaja, tidak pernah dengar. Sekarang hendak bangkit, ulang apa yang saya ucapkan semasa dua tiga tahun yang lampau. Tidak payahlah, masalah tidak timbul sekarang ini. Yang timbulnya apakah tindakan tegas dan berkesan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah, kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam negara ini.

1620

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Dia tidak menjawab soalan saya tadi. Dia tidak jawab, saya minta jawab soalan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa soalan. Tidak timbul soalan langsung. Yang meniru ucapan saya sahaja tidak payah, macam mana hendak jawab. Saya sentiasa tekankan beberapa tahun ini bahawa kita mesti mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita termasuk ekonomi dan apa yang dibuat oleh IMF bukan semua itu betul, cuma adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita ada kelemahan. Memang ada kelemahan termasuk masalah politik perniagaan.

Entahlah, rakyat Malaysia akan mengambil masa bertahun-tahun, berdekad-dekad untuk menangani permasalahan ini dan saya sebutkan Bursa Saham Kuala Lumpur ini macam ini – ada bluechip memang harga yang tinggi sekarang kerana ramai dari Amerika Syarikat dan Eropah yang kerana indeksnya sangat tinggi, harga sahamnya tinggi dan sekarang dia ada peluang untuk membeli saham-saham Malaysia yang bernilai lebih rendah, lebih murah dan bluechip kita pun harga meningkat. Cuma ada kaunter-kaunter syarikat-syarikat yang kait-mengait dengan UMNO sahaja nilainya itu tidak naik sangat. Seperti Renong, tidak naik sangat.

Kita mengesyaki bahawa kaunter-kaunter yang kena-mengena dengan UMNO ini dia 'main' kerana menjelang bulan Mei, tidak silap saya, bulan Mei itu yang ada pemilihan. Sekarang 'Bagan yang Datoh' tidak ada, Rompin pun tidak ada. Cuma masalah di dalam UMNO itu teruk sekarang ini, teruk sehingga tidak berminat hendak berbincang mengenai Titah Ucapan – tidak begitu berminat. Kalau kita lihat tidak ramai yang bangun terutamanya dari UMNO, cuma tadi saya nampak bukan UMNO yang bangun tadi, yang UMNO susah hendak tengok kerana dia asyik kepada perhimpunan itu sahaja – pemilihan itu.

Dato' Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, ada yang berdiri.

Dato' Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya amat berminat tetapi beri peluang you dahulu. Hendak dengar cakap betulkah atau tidak. Sebenarnya saya ada satu pantun untuk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik. Saya dengar.

Dato' Ruhanie bin Haji Ahmad:

*Rama-rama dalam kepompong,
Sebelum dilahir ke dunia maya,
Saya kesihan melihat Kepong,
Bagai SiLuncaj terjun dengan labu-labunya . [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak payah jawablah pantun itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah, tak payah. [Ketawa] Tak payah. Cuma sekarang pun dia 'monyok' saya tengok. [Ketawa] 'Monyok'! – saya pun tidak tahulah apakah sebabnya. Inilah semua 'Pak-pak Lang' itu berminat dengan pemilihan UMNO belaka. Titah Ucapan, masalah dan perkara yang penting untuk negara tidak dipentingkan. Itu masalah sekarang ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kuala Terengganu, ya?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mengembalikan apa yang disebut oleh Kepong tadi tentang kenaikan saham di Bursa Saham. Saya ingin mengembalikan apa yang disebut ataupun satu temubual yang dibuat dengan Pengerusi Eksekutif MIER, Dr. Mohd Arif yang disiarkan dalam *Dow Jones Newswire* pada 8 Februari, beberapa hari yang lepas di mana beliau menyatakan, dengan izin, "... *what you see in the stock market is a false sense of comfort.*" Beliau menambah, dengan izin, "...*even companies under court protection from their creditors are enjoying sharp price increases*"

Jadi persoalan yang ingin saya kemukakan ialah dari segi walaupun dikatakan ada kenaikan sehingga mencecah kepada satu ribu mata dan sebagainya, boleh atau tidak wakil bagi Kepong menjelaskan atau

memperincikan sedikit daripada sudut politik perniagaan yang wujud dalam UMNO dan Barisan Nasional di mana UMNO dan parti-parti komponen terutamanya MCA dan MIC telah berpuluh-puluh tahun membolot kekayaan negara ini dan apa yang berlaku ini adalah lebih merupakan pembelian dalam bentuk spekulatif, kenaikan yang berlaku sekarang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang mempunyai kelayakan yang tinggi dan pandangan itu memang tajam sekali. Tajam dari segi apa yang berlaku di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur sebab menjelang pemilihan UMNO memang ada kaunter-kaunter yang berkaitan dengan partinya harganya naik. Saya pun tidak tahulah kenapakah kaunter-kaunter parti ini dipermainkan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Kalau kita hendak menghapuskan politik wang, apakah tindakan yang diambil oleh setengah-setengah orang itu wajar. Mengapa perniagaan dicampur-aduk dengan politik.

Ada orang pernah berkata, kalau tidak silap saya Yang Berhormat bagi Sungai Siput yang pernah berkata kalau tidak ada politik wang, tidak berkaitan dengan politik, hendak buat perniagaan untung satu sen pun tidak boleh. Satu sen pun tidak boleh untung kalau tidak kaitkan dengan politik. Itu Yang Berhormat bagi Sungai Siput pernah buat kenyataan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa di dalam pilihan raya kita, kita nampak banyak gejala dan perbelanjaan yang dibuat oleh pihak calon-calon Barisan Nasional memang besar. Tidak ikut undang-undang yang ditetapkan RM50,000 setiap calon sahaja untuk kawasan Parlimen, tidak ikut langsung kalau kita perhatikan dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihan raya kita nampak tender projek-projek awam dan swasta disyaki dicampur-tangan oleh tokoh-tokoh politik bagi pihak kroni-kroninya. Misalnya, sejak bermulanya penswastaan lebih 434 projek telah diswastakan dengan jumlah kosnya lebih RM67 bilion. 434 projek atau lebih ini dengan jumlah kosnya lebih RM67 bilion, daripada jumlah ini berapa projek yang diuruskan mengikut kriteria-kriteria dalam lembaga-lembaga tender yang adil.

Kita boleh mengatakan bahawa lembaga tender dengan pakar-pakarnya untuk mentafsirkan cadangan penender-penender memang ada. Saya ada baca daripada akhbar tempatan yang menyiarkan iklan untuk tender dan sebagainya. Memang ada tetapi kalau pengerusi lembaga menerima panggilan, saya bukan kata semua, ada berlaku! Kalau pengerusi lembaga menerima panggilan daripada seorang tokoh politik yang berpengaruh bagi pihak kroninya apakah pengerusi itu boleh buat. Jika campur-tangan politik berlaku apa gunanya kita wujudkan lembaga tender.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

1630

Tuan Yang di-Pertua, pada 18 Januari 2000 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengarahkan supaya sistem memberi kontrak-kontrak bagi projek-projek kerajaan dikaji semula, dengan izin, *the system must be more transparent and fair to all contractors*. Di sini saya hendak menekankan, kita mesti kaji semula semua sistem kontrak, semua sistem tender, termasuk di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sistem vendor tidak silap saya, dihapuskan sekarang ini, kerana tidak adil dikatakan. Tetapi bila saya tanya di Dewan yang mulia ini, semua itu beres, semua itu adil, semua itu baik, sistem tender di luar bandar, sekarang Yang Berhormat Menteri yang baru dia kata ini tidak boleh pakai, tidak adil

Tuan Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari Kepong ada Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Nanti, dari mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kinabatangan ke!!

Tuan Moktar bin Radin: Bolehlah [*Ketawa*] Ahli baru bolehlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong. Dari tadi saya mengikuti perbahasan dari Kepong ini, tadi nampak tidak begitu relevan. Wakil bagi Kepong asyik bercerita menuduh semata-mata, bercakap

membuta tuli tanpa ada *evidence*. Jadi, kalau boleh beri penjelasan terperinci tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong biarlah ada bukti, fakta yang telah dilakukan, jangan membuta tuli, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya beri dia peluang kerana orang yang pertama, kali pertama dia masuk ke dalam Dewan yang mulia ini, cuma saya beri nasihat itu Padang Besar memang mempunyai bukti yang cukup kerana dia batalkan sistem vendor di luar bandar itu dan

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta penjelasan, bukan penjelasan, ini point of order, Tuan Yang di-Pertua. Kata-kata Yang Berhormat bagi Kepong ini melanggar Peraturan Mesyuarat 36(6), lebih sangkaan buruk daripada sebenar. Sebenarnya tidak ada sebab lain daripada untuk hendak menyelesaikan beberapa masalah yang tidak ada kaitan dengan cara pembelian kontrak, cara kita memilih vendor-vendor, tidak ada. Ini hanya untuk menyelaraskan beberapa perkara lain. Tetapi dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong ini saya minta jangan diteruskan oleh kerana ini lebih berbentuk sangkaan buruk yang melanggar Peraturan Mesyuarat 36(6). Dia lebih buruk menyangka daripada ada bukti-bukti seperti yang disebutkan oleh sahabat saya di seberang sana tadi, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sangkaan buruk mengapa pada 18 Januari 2000 Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan supaya sistem memberi kontrak-kontrak bagi projek-projek kerajaan dikaji semula. Dan juga Yang Berhormat sendiri buat pengumuman bahawa sistem vendor dibatalkan dan diganti dengan sistem yang lain. Mengapa hendak gantikan sistem itu elok sekali, baik sekali, indah, tidak payah kita hendak hapuskan sama sekali, kita kekalkan

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Point of order sekali lagi. Saya membantah atas point of order. Ini sekali lagi sangkaan buruk, ia tanpa mengetahui apakah sebab-sebab kita kata begitu, tidak semestinya kita kata mengubah sesuatu sistem itu oleh kerana ada rasuah, ada sebab-sebab lain dari segi pelaksanaan yang kita rasa boleh diubah tetapi tidaklah sampai setakat mana yang sangkaan buruk yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat

itu tadi. Saya minta Yang Berhormat jangan lagi membawa perkara ini secara yang dimaksudkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, sebab saya baru masuk, kalau hujjah Yang Berhormat ada unsur sangkaan jahat saya harap

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak sangkaan jahat, cuma saya petik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya baru masuk, jadi keputusan saya memang tepat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hanya membayangkan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga kenyataan Yang Berhormat sendiri dalam akhbar. Kalau tidak mahu sebutkan, jangan kita keluarkan kenyataan Cuma saya berharap sistem yang digunakan sekarang oleh Yang Berhormat bagi Padang Besar itu boleh dilaksanakan dengan lebih baik daripada sistem yang dulu. Boleh? Ia tidak sangat jahatlah ini. Tidak sangat jahat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas sebagai langkah permulaan untuk mengatasi politik perniagaan dan politik wang. Suruhanjaya diraja ini mestilah membentangkan laporannya di Dewan ini. Walaupun seruan saya dibuat di sini, saya tidak tahulah berapa tahun akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah politik wang dan politik perniagaan ini kerana kalau tidak silap saya dengan apa yang berlaku sekarang memang masalah ini akan berterusan lebih teruk lagi, kerana kita boleh lihat ahli-ahli di dalam UMNO pun nampak senyum sahaja mengenai masalah ini. Memang satu masalah yang paling serius di dalam politik Malaysia.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Senyum pun dia tegur. Saya minta sedikit penjelasan, bila Yang Berhormat bagi Kepong ini seakan-akan menuduh kepada keseluruhannya tentang perjalanan pentadbiran yang ada, penggunaan kuasa politik dalam konteks ekonomi, saya juga ingin bertanya sama ada Yang Berhormat bagi Kepong sedarkah perkara seumpama kuasa politik juga digunakan di negeri yang diperintah oleh pihak pembangkang seperti di Kelantan dan kita perhati di Terengganu secara mendekat kalau

perkara ini berlaku dan berlarutan seperti pembahagian kayu balak dan juga beberapa perkara-perkara, saya bukan menuduh, adakah Yang Berhormat sedar kadang-kadang saya membaca dalam surat khabar perkara ini dibangkitkan oleh pemberita tentang pelbagai permasalahan tentang pengagihan kayu balak yang diberikan kepada pihak-pihak tertentu yang ada kaitan politik juga berlaku. Sedarkah Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya -macam inilah, kita sama-sama adakan satu suruhanjaya diraja siasat semua negeri termasuk Kelantan dan Terengganu, itu lebih baik.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong. Apakah Yang Berhormat bagi Kepong mengetahui bahawa pada tahun 1985 sehingga 1989 kerajaan UMNO Kelantan telah mengeluarkan balak seluas 360 ribu hektar dan mendapat hasil RM160 juta. Manakala Kerajaan Kelantan pada 5 tahun berikutnya telah mengeluarkan lesen pembalakan sebanyak 160 ribu hektar tetapi telah memperolehi hasil balak sebanyak RM361 juta, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedarlah masalah itu, bukan sahaja balak, royalty petroleum pun begitu juga. Royalty petroleum di Terengganu kalau tidak silap saya setahun RM500 juta.

1640

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sedar atau tidak Yang Berhormat tentang perkembangan walaupun kita tahu hasil yang diperolehi semasa pemerintahan Barisan Nasional dahulu di negeri Kelantan tetapi pembangunan di negeri Kelantan tidaklah terbantut, sama ada dari segi prasarana kemudahan perumahan dan juga pelbagai kemudahan yang ada berbanding semasa ia berada di bawah pemerintahan yang ada pada hari ini kalau kita lihat secara menyeluruh pada tahun 1985 sehinggalah jatuhnya pemerintahan yang ada di negeri Kelantan dari segi pembangunan. Saya

meneliti keadaan itu jauh berbeza daripada apa yang berlaku dahulu dan sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat boleh kemukakan satu angka tetapi pihak negeri Kelantan dan negeri Terengganu ada angka yang lain dan cuma dari segi penggunaan misalnya royalti petroleum di negeri Terengganu. Kos untuk pentadbiran di negeri Terengganu hanya RM300 juta tetapi setiap tahun didapati menerima RM500 juta royalti. Di manakah pergi setiap tahun sebanyak RM200 juta. Itu masalah yang timbul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Hei, dari mana ini? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, Johor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading.

Dr. Tan Seng Giaw: Dari Sri Gadingkah? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cantik nama itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kepong dan daripada pertanyaan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, bahawa hasil kayu balak sewaktu pemerintahan Barisan Nasional di Kelantan pada tahun 1990 – RM100 juta lebih dan diperintah oleh PAS daripada 1990 hingga 1995 – RM300 lebih. Adakah Yang Berhormat bagi Kepong setuju bahawa perbezaan itu kerana perbezaan harga kayu balak? Di waktu tahun 1995 itu kayu balak berharga lebih rendah daripada harga semasa Kerajaan PAS memerintah negeri Kelantan. Di seluruh negara harga kayu balak telah pun jauh meningkat, maka sebab itu perbezaan peningkatan tentang pendapatan daripada jualan kayu balak. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Sri Gading macam mana ada balak pula. Tidak ada balak sekarang, sudah habis dimusnahkan oleh pihak Barisan Nasional.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju Sri Gading memang tidak ada balak kerana ia sudah ada perkampungan, bandar, pekan – sudah lama, sudah ratusan tahun Sri Gading tidak ada balak

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah dihapuskan oleh

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:tetapi tidak semestinya Sri Gading tidak ada balak kita tidak tahu cerita kayu balak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang sedikit masa lagi kita akan tahu misalnya, negeri Terengganu apa yang telah terjadi dengan perbelanjaan di negeri Terengganu sebelum kerajaan baru dan selepas kerajaan baru termasuk balak dan royalti minyaknya. Kita akan tahu laporan yang akan dibentangkan untuk membayangkan keadaan yang sebenarnya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Boleh saya minta penjelasan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai pendapatan negeri Kelantan memang kita akur atas sebab-sebab tertentu jumlah nilai balak, duit yang diperolehi lebih tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa peratus kemiskinan di negeri Kelantan meningkat daripada tahun 1990 hingga ke hari ini, kian tahun kian meningkat. Negeri Kelantan merupakan negeri yang terbanyak sekali jumlah orang miskin, pertama.

Kedua, Yang Berhormat menuduh Kerajaan Terengganu melesapkan wang sebanyak RM200 juta. Ini adalah satu sangkaan yang akan memberi satu gambaran yang cukup tidak baik kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, saya mintalah kalau Yang Berhormat benar-benar yakin apa yang Yang Berhormat katakan tadi mintalah Yang Berhormat sebut di luar nanti, supaya perkara ini dapat disiasat dan tindakan tertentu akan diambil. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri Terengganu ada menubuhkan satu Jawatankuasa Hisbah untuk menyiasat semua ini dan laporan akan dibuat kelak. Tidak payah kita mempertikaikan apa telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang penting. Kita sentiasa prihatin kepada bekalan elektrik di negara ini

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kembali kepada saranan Yang Berhormat bagi Kepong mengenai penubuhan Suruhanjaya Diraja dan setelah duduk di dalam Dewan yang mulia ini lebih kurang sembilan tahun saya telah pun hilang perhitungan, hilang hitungan atau *lost count*, dengan izin, mengenai cadangan Suruhanjaya Diraja yang dicadangkan oleh DAP.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kepong adakah saudara mempunyai rekod, berapa banyakkah Suruhanjaya Diraja yang dicadangkan oleh pihak Kepong dan berapa banyak yang telah pun dilaksanakan tanpa gesaan penubuhan Suruhanjaya oleh pihak DAP?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan baik juga kerana selagi ada masalah besar, masalah PERWAJA, masalah yang lain, masalah sekarang ada Mitsui dengan dakwaan bayaran sogok, lebih RM10 juta dan sebagainya. Selagi ada masalah-masalah yang timbul selagi itu Suruhanjaya Diraja diperlukan dan bilangan Suruhanjaya Diraja yang diserukan di dalam Dewan yang mulia ini membayangkan keadaan di dalam negara ini. Kalau keadaan teruk Suruhanjaya Diraja mesti bertambah bilangan seruannya, ini memang *direct proportion to what goings on*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukannya dengan izin, *indirect proportion* kepada keadaan yang seolah-olah yang dikatakan benar tetapi lebih dengan izin, *indirect proportion* dengan prasangka yang diwujudkan oleh pihak DAP yang satu ketika dahulu mempunyai wakil dan menjadi Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini.

Soalan saya - belum habis lagi Yang Berhormat bagi Kepong. Adakah saudara menyimpan rekod berapa banyak Suruhanjaya Diraja yang telah dicadangkan oleh DAP ataupun perkataan Suruhanjaya Diraja ini hanya menjadi satu *political gimmic* oleh pihak DAP yang seolah-olah [*Tepuk*] bankrap di dalam politiknya. Itu sahaja hendak tanya, jangan pusing jauh sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak pusing, tidak payah pusing. Selagi ada masalah dan skandal yang besar seperti PERWAJA, entahlah berapa dirugikan oleh pihak kerajaan, wang rakyat, ada yang sebutkan RM11 bilion, RM12 bilion untuk PERWAJA yang menjadi satu siri cerita panjang, cerita dongeng pula mengenai PERWAJA ini tidak dapat disiasat kerana tidak ada Suruhanjaya Diraja. Selagi ada masalah seumpama ini kita perlukan Suruhanjaya Diraja.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga teringat kisah-kisah skandal kewangan dalam DAP. Isu skandal Bukit China oleh pihak DAP. Adakah saudara mahu mewujudkan Suruhanjaya Diraja? Adakah ini juga tidak penyelewengan besar di dalam DAP? Perkara ini diketahui oleh umum tetapi sengaja mahu disorok tetapi disorok terlalu lama sehingga kerusi Ahli Parlimen yang ramai, sekarang tinggal berapa kerat dalam Dewan yang mulia ini. *[Ketawa]* Saya hendak tanya oleh kerana DAP dia menuduh UMNO sebagai pelaksana politik wang paling unggul dalam negara. Sebenarnya DAP mempunyai kudis-kudis dan juga nanah politik yang amat busuk. Ini hakikatnya. *[Tepuk]*

Jadi, jangan sewenang-wenangnya – saudara faham peribahasa Melayu ‘*Jaga tepi kain orang*’ ‘*Kuman di seberang laut nampak, gajah depan kaki dia buat buta*’ *[Tepuk]* Jadi, ini hakikatnya. Saya minta saudara tumpukan dan betulkan DAP, tunjuk betulkah DAP masih lagi kuat atau sekarang DAP ini sudah celup masuk dalam PAS.

1650

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang telatah seorang Ahli Parlimen yang sudah putus asa. *[Ketawa]* Hati bagai baling-baling sekarang ini dan ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat. Saya kata dia putus asa, sebab itu pantun tadi ‘*macam luncai terjun dengan labu-labunya*’.

Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, Kepong beri jalan atau tidak? Kepong!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya akan jawabkan jualan pantun itu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, ini saya minta penjelasan, beri atau tidak? Kalau beri jalan, duduklah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod. Penciptaan perkataan “politik wang” dicipta oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelang pertandingan UMNO pada tahun 1984 iaitu sekarang ini Tan Sri Musa Hitam dan ketika itu saya menjadi seorang daripada Setiausaha Politik beliau. Kalau itu rekodnya, bermakna saya adalah seorang yang amat menentang politik wang. Saudara mahu memerlukan, mahu mengketengahkan satu reformasi politik, tunjukkan reformasi di dalam diri dahulu dan banyak cerdik pandai menyatakan bahawa reformasi politik tidak boleh dijalankan secara tergesa-gesa, tidak boleh dijalankan secara *overnight*, dengan izin, tidak boleh dilakukan dengan sekelip mata.

Jadi, kalau boleh DAP sebelum ini hanya melihat kuman di seberang lautan, tunjuk apa yang dilakukan oleh DAP supaya kita kalau boleh jadi teladan kepada orang lain, kalau boleh. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh jadi teladan, kita ada Bendahari DAP di sini yang boleh menunjukkan wang disimpan untuk Bukit Cina, tak payah kita mempertikaikan, tak payah suruhanjaya, kita ada suruhanjaya sendiri. Boleh tunjukkan wang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin MCA tahu, sahabat-sahabat saya daripada MCA tahu apa cerita Bukit Cina, ahli daripada DAP yang sudah balik semula setelah pencen lima tahun pun tahu, apa cerita Bukit Cina. Cuba beritahu dalam Dewan, rekod yang sebenar, cerita yang saheh mengenai Bukit Cina, jangan sorok-sorok. Saya hendak minta, jangan takut, Kit Siang sudah tidak ada dalam Dewan. *[Ketawa]* Cuba beritahu dalam Dewan, adakah yang dikatakan skandal Bukit Cina itu benar, adakah itu palsu, kalau benar tolong tunjukkan ianya benar, kalau palsu mengapa perkara ini palsu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah kita

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah *double standard* DAP!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana *double standard*, berapa ribu ringgit, ini kita sebutkan mengenai UMNO itu berbilion-bilion ringgit. Apa bandingannya dan itupun kita ada wang simpan di dalam bank.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu sekadar tuduhan, skandal Bukit Cina adalah satu rahsia umum, tetapi pihak DAP sentiasa menyorokkan Itu rahsia umum yang dikenali, yang diketahui oleh seluruh masyarakat Cina dalam negara ini. Di mana letaknya maruah DAP kalau dalam Dewan yang mulia ini, tidak mahu menunjukkan kebenaran mengenai skandal Bukit Cina? Cuba beritahu kami benar atau tidak, palsu atau betul tuduhan mengenai Bukit C ina itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ...

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hai, tak tahu undang-undangkah?

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Sekiranya Ahli Yang Berhormat bagi Parit S ulong kalau berani, buatlah kenyataan di luar dan juga buat laporan polis supaya kita polis boleh siasat, janganlah sekarang dia hendak kacau dan kerana katakan dia UMNO ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong ataupun bertanya kepda Ahli Yang Berhormat bagi Kepong?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia tidak tahu undang-undang, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kata kan, saya ingat dia ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah, baca buku dahulu!

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya yang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sekarang berikan laluan untuk Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?.

Puan Chong Eng: Sudah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia bangun lagi, dia tidak beri jalan itu! *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Dia hendak kacau-kacau di sini. Sekiranya berani katakan agar mengadakan suruhanjaya untuk semua tuduhan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan juga tuduhan ahli di sana, supaya kita tengok siapa yang bersih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, 'parit yang sulong', dia hendak penjelasan, hendak jelaskan di sini, dia pun jahil juga dalam hal ini. Pihak Barisan Nasional sudah pun membuat laporan polis, polis pun sudah siasatan tetapi tidak ada hasilnya, tidak ada skandal. Itulah yang dibuat dan polis sendiri, Barisan Nasional pun tak percaya kepada Polis Diraja Malaysia, apa gunanya?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini pun satu penyelewengan hakikat. Dia kata Barisan Nasional tak percaya polis, ini amat parah akibatnya, oleh kerana dialah penegak keamanan, bagaimana kita yang menegakkan kerajaan tidak percaya kepada polis, sedangkan pihak pembangkang hanya percaya kepada polis apabila dengan izin, *served their purposes*. Apabila mengatakan tindak tanduk polis itu boleh dilantunkan menjadi *political mileage*, maka dia tidak percaya kepada polis, dibelasahnya polis. Barisan Nasional sentiasa memberi kepercayaan, kredibiliti kepada pasukan Polis Diraja negara. *[Tepuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan, polis sudah buat siasatan dan siasatan itu yang mengesahkan tidak ada skandal di dalam DAP tetapi dia tidak terima, dia ulang-ulang lagi, inilah masalahnya kerana politik wang di dalam itu sebesar ini, lebih besar dari raksaksa masalah itu, tetapi dia hendak bangkitkan kuman di seberang lautan, itu sahaja.

*Burung merbuk terbang melayang
Hinggap bertenggek di dahan mati
Kalau menepuk air di dulang
Nanti memercik ke muka sendiri. [Tepuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh berikan laluan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tinggi-tinggi siburung helang, pergi berkhemah di gua azam, tepuk air di dulang mercik muka sendiri itu tidak mengapa kalau air zam-zam. Itu hakikatnya, air zam-zam itu air yang penuh rahmat.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya membangkitkan di dalam Dewan, membabitkan skandal kesatuan sekerja oleh seorang tokoh DAP di dalam Dewan ini, apabila saya bercakap, hendak pengsan pergi ICU, membuktikan bahawa memang terlibat, memang benar, tetapi tutup juga, dijadikan wakil rakyat juga. Ini hakikatnya.

Jadi, macam mana? Kalau saudara DAP sekarang ini di bawah era alaf tahun baru kata dia tadi, sudahlah alaf tahun baru lagi *[Ketawa]* muafak tahun baru ialah. *[Ketawa]* DAP patutnya di bawah era kepimpinan Kepong sekarang ini, bersihkan dirinya, pilihan raya telah membuktikan bahawa DAP tidak punya kredibiliti yang tinggi, sebab itu kerusi semakin merosot, semakin merosot, apakah sebabnya? Kenapa pemimpin-pemimpin gergasi DAP tumbang, tolong beritahu dalam Dewan, kenapa Kit Siang tumbang, kenapa Karpal Singh tumbang, mengapa? Mengapa saudara tidak mahu membersihkan diri sendiri dan cuba mencari kesalahan orang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini saya yang berucap, bukan ‘parit yang sulong’.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat beri laluan untuk dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangun sekarang, Tuan Yang di-Pertua, tak payah berucap ‘parit yang sulong’ itu. Tak payah!

*Ke Tanjung Rhu mengail tenggiri
Dapat sedikit dibuat kari*

*Kalau guru kencing berdiri
Tentu murid kencing berlari [Tepuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu 36(6) sangkaan jahat. Kalau saya orang UMNO, guru saya Presiden UMNO kah? Adakah dia kencing berdirikah, adakah saya kencing berlarikah? Saya tahu kencing berdiri dalam toilet Dewan Rakyat itu Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. *[Ketawa]* Saya tahu! Hendak pantun lagi – boleh lepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya rasa cukuplah. Sila berucap tajuk yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukuplah, cukuplah. Tuan Yang di-Pertua, saya ada masalah-masalah yang timbul di dalam negara ini yang lebih penting daripada ‘parit yang sulong’.

Tuan Kerk Kim Hock: Minta jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Adakah Ahli Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan saya bahawa tadi tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong mengenai seorang pemimpin DAP yang telah pengsan masuk ICU itu, kalau benar kerajaan mempunyai bukti, kerajaan tidak akan begitu *merciful* kepada DAP, akan hancurkan kita. Jadi, jangan buat seolah-olah ada bukti tak hendak buat, itu satu perbuatan yang serius, yang tidak patut berlaku di sini.

Yang kedua, kes Bukit China, sudah banyak kali MCA buat laporan polis, kita telah pergi siasat, orang-orang DAP pun juga telah disoal siasat dan disahkan kita tidak buat salah, mengapa hendak ungit-ungkitkan perkara ini, untuk apa, *cheap* publisiti?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Yang di-Pertua, itu Kota Melaka memang berkata yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bangkitkan satu perkara yang penting mengenai bekalan elektrik.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod, saya hendak jelaskan, saya bukan menuduh. Suatu ketika dahulu, saya mengatakan sangkaan mengenai perkara yang tidak benar, skandal di dalam

satu kesatuan sekerja yang dipimpin oleh seorang bekas Yang Berhormat, mendiang pun. Dan selepas itu, Timbalan Menteri memberi jawapan yang saheh dan pihak DAP terus 'bungkem' orang Indonesia kata, bermakna mulut dia terus terkunci, tidak berani bersuara dan mungkin secara *coincidence*, mendiang itu terus dikejarkan ke ICU, selepas saya membuat pendedahan itu. Saya tidak mahu membuat *circumstanscial* tuduhan yang berdasarkan kepada *circumstances*. Tetapi perkara ini tidak pernah dinafikan, pada ketika itu kita mempunyai seorang ahli daripada Pulau Pinang yang duduk di dalam kesatuan sekerja, secara belakang dia mengatakan benar.

Tuan Kerk Kim Hock: Mendiang siapa itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong membuat tuduhan yang melulu, yang tidak berasas sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, sila teruskan ucapan.

Dr. Tan Seng Giaw: Orang yang dimaksudkan itu pun tidak ada di sini untuk membelakan diri, apakah keadilan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu 'parit yang sulong'.

Saya akan membincangkan masalah yang lebih bernas di sini, kita sentiasa prihatin kepada bekalan elektrik di negara ini. Sejak Lembaga Letrik Negara (LLN) diswastakan menjadi Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kewujudan pengeluar kuasa bebas, *Independent Power Producer* (IPP), keadaan bekalan elektrik adalah tidak begitu sempurna.

1700

Pada 3 Ogos 1996 putus bekalan elektrik secara besar-besaran telah menjejaskan 4.3 juta pengguna. Setelah peristiwa ini, gangguan-gangguan kecil masih berlaku di seluruh negara. Misalnya pada malam 23 Januari dan 10 Februari 2000, bekalan terputus beberapa kali di Taman Universiti, Petaling Jaya. Begitu juga dengan bekalan elektrik di lain-lain tempat di seluruh negara.

Permintaan kemuncak (peak demand) elektrik bergantung kepada keadaan ekonomi, lebih tinggi ketika ekonomi baik dan lebih rendah semasa ekonomi merosot. Permintaan bertambah 9.8% setahun mencapai tahap 15% pada 1996 dan turun kepada 3.4% pada tahun 1998.

Walaupun kerajaan mengatakan ia telah menambahkan kapasiti terkumpul (accumulated installed capacity) daripada 13,696 megawatt pada 1998 kepada 14,996 megawatt pada tahun 2000 terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kapasiti dan permintaan. Adakah keupayaan kapasiti 14,996 megawatt cukup untuk memenuhi permintaan kemuncak. Kerajaan berpendapat bahawa permintaan kemuncak pada 2000 adalah kira-kira 10,679 megawatt perbezaan di antara kapasiti dan permintaan adalah kira-kira 4,000 megawatt. Adakah angka-angka ini membayangkan keadaan yang sebenarnya. Adakah kerajaan mampu mengelakkan gangguan raksasa.

Saya sedar semalam ada jawapan daripada Yang Berhormat untuk soalan saya mengenai kapasiti penjana elektrik negara ini dan ada sebahagian tidak dijawab mengenai time delay, protection delay. Misalnya alat dibuat oleh syarikat Sieman. Protection delay, daripada setengah saat kepada dua saat. Protection delay, itulah maksud saya time delay.

Tuan Yang di-Pertua, malapetaka bekalan elektrik tiga tahun setengah yang lalu bukan tidak boleh dielakkan. Ia berpunca daripada kecuaiian ataupun oversight atau kekurangan penyelarasan secara relatif (relative lack of the coordination) di antara kerajaan, TNB dan IPP termasuk fahaman mengenai standard, jenis turbine, pengurusan dan penyelenggaraan. Setakat ini kerajaan belum menjelaskan dengan teliti peristiwa 3 Ogos 1996.

Walaupun terdapat penyusunan kecil untuk pengurusan TNB, kita tidak pasti sama ada kelemahan-kelemahan tersebut telah diperbaiki. Ada orang yang mengatakan bahawa gangguan kecil memang berlaku sepanjang tahun, tetapi gangguan raksasa berlaku setiap lima tahun. Jika tidak ada tindakan yang berkesan, maka pendapat ini akan menjadi kenyataan lagi.

Adalah peri mustahak bahawa kerajaan mengkaji semula kapasiti, keupayaan, terkumpul dan permintaan kemuncak dan faktor-faktor berkenaan yang rumit.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, kekurangan penyelarasan di antara agensi-agensi yang berkaitan. Misalnya, pada 3 Ogos 1996, TNB sedang membuat kerja penyelenggaraan di Paka, Terengganu (maintenance work). Tetapi TNB tidak memberitahu IPP hal ini. Bila mana pengurangan penjanaan atau gangguan grid adalah 10 atau 15%, agensi-agensi yang lain mestilah menambahkan bekalan elektrik untuk mengatasi gangguan tersebut. Saya berharaplah Kerajaan Negeri Terengganu akan mengambil perhatian mengenai masalah penjanaan elektrik termasuk di Paka kerana ada kelemahan-kelemahannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, masalah standard seperti penangguhan berlindung (protection delay) mestilah diselesaikan. Ini merupakan masalah tatkala peristiwa yang lepas. Syarikat-syarikat semacam Sieman membuat alat penangguhan berlindung (protection delay) yang berbeza dari 0.5 saat kepada 2 saat. Untuk memelihara turbine dan alat-alat elektrik, penetapan masa penangguhan haruslah mengikut standard kebangsaan, dengan izin, the delay settings should conform to a national standard. Penangguhan 0.5 saat adalah terlalu pendek untuk menangani mogok kilat (lightning strike) dan 2 saat adalah terlalu panjang untuk melindungi kelengkapan. Frekuensi rendah menyebabkan trip, yakni suis terpasang dan menghentikan turbine. Mujurnya, TNB telah memperbetulkan kelemahan tersebut. Tetapi, kebimbangan kita masih wujud.

Ketiga, ciri-ciri turbine gas dan wap (steam) - Pada satu ketika kerajaan berminat untuk memasang turbine-turbine gas kerana lebih mudah dan lebih murah. Turbine gas mempunyai mesin pemampat (compressor) yang mewujudkan pemampatan yang tetap, kelajuan tetap. Sekiranya kelajuan ini diperlahankan sebab beban (loading), pemampatan boleh kurang.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat beri penerangan sedikit apa yang kelajuan tepat dan kelajuan tidak tepat ini. Apakah makna dalam...

Dr. Tan Seng Giaw: Kelajuan tetap (constants speed).

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Apakah makna dari segi proses pengeluaran.

Dr. Tan Seng Giaw: Ia memang turbine gas ini memang ia ada kelajuan...

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya tahu ia turbine tetapi apakah secara detailnya cuba beri maklumat sedikit supaya apakah kesan ia kepada atas dan ke bawah ini. Tolong beri maklumat. *[Ketawa]* Saya tidak mahu Yang Berhormat cakap benda yang Yang Berhormat tidak tahu. Orang beri ucapan Yang Berhormat bercakap, ini seolah-olah kita tahu. Tolong beri penerangan yang lebih lanjut. Minta maaf.

Dr. Tan Seng Giaw: Penerangan ini lebih lanjut kerana Yang Berhormat bagi Kanowit sedang mendengar ucapan saya, dia senyum sahaja sekarang tetapi Menteri Pembangunan Luar Bandar tidak puas hati.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong tidak jawab sebab dia tidak tahu. Ini yang masalah dia merapu, dia bercakap benda yang dia tidak tahu, dia bercakap hanya untuk dapat mileage.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan mileage, ini satu perkara yang berlaku yang menjejaskan kita semua. Saya mengalami kesusahan kerana gangguan elektrik, putusny bekalan dari masa ke semasa. Saya kembali ke sini untuk menerangkan keadaan. Yang gas turbine itu ia memang ada speed.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta penjelasan. Kalau kita mengalami masalah gangguan elektrik ceritalah kita menghadapi masalah tetapi jangan pergi sampai into detail sampai technical detail yang kita tidak tahu. Ini yang masalah, benda yang kita tidak tahu, cakap kita tidak tahu, jangan buat-buat kita tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Padang Besar kalau tidak tahu kita diam, dengar dahulu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika kerajaan berminat untuk memasang turbine-turbine gas kerana lebih mudah dan lebih murah. Turbine gas mempunyai mesin pemampat (compressor) yang mewujudkan pemampatan yang tetap, kelajuan tetap (constants speed). Sekiranya kelajuan ini diperlahankan sebab beban (loading), pemampatan boleh kurang. Setelah

pemampatan jatuh, udara termampat (compress air) untuk pembakaran akan berkurang. Ini ada kena mengena dengan diameter turbine.

Sebaliknya turbine steam tidak menggunakan pemampat. Ia memakai dandang (boiler). Jika ada beban, jumlah stim yang dibekalkan masih sama, lebih injap stim akan dibuka secara spontan lebih banyak injap gas atau minyak untuk dandang akan dibuka juga. Kalau satu injap ditutup, beban akan ditampung oleh injap-injap yang lain. Turbine gas tidak memperolehi ciri-ciri ini.

Saya sebutkan dengan detail ini kerana saya pun bosan kerana bertahun-tahun saya mengalami gangguan elektrik, bekalan elektrik tergendala. Itu saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong sudah berucap dua jam.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan habis kerana gangguan banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan beri gangguanlah. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kita demokrasi, kita mengamalkan demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai orang hendak bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham, saya terima Tuan Yang di-Pertua, itu betul, yang dicakap betul.

1710

Tuan Yang di-Pertua, turbin stim adalah lebih mahal dan pelaburannya mengambil masa lebih panjang untuk mendapat semula perbelanjaannya. Untuk janakuasa kebangsaan, kerajaan tidak seharusnya cenderung kepada turbin gas yang kecil, oleh itu kerajaan mestilah mempertimbangkan semula aspek ekonomi untuk turbin-turbin gas dan stim. Jika kita hanya menggunakan turbin-turbin gas, maka kita akan hilang kemahiran untuk kelengkapan stim sebab kimia untuk turbin stim adalah rumit, suhu tinggi, *air demineralized* dan teknologi yang berlainan.

Negara ini mempunyai rizab gas mungkin untuk 50 tahun. Tetapi bila gas ini habis, apakah akan terjadi? Oleh itu, kita hendaklah mencapai

keseimbangan di antara turbin-turbin gas dan stim. Begitu juga untuk Padang Besar, mesti faham apakah perlunya keseimbangan di antara turbin-turbin gas dan stim.

Seandainya kita mempunyai lebih banyak stesen janakuasa dengan keupayaan penjana kuasa yang lebih besar, maka kita tidak payah khuatir mengenai berulangnya peristiwa gangguan raksasa. Kita mestilah mengadakan kajian bagi 20 atau 50 tahun akan datang untuk semua jenis utiliti semacam bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mempunyai banyak lagi perkara yang hendak dibangkitkan, saya akan bangkitkan semasa perbahasan belanjawan.

*Kita sambut alaf baru;
Seyogia pijat komputer ditakuti;
Kita sambut fikiran baru;
Semoga semangat kita dituruti.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sibü

5.12 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan penghormatan dan penghargaan saya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah menyampaikan titah ucapan yang berpandangan jauh, penyayang, prihatin dan berinspirasi di Dewan yang mulia ini pada 14 Februari 2000.

Titah Ucapan Baginda telah menyentuh isu yang luas, yang meliputi semua aspek sosial, ekonomi, agama dan bidang politik kebangsaan kita dan telah menyeru ketua-ketua pemimpin dan rakyat untuk terus bekerja kuat demi keharmonian kaum, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahniah saya kepada semua calon Barisan Nasional yang memenangi Pilihanraya Parlimen yang lepas secara umumnya dan 'Commander in Chief' yang kita sayangi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terutamanya, kerana telah memimpin Barisan Nasional kepada kejayaan 2/3 majoriti.

Barisan Alternatif yang diwujudkan oleh parti pembangkang semasa pilihan raya telah dijangka gagal sebelum mereka bermula kerana kesemuanya parti komponen tersebut mempunyai agenda politik yang berbeza dan mereka bergaduh semasa khususnya di Sarawak sendiri sewaktu berkempen. Jadi bagaimana rakyat dapat berharap agar mereka memimpin negara kita.

Kemungkinan ini satu anugerah dalam penyamaran apabila Pilihanraya Parlimen yang lepas juga telah mendedah kelemahan-kelemahan pengurusan Barisan Nasional dan saya berpuas hati kerana banyak langkah positif telah diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan kita demi untuk memperkuatkan lagi diri kita di dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara serta untuk bersedia bagi pilihan raya negeri yang akan datang di Sarawak.

Seorang Ahli: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tidak, duduk. Saya tidak mahu beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Adalah menjadi harapan saya....saya hanya ada 20 minit...agar ahli Parlimen daripada parti-parti pembangkang memainkan peranan yang sebenar sebagai wakil rakyat yang proaktif dan produktif daripada membayar 'lip services' untuk menjadi wira mengumpul 'mileage' politik.

Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Parlimen yang lepas telah menyaksikan 100% kejayaan bagi Barisan Nasional di Sarawak dengan 28 ahli Parlimen untuk Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Kepimpinan Barisan Nasional pusat di bawah YAB Perdana Menteri secara umumnya dan Barisan Nasional Negeri Sarawak di bawah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sib.

Tuan Robert Lau Hoi Chew:tidak beri, tidak beri....YAB Ketua Menteri Sarawak haruslah dipuji....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak beri jalan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew:kerana telah berjaya menyatukan kesemua 26 kaum di Sarawak untuk menyokong Barisan Nasional. Saiz

geografi Negeri Sarawak yang sebesar Semenanjung Malaysia tidak termasuk Negeri Perlis berhak untuk mendapat pertimbangan khas daripada Kerajaan Persekutuan. Permintaan ini patut diadakan kerana Sarawak masih lagi jika dibandingkan terkebelakang dari segi pendidikan, infrastruktur, pelancongan dan pembangunan pembuatan adalah di antaranya dan kami masih bergantung sepenuhnya kepada pengangkutan udara kerana Pan Borneo Highway sangat sempit, bengkok-bengkok dan tidak kesemuanya dihubung oleh jambatan.

Era sudah tiba bagi kementerian-kementerian Kerajaan Persekutuan, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan rakan-rakan seperjuangan saya di Dewan yang mulia ini untuk memberi Sarawak sokongan tuan-tuan sekalian di dalam usaha kami untuk setanding dengan rakan negeri di Semenanjung di bawah politik pembangunan YAB Ketua Menteri.

Barisan Nasional Negeri Sarawak yang sedia ada di bawah pimpinan YAB Ketua Menteri yang berkebolehan haruslah dikekalkan kerana ia telah berkhidmat untuk kedua-dua Negeri Sarawak dan Malaysia. Sebarang pertukaran yang dicadangkan untuk rakan kongsi Barisan Nasional yang bijak ini di Negeri Sarawak tidak harus digalakkan dan perlu ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kuching adalah satu-satunya pintu masuk udara bagi penerbangan-penerbangan antarabangsa, walaupun rakan saya dari Sarawak telah merayu beberapa kali berkenaan perkara ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari Kuching ke Sibu dan Kuching ke Miri melalui udara memerlukan 40 minit dan 1 jam masing-masingnya, dan jika melalui jalan darat, tidak termasuk 1 hingga 3 jam menunggu di pangkalan feri, memerlukan 8 dan 16 jam masing-masingnya. Maka bagaimana Kerajaan Persekutuan tidak boleh menyamai Kuching dengan bandar-bandar utama di Semenanjung di mana anda mempunyai Lebuhraya Utara-Selatan dan dalam masa 3 jam anda sudah berada di KLIA, pusat perjalanan udara negara kita. Saya menyokong usaha-usaha Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan KLIA menjadi pusat perjalanan udara nasional atau malahan serantau tetapi tidak dengan mempergunakan Sabah dan Sarawak.

Jika Kerajaan Persekutuan ikhlas untuk membantu Sarawak dan Sabah membangun industri pelancongan, lapangan terbang di Sibu, Miri, Sandakan dan Tawau haruslah dibuka kepada penerbangan antarabangsa dengan meningkatkan kemudahan dan perhubungan terus secara dalaman ke KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, jangan harap pelancong antarabangsa dari Singapura, pusat pelancongan yang tidak dapat dipertikaikan lagi di rantau ini, untuk melawat Sibu dan Miri jika mereka terpaksa ke KLIA dahulu dan 'transit' ke Sibu dan Miri kemudiannya. Ini tidak boleh jadi. Maka, perhubungan terus ke Singapura dan Johor Bahru adalah satu kemestian.

Tuan Yang di-Pertua, kini pelancong antarabangsa benci dengan peralihan lapangan terbang dan mereka lebih suka dengan penerbangan terus ke destinasi yang mereka ingin lawati.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menimbang semula rayuan kami dari Sabah dan Sarawak dengan membuka pintu masuk melalui udara dan saya pasti kita akan memperolehi lebih banyak pelancong-pelancong antarabangsa daripada kehilangan pelancong domestik kita sendiri ke negara jiran kita, seperti Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia harus menghargai usaha Kerajaan Barisan Nasional dalam membangun Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang di rantau ini. Bagaimanapun, sistem kawalan dalaman haruslah dibuat bagi mengagih tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa bagi melaksanakan tabung operasi dan projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa di Sarawak semua kontrak untuk membaiki dan menaiktaraf bangunan sekolah telah diserahkan kepada orang perseorangan ataupun syarikat yang tidak membuat apa-apa tetapi menjual kontrak dengan keuntungan yang besar dan setelah keuntungan diambil oleh kontraktor utama dan sub-kontraktornya, peruntukan kerajaan mungkin turun sebanyak 50% atau lebih apabila ia sebenarnya digunakan untuk faedah-faedah sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, amat menyakitkan hati melihat pihak individu yang tidak berhak mendapat keuntungan besar sementara sekolah-sekolah kerajaan kita, terutamanya di kawasan luar bandar, masih lagi usang dan Ahli

Lembaga Sekolah-sekolah Bantuan, yang mana kebanyakan daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional kita adalah ahli-ahlinya, terpaksa merayu wang derma daripada orang awam untuk membina sekolah bagi pelajar-pelajar. Yang lebih dahsyatnya Jabatan Pendidikan telah memberhenti lembaga sekolah untuk menguatkuasa yuran tertentu bagi tabung bangunan sekolah terhadap ibubapa-ibubapa pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang telah menderma dengan ikhlas terhadap tabung bangunan sekolah haruslah digalakkan dan dihargai dan Lembaga Pengurusan Sekolah haruslah dibenarkan untuk menguatkuasa yuran bulanan terhadap setiap murid, terutamanya bagi tabung bangunan sekolah apabila geran modal kerajaan sukar untuk diperolehi. Di manakah sistem subsidi RM ke RM ketika ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan kerja pembinaan SRK Sibu Jaya yang kini sedang meminjam bilik kelas sekolah daripada SRB Thian Hua yang mana telah dibina oleh 5 orang wakil rakyat Barisan Nasional di Sibu dan kini sekolah ini mempunyai lebih daripada 650 pelajar-pelajar selepas hanya setahun beroperasi. Ini adalah rayuan segera, tolong bantu.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk memindahkan SRB Cina daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar disebabkan oleh kekurangan pelajar haruslah dipercepatkan dan saya menghargai sekiranya Kementerian Pendidikan dapat membina Sekolah-Sekolah Rendah Cina baru di kawasan perumahan baru dan kawasan bandar di mana majoriti penghuninya ialah kaum Cina.

Tuan Yang di-Pertua, sistem payung yang dilaksanakan untuk projek pembangunan luar bandar telah menarik banyak aduan disebabkan oleh kontraktor dan sub-kontraktor mengambil terlalu banyak keuntungan dan ketidaksefahaman di antara kontraktor-kontraktor dan agensi-agensinya pelaksanaan selalu mengeluarkan kerja '*sub-standard*' oleh kontraktor-kontraktor.

Kini, jika mereka yang inginkan projek-projek pembangunan, mereka akan datang kepada wakil rakyat Barisan Nasional tempatan dan di bawah

sistem payung, wakil rakyat Barisan Nasional tidak dijemput untuk mengawas atau merancang dan kami sentiasa berada di dalam kegelapan kebanyakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, jika kontraktor payung dan sub-kontraktornya tidak menjalankan kerja mereka dengan betul, orang ramai akan menyalahkan wakil rakyat Barisan Nasional tempatan yang mana mereka sendiri tidak tahu siapa kontraktor-kontraktor tersebut dan sebagainya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan agar semua projek tabung pembangunan luar bandar haruslah disalurkan ke JKR untuk melaksanakannya dengan pengawasan dan perancangan wakil rakyat Barisan Nasional tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar semua rakyat Malaysia bekerja rapat dengan kerajaan demi mengekalkan keharmonian kaum, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Pengalaman pahit di Indonesia harus menjadi cermin kepada kita untuk memastikan agar negara tercinta kita ini tidak menjadi seperti Indonesia. Untuk mencapai ini, kita memerlukan perpaduan, kesederhanaan, produktiviti dan sikap pro-aktif daripada semua orang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

5.29 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak rakyat jelata serta pengundi Barisan Nasional di Parit Sulong mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Dewan yang mulia ini, Isnin lalu.

Ucapan Baginda pastinya akan kita jadikan garis panduan perjuangan di dalam usaha mencemerlangkan lagi bangsa, agama dan tanahair di alaf baru ini.

Beberapa perkara pokok tersirat di dalam ucapan tersebut:

- (i) seruan semoga rakyat jelata memperkukuhkan lagi azam untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara;
- (ii) seruan semoga rakyat jelata berusaha meningkatkan martabat bangsa dan negara supaya Malaysia sentiasa dihormati dan diteladani oleh dunia; dan
- (iii) Malaysia hendaklah sentiasa bebas, sepadu dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai aspek-aspek kemerdekaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong, masa sudah suntuk, boleh sambung pada hari esok.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S, P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan I. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasar Puteh)
- “ Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)

- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 2

Rabu

16 Februari 2000

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 24)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang

Di-Pertuan Agong

- *Y.B. Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]*

(Halaman 24)